

UNSUR MITOS DALAM TEKS *SEUNTAIAN NARATIF LISAN*
DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU, KELANTAN:
SATU PENGAPLIKASIAN TEORI PENGKAEDAHAN
MELAYU

NURUL AFIQAH BINTI ZULKEFLI

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

UNSUR MITOS DALAM TEKS *SEUNTAIAN NARATIF LISAN*
DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU, KELANTAN:
SATU PENGAPLIKASIAN TEORI PENGKAEDAHAN
MELAYU

NURUL AFIQAH BINTI ZULKEFLI

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA
PENGAJIAN WARISAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Nurul Afiqah Binti Zulkefli
C19A0627
Tarikh: / /2023

Tandatangan Penyelia

Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob
Tarikh: / /2023

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

“Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Agung” segala puji dan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadirat Allah atas limpah kurniaNya, Yang Maha Bijaksana serta berkuasa ke atas sekalian alam. Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian Alam, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W.

Bersyukur ke hadirat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya akhirnya saya berjaya menyelesaikan penyelidikan ini dengan berjaya. Oleh itu, dalam menyempurnakan segala penyelidikan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah saya iaitu Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan bagi menyempurnakan penyelidikan ilmiah ini. Semoga segala jasa baik dan amal yang disumbangkan oleh beliau akan memperoleh ganjaran, hidayah dan petunjuk dari Allah SWT.

Dalam pada masa yang sama, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa serta keluarga yang tersayang dan selalu menitipkan doa dan tidak berputus memberikan kata-kata semangat kepada saya untuk menghadapi cabaran dalam dunia akademik ini. Tidak lupa juga rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dari segi sokongan moral dan bekerjasama dalam membantu menjayakan penyelidikan ini.

Sekian, terima kasih.

Nurul Afiqah Binti Zulkefli
No. 28 Taman Gau Permai,
Jalan Maran,
28000
Temerloh,
Pahang.
0109149024
Emel: afiqah.c19a0627@siswa.umk.edu.my

JADUAL KANDUNGAN

	KANDUNGAN	HALAMAN
	PENGESAHAN TESIS	i
	PENGHARGAAN	ii
	JADUAL KANDUNGAN	iii
	SENARAI JADUAL	v
	SENARAI CARTA	vi
	SENARAI RAJAH	vii
	ABSTRAK	viii
	ABSTRACT	ix
BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	5
1.3	Persoalan Kajian	7
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Batasan Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	13
1.7	Definisi Operasional	15
	1.7.1 Mitos	15
	1.7.2 Cerita Rakyat	16
1.8	Organisasi Kajian	17
1.9	Penutup	19
BAB 2	SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.1	Pengenalan	20
2.2	Pengkajian Cerita Rakyat di Malaysia	20
2.3	Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya-Karya Sastera	52
2.4	Penutup	75
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	76
3.2	Reka Bentuk Kajian	76
3.3	Kaedah Kajian	77
	3.3.1 Kajian Kepustakaan	77
	3.3.2 Rujukan Teks Atau Dokumen	77
3.4	Teori Pengkaedahan Melayu	78
	3.4.1 Pengkaedahan Alamiah	78
	3.4.1.1 Pendekatan Gunaan	80
	3.4.1.2 Pendekatan Moral	80

3.4.1.3 Pendekatan Firasat	81
3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan	81
3.4.2.1 Pendekatan Seni	82
3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan	83
3.4.2.3 Pendekatan Dakwah	83
3.5 Kerangka Konseptual	85
3.6 Penutup	86
BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	87
4.2 Unsur Mitos Yang Dibentuk Daripada Fenomena Alam	88
4.3 Unsur Mitos Melalui Lambang	105
4.4 Unsur Mitos Berdasarkan Kejadian Alam	131
4.5 Unsur Mitos Yang Diilhamkan Menerusi Mimpi	162
4.6 Penutup	167
BAB 5 KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	168
5.2 Rumusan	169
5.3 Cadangan	175
5.4 Penutup	177
BIBLIOGRAFI	178
BIODATA PENKKAJI	189

SENARAI JADUAL

Jadual 1.5: Senarai tajuk cerita rakyat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*

HALAMAN
10



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI CARTA

HALAMAN

Carta 3.4.1: Jenis Pengkaedahan Alamiah
Carta 3.4.2: Jenis Pengkaedahan Keagamaan

79
82



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI RAJAH

HALAMAN

Rajah 3.1: Kerangka Konseptual

85



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Kajian Unsur Mitos Dalam Teks *Seuntai*an Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu

ABSTRAK

Cerita rakyat Melayu adalah salah satu bentuk cerita sastera rakyat Melayu yang tertua di alam Melayu. Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti unsur mitos yang terdapat dalam teks *Seuntai*an Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan dan menganalisis unsur mitos yang terkandung dalam teks *Seuntai*an Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Kajian ini telah dijalankan kerana masih terdapat kekurangan kajian lepas mengenai unsur mitos yang dilakukan terhadap teks *Seuntai*an Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan serta penggunaan buku ini juga masih lagi baharu dan ianya merupakan hasil terbitan pertama yang belum dikaji sepenuhnya oleh para penyelidik lain. Perkara ini telah mendorong pengkaji untuk melaksanakan kajian ini dengan lebih mendalam yang berpandukan batasan kajian iaitu menghuraikan secara keseluruhan mengenai penceritaan yang bertajuk “Unsur Mitos dalam teks *Seuntai*an Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu”. Kajian ini telah dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif dengan memfokuskan kaedah kepustakaan dan kaedah rujukan teks atau dokumen yang berpaksikan kepada penggunaan pendekatan teori pengkaedahan Melayu. Oleh itu, kajian ini menggunakan teori pengkaedahan Melayu kerana teori tersebut adalah cabang penting dalam kesusasteraan Melayu yang banyak mencerminkan sikap dan nilai kebudayaan Melayu itu sendiri bagi melambangkan bangsa Melayu dengan kekuatan agama Islam yang mampu mendatangkan nilai positif dalam diri setiap individu.

Kata Kunci: Teks *Seuntai*an Naratif Lisan, Cerita Rakyat, Unsur Mitos, Teori Pengkaedahan Melayu

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

A Study of Mythic Elements in the Text of *an Oral Narrative in the Pengkalan Datu River Basin, Kelantan: An Application of Malay Methodology Theory*

ABSTRACT

Malay folklore is one of the oldest forms of Malay folk literature in the Malay world. This study was carried out to identify the mythic elements found in the text of *The Oral Narrative in the Pengkalan Datu River Basin, Kelantan* and to analyze the mythic elements contained in the text of *The Oral Narrative in the Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*. This study has been carried out because there is still a lack of previous research on the mythic elements carried out on the text of *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* as well as the use of this book is also still new and it is the result of the first publication that has not been fully studied by other researchers. This has prompted the researcher to carry out this study in more depth, which is guided by the limitations of the study, which is to describe as a whole the story-telling entitled "Elements of Myth in the Text of *an Oral Narrative Chain in the Pengkalan Datu River Basin, Kelantan: An Application of the Malay Methodology Theory*". This study has been carried out using a qualitative approach by focusing on library methods and text or document reference methods that focus on the use of the theoretical approach of Malay methodology. Therefore, this study uses the theory of Malay methodology because the theory is an important branch of Malay literature that reflects the attitudes and values of the Malay culture itself to symbolize the Malay nation with the strength of the Islamic religion that is capable of bringing positive value to each individual.

Keywords: Oral Narrative Text, Folklore, Mythic Elements, Malay Methodology Theory

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada masa kini, kesusasteraan merupakan satu perkara yang perlu diketengahkan dalam kehidupan bagi memelihara perpaduan dan ketamadunan masyarakat. Hal ini kerana, kesusasteraan adalah bidang yang masih relevan untuk dihubungkan dengan pemikiran dalam diri masyarakat yang tidak memperlihatkan kepada perbezaan dari segi agama, bangsa dan negara. Sesebuah pemikiran dapat dibentuk iaitu dari segi lisan mahupun tulisan. Oleh itu, dalam membentuk pemikiran yang dipantulkan oleh pengarang adalah dilihat menerusi karya yang diciptakan dan aspek-aspek yang dicetuskan oleh kelompok sesuatu bangsa tersebut. (Nazri Atoh, Saipolbarin Ramli, Zamri Arifin & Zubir Idris, 2020).

Sesuatu karya sastera itu mempunyai manfaatnya menerusi nilai keindahan yang terjalin dan siratan bahasa yang teguh. Hal ini kerana, sastera ditubuhkan adalah sebagai dorongan kuat yang diperlukan dalam mendidik serta membimbing akhlak seseorang dengan memasukkan nilai-nilai murni yang dapat digunakan menerusi karya-karya sastera pada masa kini. Selain itu, sastera merupakan elemen yang memiliki saluran perlindungan peradaban yang dilihat penggunaannya berterusan pada masa akan datang. Oleh hal demikian, setiap penghasilan karya-karya sastera adalah sebagai khazanah yang memiliki nilainya yang tinggi dan tidak mampu ditandingi oleh perkara-perkara lain dalam masyarakat Melayu. Justeru, karya-karya sastera sememangnya memiliki beberapa perkara seperti unsur norma, tingkah laku dan nilai positif yang boleh diterapkan dalam diri

seseorang dan dikembangkan oleh generasi kini dan diteruskan kepada generasi seterusnya. (Samsudin A. Rahim, 2001)

Selain itu, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2006), mitos adalah “kisah mengenai dewa-dewa, manusia atau makhluk luar biasa yang berlaku pada zaman dahulu yang diertikan oleh sebahagian kelompok masyarakat yang menjadikannya sebagai kisah benar dan terdapatnya kepercayaan berkenaan”. Di samping itu, mitos adalah satu gaya penceritaan menerusi kebudayaan yang diperhatikan dari segi kebenarannya mengenai perkara yang telah terjadi pada masa dahulu. Perkara ini dipandang sebagai satu kepercayaan dan kebenaran mutlak dan dijadikan sebagai sumber rujukan. Seterusnya, Hashim Awang (1986) memberikan hujahnya terhadap kewujudan mitos dalam cerita rakyat bagi menceritakan keadaan manusia atau sesetengah makhluk tertentu dengan menghubungkan dengan peristiwa luar biasa yang dilihat luar logik akal pemikiran manusia. Hashim Awang (1986) juga menjelaskan mitos kepada dua jenis yang dilihat berdasarkan mitos permulaan penubuhan sesuatu tempat dan juga berkait dengan mitos ketokohan dalam cerita rakyat.

Mitos adalah sebagai bentuk penceritaan yang telah ditokok tambah oleh orang zaman dahulu dan penceritaan tersebut dianggap benar. Selain itu, mitos juga memiliki perkaitan yang dilihat daripada konsep kepercayaan yang banyak ditemui pada permulaan suatu suku bangsa, pembentukan sesuatu kejadian alam dan lain-lain lagi. Seterusnya, mitos juga difahamkan sebagai sebuah cerita mengenai kisah seseorang individu atau perkara yang telah ditokok tambah sehingga menjadikan sesebuah cerita itu tidak benar, direka-reka atau disifatkan dongeng. Secara tidak langsung, mitos dikelaskan sebagai suatu aspek yang tidak pasti kebenarannya.

Penciptaan sesebuah cerita rakyat adalah tertumpu kepada masyarakat terdahulu yang menjadikan perkara itu disampaikan secara berterusan kepada masyarakat utamanya iaitu golongan muda. Selain itu, penceritaan cerita rakyat kebiasaannya menggambarkan keadaan tempat dan dikaitkan asal usul cara kehidupan sesuatu manusia yang dicitrakan ke dalam bentuk cerita rakyat. Dengan demikian, sesebuah pengisahan adalah tertumpu kepada cerita-cerita yang dijumpai oleh masyarakat terdahulu dan dikembangkan kepada masyarakat kini. Setiap corak penceritaan yang ditonjolkan kepada generasi kini ke generasi akan datang perlulah diteruskan supaya penceritaan ini tidak ditelan oleh arus zaman. Oleh itu, penerimaan masyarakat tentang cerita rakyat dapat diperluaskan lagi agar diwariskan dan disebarkan dalam bentuk lisan menerusi penyampaian dari mulut ke mulut agar dapat diperluaskan lagi kepada generasi turun temurun.

Tambahan pula, cerita rakyat merupakan elemen sastera yang lazimnya disampaikan dalam bentuk lisan oleh sebahagian masyarakat terdahulu berdasarkan unsur relatif dan kolektif yang telah ditetapkan mengikut jangka waktu yang lama menerusi penerapan kata klise (Danandjaja, 2007). Antara ciri cerita rakyat yang dapat diperhatikan iaitu mempunyai sifat sama erti dengan tidak menyebut nama pengarang serta memiliki sifat komunal kerana penceritaan cerita rakyat yang diterangkan memiliki unsur kolektif. Oleh hal demikian, pembentukan cerita rakyat adalah berdasarkan kaedah percakapan secara beransur-ansur dengan tidak menyampaikannya sekali gus yang diterapkan oleh nenek moyang. Perkara ini timbul disebabkan oleh sesuatu pengkisahan cerita rakyat yang disebarkan menerusi pertuturan. Justeru itu, cerita rakyat dapat dipecahkan kepada tiga komponen utamanya iaitu lagenda, dongeng dan mitos.

Sehubungan itu, cerita rakyat yang disampaikan adalah bertunjangkan kejadian yang pernah berlaku dalam diri seseorang yang membawa kepada nilai positif serta negatif dalam diri seseorang individu. Hal ini demikian kerana, pengisahan cerita rakyat yang wujud

menerusi karya sastera adalah bermatlamatkan sebagai medium untuk berhibur untuk menanamkan rasa minat yang mendalam terutamanya bagi golongan kanak-kanak terhadap genre cerita rakyat. Hal ini dikatakan, dalam cerita rakyat mengandungi unsur yang kelakar, sedih, gembira dan banyak lagi perasaan yang muncul (Taum, 2011). Berdasarkan pengamatan oleh Taib Osman (1976) menjelaskan bahawa naratif lisan atau kebiasaannya dipanggil cerita rakyat telah dikembangkan oleh masyarakat dahulu dan tidak mempunyai pemilik penceritanya. Hal ini kerana, naratif lisan merupakan satu warisan yang diperkenalkan oleh generasi terdahulu kepada generasi kini agar penceritaan tersebut tidak ditelan oleh zaman. Biasanya, naratif lisan merupakan cerita yang disampaikan oleh orang-orang tua yang lebih berpengetahuan serta berpengalaman dalam hidupnya yang banyak berkait dengan peristiwa kehidupan yang dialaminya dan diceritakan semula kepada golongan muda agar dapat dijadikan sebagai pengajaran, panduan hidup serta memupuk nilai kecintaan terhadap cerita rakyat Melayu dalam diri generasi kini selain tujuan untuk berhibur dan penyampaian nasihat. Hal ini bersangkutan paut dengan penceritaan naratif lisan itu sendiri dapat dikaitkan unsur mitos sebagai satu penceritaan yang pernah berlaku dalam masyarakat Melayu terdahulu dan dijadikan sebagai sejarah. Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dalam hujahnya mengatakan bahawa naratif lisan merupakan salah satu cabang kesusasteraan Melayu yang telah dikembangkan menerusi peralihan zaman dalam kehidupan masyarakat. Seterusnya, naratif lisan juga telah menjadi lambang kebudayaan sesebuah masyarakat. Dengan demikian, tujuan naratif lisan ini sememangnya dapat dilihat pada masa kini di mana kegunaannya adalah sebagai medium pendidikan kepada anak-anak yang sedikit sebanyak mengetengahkan perkara-perkara penting seperti pantang larang, adat dan kepercayaan.

1.2 Penyataan Masalah

Penyataan masalah atau umumnya disebut “Problem Statements” berpandukan kepada perkara yang membuktikan bahawa sesuatu perkara itu memiliki kebenaran atau sebaliknya berdasarkan dapatan kajian yang ingin diterapkan dalam kajian. Bahkan, penyataan masalah turut dibentuk yang tidak tertumpu kepada pemerolehan jawapan daripada masalah yang dihadapi. Namun begitu, ianya dilihat kesimpulan keseluruhannya dengan merujuk perkara yang diteliti itu mempunyai kebenaran mahupun sebaliknya. (Mahyuddin K. M. Nasution, 2017).

Seterusnya, pengkaji mendapati menerusi kajian yang dilaksanakan oleh sarjana terdahulu tentang cerita rakyat menjadi satu bahan kajian yang lazim diberikan perhatian oleh pengkaji lepas. Hal ini saling berkaitan apabila wujudnya sebahagian pengkaji yang melaksanakan penelitian terhadap cerita rakyat. Antara pengkaji yang melaksanakan kajian terhadap cerita rakyat adalah Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) dalam penelitiannya yang bertajuk *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*, Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohamad Firdaus Che Yaacob (2020) dalam pemerhatiannya yang bertajuk *Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu, Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), *Nilai-Nilai Murni dalam Seuntaiian Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam penyelidikannya *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu* dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) berpandukan pemerhatiannya iaitu *Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang*.

Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa kajian yang bertunjangkan cerita rakyat merupakan kajian yang menjadi perbincangan yang sering dikemukakan oleh para sarjana terdahulu. Pengkaji juga telah mendapati bahawa kajian lepas mengenai unsur mitos masih kurangnya dijalankan dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Sehubungan itu, pengkaji ingin melakukan sesuatu kelainan terhadap kajian dilaksanakan dengan menentukan 30 buah cerita rakyat yang akan mengupaskan unsur mitos berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Seterusnya, pengkaji juga mendapati bahawa penggunaan buku ini masih baharu lagi dan buku ini adalah hasil terbitan pertama yang belum diterokai sepenuhnya oleh ahli sarjana. Berdasarkan teks yang dipilih, pengkaji telah menentukan beberapa unsur mitos yang diperoleh menerusi buku yang dipilih. Oleh itu, pengkaji mampu menjalankan kajian yang dilaksanakan dengan baik dengan tujuan utamanya iaitu untuk menggalakan masyarakat untuk membaca cerita rakyat seterusnya dapat memupuk rasa minat dan kecintaan generasi muda akan penceritaan mitos yang ditemui dalam cerita rakyat.

1.3 Persoalan Kajian

Terdapat dua persoalan utama yang dibincangkan oleh pengkaji bagi pelaksanaan tugas yang dijalankan, antara persoalannya ialah:

- 1.3.1 Apakah unsur mitos yang terdapat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.
- 1.3.2 Bagaimanakah unsur mitos yang diperoleh menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

1.4 Objektif Kajian

Terdapat dua objektif utama yang dikemukakan oleh pengkaji bagi pelaksanaan tugas kajian yang dilaksanakan, antara objektifnya ialah:

- 1.4.1 Mengenal pasti unsur mitos yang terdapat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.
- 1.4.2 Menganalisis unsur mitos yang terkandung dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu.

1.5 Batasan Kajian

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan, kajian dibataskan menerusi tajuk *Unsur Mitos Dalam Teks Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* menjelaskan penceritaan daripada naratif lisan yang ditentukan oleh sebahagian kawasan kampung yang memaparkan pelbagai jenis unsur mitos. Selain itu, setiap penceritaan yang dikemukakan adalah merupakan sumber yang menjelaskan kepada pembentukan moral oleh seseorang individu. Buku ini ditulis, disusun teliti serta dikemaskan oleh pengarangnya iaitu Mohd Firdaus Che Yaacob yang dikenali sebagai seseorang yang memiliki kelulusan peringkat tinggi di Universiti Putra Malaysia dalam Ijazah Sarjana Dengan Kepujian Muda Kesusasteraan Melayu, Ijazah Sarjana Sastera (Dengan Tesis) dan Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Warisan di Universiti Malaysia Kelantan. Teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* telah dikeluarkan oleh UMK PRESS pada tanggal 1 Disember 2021 yang mempunyai 120 halaman bercetak. Penerapan bahasa yang terkandung dalam buku ini adalah merujuk kepada bahasa Melayu bagi keseluruhan teks. Pengkaji juga berpendapat bahawa penggunaan buku ini sangat sesuai sebagai medium pendidikan kepada semua golongan terutamanya kanak-kanak kerana bahan yang terkandung di dalamnya memiliki manfaatnya selain untuk berhibur semata-mata.

Bagi meneruskan kajian, pengkaji telah meneliti satu per satu muka surat dalam memilih beberapa tajuk yang berkaitan dengan unsur mitos dalam buku *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Justeru, pengkaji telah menyenaraikan beberapa tajuk bagi membataskan kajian dengan meneliti beberapa cerita rakyat yang terpilih.

Unsur Mitos	Tajuk Cerita
Unsur Mitos Yang Dibentuk Daripada Fenomena Alam	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu 2. Rumah Api Penyelamat Saudagar 3. Keasyikan Suara Buluh Perindu 4. Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu 5. Tok Karim Guru Silat Masyhur 6. Kehebatan Laksamana Laut 7. Raja Sakti Pemerintah Berwibawa 8. Haji Long Abdul Rahman 9. Kegemilangan Pengkalan Datu 10. Kezaliman Seorang Raja 11. Kisah Sekumpulan Tupai
Unsur Mitos Melalui Lambang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemujaan Tok Mekong 2. Tok Perindu 3. Milik Siapakah Saka Itu? 4. Bidan Tok Haji Esah 5. Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu 6. Berpukakah Pengkalan Parit? 7. Pemujaan Pantai 8. Kehebatan Pawang Ali 9. Kubang Dek 10. Kebijaksanaan Burung Hantu 11. Kelawar Suka Keluar Waktu Malam
Unsur Mitos Berdasarkan Kejadian Misteri	<ol style="list-style-type: none"> 1. Disorok Jin 2. Jelmaan Mok Kurus 3. Jelmaan Saka Harimau 4. Misteri Gajah Berkaki Enam 5. Keajaiban Kera Putih 6. Misteri Batu Hampar 7. Kehebatan Bomoh Siam 8. Kubang Dek 9. Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu 10. Kain Sutera Cina 11. Pemujaan Pantai 12. Kehebatan Laksamana Laut 13. Bidan Tok Haji Esah 14. Kehebatan Pawang Ali 15. Raja Sakti Pemerintah Berwibawa
Unsur Mitos Yang Diilhamkan Menerusi Mimpi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kain Sutera Cina 2. Mok Su Nab Bomoh Ular 3. Jelmaan Saka Harimau

Jadual 1.5: Senarai tajuk cerita rakyat berdasarkan teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*

Justifikasi bagi pemilihan buku *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dilihat menerusi beberapa kriteria yang utama iaitu penggunaan bahasa, ilustrasi, penerapan nilai murni, plot cerita dan pemikiran pengarang yang rasional.

Pengkaji telah memilih teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* sebagai bahan utama dalam menyempurnakan kajian yang dilaksanakan. Dalam buku ini, pengkaji dapat memberikan beberapa justifikasi mengapa teks ini menjadi pilihan pengkaji. Antaranya, teks ini menerapkan penggunaan bahasa yang relevan dan sesuai untuk semua peringkat umur. Bahasa yang digunakan pengarang tidaklah terlalu berat untuk difahami. Hal ini kerana, penggunaan bahasa dalam teks ini adalah lebih bersifat sederhana dan tidak membuatkan pembaca tidak faham akan sesuatu penceritaan yang disampaikan oleh pengarang.

Selain itu, justifikasi kedua yang terdapat teks ini kerana penggunaan ilustrasi yang disampaikan oleh pengarang kepada pembaca mampu membuatkan para pembaca menelusuri setiap cerita dengan baik. Dengan adanya ilustrasi daripada pengarang mampu meningkatkan minat pembaca seterusnya mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada pembaca tercapai motifnya. Sebagai contoh, pengarang menggambarkan cerita dengan menggunakan nama tajuk yang menarik seperti *Misteri Gajah Berkaki Enam*. Dengan tajuk demikian, dapat membuatkan pembaca rasa ingin tahu dengan lebih lanjut mengenai cerita lisan itu.

Di samping itu, justifikasi ketiga adalah terdapat banyak nilai murni yang boleh didapati menerusi teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Teks ini sangat sesuai dan bagus dibaca oleh semua golongan kerana ia memiliki nilai murni yang dapat mendidik jiwa seseorang untuk bertingkah laku baik serta

membentuk akhlak terpuji. Oleh itu, cerita lisan merupakan satu medium pendidikan yang patut diterapkan dalam diri setiap orang.

Seterusnya, justifikasi keempat yang terdapat dalam teks adalah kerana plot cerita yang tersusun membuatkan pembaca cenderung untuk meneliti setiap kisah penceritaan dengan baik. Dalam teknik plot cerita, ia memerlukan beberapa perkara seperti peringkat permulaan, konflik, klimaks dan peleraian. Dengan ada teknik plot yang tersusun, pengarang mampu mengembangkan cerita dengan baik misalnya penceritaan *Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu*. Pada permulaan kisah ini ia menceritakan tentang sekumpulan sahabat yang ingin membuat persembahan menggunakan alat muzik. Seterusnya, konflik dalam cerita ini adalah ketika alat muzik yang dimainkan oleh mereka tidak mengeluarkan bunyi semasa persembahan berlangsung. Pada peleraian pula, mereka berasa kesal kerana tidak mengikut suruhan Tok Ketua untuk membuat persembahan terlebih dahulu di bawah pokok tanjung sebelum persembahan.

Akhir sekali, justifikasi kelima adalah pengkaji mendapati teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* memiliki pemikiran pengarang yang bersifat rasional. Hal ini dikatakan demikian kerana, pemikiran pengarang dalam karyanya mempunyai maknanya yang tersirat yang mampu membuatkan para pembaca untuk berfikir serta berimajinasi dalam memahami mesej yang disampaikan. Segala penceritaan dalam naratif lisan ini menjelaskan bahawa pengarang ingin menyampaikan sesuatu cerita itu dengan mengaitkan mesej kepada pembaca seperti cerita *Kebijaksanaan Burung Hantu* yang menggambarkan sebagaimana sifat manusia yang dimiliki oleh burung hantu yang menjadi batu api kepada rakannya garuda sehingga akhirnya mereka menjadi musuh.

Bagi meneruskan kajian, pengkaji telah menentukan satu teori yang difikirkan sesuai dengan tajuk kajian yang dilaksanakan. Teori berkenaan adalah Teori Pengkaedahan Melayu. Penggunaan teori ini dilihat sesuai kerana dapat dipadankan kepada beberapa aspek yang berkaitan seperti makna keelokan, kehalusan dan nilai daya cipta oleh sesebuah masyarakat Melayu yang merupakan hasil seni yang diterapkan dalam penulisan sastera yang mengangkat aspek-aspek kemasyarakatan. Justeru, pendekatan ini sememangnya membolehkan senario pertumbuhan itu diselaraskan mengikut perkembangan semasa dalam sesebuah masyarakat.

Teori Pengkaedahan Melayu telah digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Pengkaji menerapkan teori ini bagi memadankan dengan analisis kajian yang dilaksanakan terhadap teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Seterusnya, Teori Pengkaedahan Melayu telah ditentukan dalam penyelidikan ini bagi menganalisis perkara yang menjelaskan unsur-unsur mitos menerusi pendekatan firasat.

1.6 Kepentingan Kajian

Menerusi kajian yang dijalankan, pengkaji telah menyenaraikan beberapa kepentingan yang diperoleh daripada kajian. Antara kepentingannya adalah dapat membawa satu perubahan positif kepada seseorang individu di mana seseorang itu mampu meningkatkan tahap penguasaannya dalam penceritaan mitos yang telah diceritakan oleh nenek moyang. Selain itu, kepentingan yang kedua adalah dapat meningkat minat dalam diri seseorang yang ingin mendalami secara lebih khusus mengenai cerita-cerita mitos dalam cerita rakyat. Di samping itu, kepentingan yang ketiga pula adalah dapat meningkatkan pemikiran kritis oleh sesebuah masyarakat tentang bagaimana kemunculan cerita rakyat dalam kehidupan masyarakat kini. Berdasarkan keseluruhan kajian ini,

pengkaji mendapati bahawa kajian yang dilaksanakan memberi kesan positif dalam diri pengkaji, masyarakat dan negara.

Selain itu, menerusi kajian yang dijalankan, pengkaji memperoleh pengajaran yang boleh dijadikan sebagai panduan yang bermanfaat kepada diri pengkaji. Hal ini disebabkan oleh, penceritaan daripada cerita rakyat sememangnya kaya dengan nilai murni yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan di samping memaparkan tingkah laku dan peribadi yang mulia oleh seseorang individu. Dengan demikian, seseorang yang berperilaku baik dapat dilahirkan seterusnya dapat membentuk sahsiah diri dan berjiwa mulia oleh seseorang dalam mencari keredhaan daripada Allah SWT. Berdasarkan kajian cerita rakyat iaitu teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*, pengkaji dapat menjelajahi dengan lebih terperinci akan unsur mitos yang sewajarnya mampu memberikan pengajaran yang baik dalam diri pengkaji.

Selanjutnya, kajian yang dijalankan memberi kesan positif kepada masyarakat. Hal ini kerana, unsur mitos yang terdapat dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dapat membentuk masyarakat yang berkelakuan baik dari segi keperibadian dan tingkah laku yang diperlukan bagi pembangunan moral. Seterusnya, teks yang digunakan sangat bagus dijadikan bahan bacaan kerana kandungan daripada teks tersebut memiliki nilai pengajaran yang diperlukan dalam pembentukan jati diri masyarakat yang positif dan dapat melahirkan generasi yang mulia kerana didikan yang diperoleh sangat berkualiti. Oleh itu, hasil yang diperoleh daripada kajian mampu memberikan didikan dalam kalangan masyarakat terhadap penerapan nilai pengajaran yang diperoleh daripada cerita rakyat.

Akhir sekali, menerusi tinjauan pengkaji, kajian ini juga dapat menimbulkan kesan positif kepada negara. Pengajaran yang tertumpu kepada unsur mitos dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* juga memberi kebaikan

kepada negara. Hal ini kerana, kajian yang dilaksanakan dapat diterbitkan di laman sesawang ilmiah rasmi seperti *Google Scholar*, perpustakaan awam dan banyak lagi. Dengan demikian, secara tidak langsung kajian yang dilaksanakan memberi manfaat yang berguna dalam diri masyarakat kerana kajian seperti ini dapat digunakan sebagai bahan rujukan dalam tajuk kajian yang dijalankan. Menerusi kajian ini juga dapat memperkenalkan kepada generasi pada masa kini dan masa akan datang mengenai penceritaan yang cerita rakyat sebagai satu harta peninggalan yang bernilai kepada negara.

1.7 Definisi Operasional

Bagi meneruskan kajian ini, definisi operasional diperlukan adalah untuk meninjau makna sebenar berdasarkan pandangan tokoh-tokoh yang berpendidikan tinggi menerusi makna sebenar mitos dan cerita rakyat.

1.7.1 Mitos

Menurut Bascom (Danandjaja, 1986) *mite* atau mitos merupakan cerita prosa rakyat yang disifatkan suci oleh pemilik cerita. Di samping itu, *mite* dianggap sebagai sesuatu yang memiliki besar kuasanya sepertimana diperlihatkan daripada kuasa para dewa atau separuh dewa. Selain itu, beliau meneruskan hujahnya yang menyatakan bahawa mitos adalah suatu peristiwa yang pernah dialami pada masa lalu di dunia lain dan peristiwa tersebut tidak pernah terjadi masa kini yang menjelaskan bahawa kejadian ini disifatkan memiliki perbezaan dari sudut peralihan masa dan zaman. Seterusnya, *mite* dalam makna sebenarnya adalah merujuk kepada sesuatu sanjungan yang memerlukan pujian atau sebaliknya, ditakuti. Berdasarkan *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2006), menjelaskan mitos atau (*mythos*) dalam bahasa Greek adalah sebuah “cerita (kisah) yang melibatkan kuasa dewa-dewa dan manusia atau makhluk yang luar biasa yang sering dibangkitkan oleh

sebahagian kelompok masyarakat zaman dahulu. Masyarakat dahulu menganggap perkara yang terjadi adalah sebagai satu kisah yang mempunyai kebenaran dan secara tidak langsung telah melahirkan kepercayaan dalam diri mereka akan kejadian yang dihadapi oleh mereka adalah suatu kejadian yang pernah berlaku oleh dewa-dewa dan sekalian alam". Dengan demikian, mitos merujuk sebagai satu cerita yang bersandarkan kebudayaan dan memiliki kebenaran terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lalu. Menurut Harsojo (1988), menjelaskan kewujudan mitos terjadi daripada sebahagian kelompok manusia yang menjadikan sistem kepercayaan adalah sebuah landasan terhadap cerita-cerita suci yang terjadi pada masa lampau. Mitos juga membawa maksud kiasan tentang asal usul yang muncul dari zaman purba lagi kemudian dilupakan. Namun begitu, mitos dianggap sebagai satu kisah benar yang berlaku pada masa kini. Sebagai rumusan, menerusi pendapat yang dicurahkan oleh tokoh-tokoh, pengkaji difahamkan bahawa mitos merupakan penceritaan yang disangkakan sah oleh segelintir masyarakat pada hari ini. Oleh itu, mitos menjadi satu kepercayaan orang dahulu seterusnya disampaikan kepada generasi hari ini sedikit demi sedikit dan kelamaan ia dijadikan sebagai khazanah yang telah dikembangkan mengikut penyampaian cerita satu orang kepada orang lain dan penceritaan tersebut menjadi kemegahan dalam diri masyarakat.

1.7.2 Cerita Rakyat

Menurut Sisyono, Eko Widodo (2008), cerita rakyat adalah penceritaan daripada karya sastra yang merupakan hak milik masyarakat dan seterusnya disebarkan menerusi lisan. Menurut Hashim Awang (1985), cerita rakyat adalah perkara mengenai kisah perjuangan, kisah cinta (romantisme), atau perkara yang sudah berlaku di masa lampau dan digunakan dalam pembelajaran pada masa akan datang. Seterusnya, Nasirin Abdillah (2018) menghuraikan cerita rakyat adalah sebagai medium kepada masyarakat bagi

memperoleh ilmu pengetahuan. Hal ini kerana, dalam cerita rakyat masyarakat dapat mempelajari banyak perkara antaranya budaya, adat istiadat, pengalaman hidup serta sejarah yang terdapat dalam cerita rakyat. Secara rangkumannya, cerita rakyat mengikut pandangan tokoh adalah sebagai satu cerita kegemaran oleh sesetengah masyarakat kerana terdapat beberapa elemen yang dapat menarik minat seseorang untuk mengamati kisah tersebut secara mendalam menerusi elemen percintaan, kisah kehebatan seseorang tokoh dan mempunyai nilai-nilai sebagai medium pendidikan.

1.8 Organisasi Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Dimulai dari bab satu iaitu bab pengenalan yang membincangkan mengenai isu kajian seperti definisi utama mitos, definisi cerita rakyat dan pemilihan tajuk yang berdasarkan teks yang dipilih. Pengkaji telah memilih beberapa tajuk utama yang berkaitan unsur mitos yang terdapat dalam teks. Kesemua bahan yang dijumpai pengkaji adalah sebanyak 30 cerita rakyat berkaitan unsur mitos.

Pada bab dua pula, pengkaji memfokuskan tentang sorotan kajian lepas. Pengkaji mendapati terdapat banyak sorotan kajian lepas berkaitan dengan pengkajian unsur mitos dalam cerita rakyat Melayu dan pengkajian tentang Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji mendapati penerimaan masyarakat Melayu terhadap cerita-cerita mitos yang disampaikan turun-temurun oleh nenek moyang dan kurangnya pendedahan yang sempurna terhadap golongan muda mengenai cerita-cerita mitos. Kemudian, kajian diakhiri dengan kesimpulan.

Pada bab tiga pula, pengkaji telah menerangkan mengenai metodologi kajian. Metodologi kajian diperlukan adalah untuk mengukuhkan dapatan analisis kajian. Kajian dilaksanakan berpandukan kepada kaedah kualitatif seperti kaedah kepustakaan. Selain itu, kaedah rujukan teks atau dokumen pula dilaksanakan dengan mengaplikasikan teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dan seterusnya

Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989) diterapkan dalam kajian bagi memperoleh analisis dan hasil dapatan kajian yang mantap.

Pada bab empat pula adalah analisis dan pemerolehan dapatan kajian oleh pengkaji. Pada bab ini, pengkaji akan memfokuskan kepada analisis berkaitan unsur mitos yang terkandung dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Pengkaji telah mengeluarkan beberapa jenis unsur mitos yang telah dikenal pasti dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Setelah itu, Teori Pengkaedahan Melayu pula diaplikasikan pengkaji bagi menghuraikan unsur mitos yang terdapat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

Akhir sekali, bab lima adalah penutup. Pada bab ini, pengkaji menyimpulkan hasil keseluruhan kajian yang dilakukan dengan mengemukakan pengenalan, rumusan, cadangan dan penutup. Bab ini juga adalah bertujuan untuk menjawab segala persoalan-persoalan dan memaparkan idea-idea pengkaji bagi memacu pengkajian-pengkajian yang akan dilakukan oleh pengkaji yang seterusnya. Dengan adanya cadangan, ia sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji seterusnya dalam memantapkan hasil kajian mereka.

1.9 Penutup

Secara keseluruhan, pengkaji telah meneliti serta menghayati setiap teks yang dikarang oleh Mohd Firdaus bin Che Yaacob, dan telah menjumpai banyak unsur mitos dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Jika diteliti dan mengamati setiap helaian teks, pengkaji berasa sungguh teruja dalam memahami setiap ayat yang dilontarkan rapi dan kemas oleh penulis. Pengkaji mendapati bahawa buku ini sesuai dijadikan bahan bacaan kepada semua peringkat umur terutamanya yang meminati genre cerita rakyat. Hal ini kerana, buku ini sarat dengan perbincangan tentang cerita rakyat yang diperkenalkan oleh orang zaman dahulu sebagai bentuk pendidikan yang bermakna kerana menerapkan nilai dan mesej menerusi sesuatu penceritaan kepada masyarakat. Dengan demikian, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa unsur mitos dapat dijadikan sebagai bahan pengajaran kepada semua golongan bagi melahirkan generasi yang cerdik pandai dan dapat melahirkan individu yang berfikiran kritis terhadap penyampaian ilmu yang diberikan.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Tujuan utama penyelidikan yang telah dijalankan oleh para sarjana terdahulu adalah untuk memenuhi kelompongan berdasarkan kajian tersebut. Selain itu, sorotan kajian dilaksanakan adalah untuk menyempurnakan kajian sebagai satu medium penambahan ilmu pengetahuan dan dijadikan alat pengajaran. Berlandaskan sorotan kajian yang telah dilaksanakan sebelum ini, pengkaji akan menghuraikan dua tajuk kajian lepas iaitu mengenai pengkajian cerita rakyat di Malaysia dan pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu dalam karya-karya sastera Melayu di Malaysia.

2.2 Pengkajian cerita rakyat di Malaysia

Penelitian oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad, Mohd Sharifudin Yusop (2015) dalam kajiannya iaitu *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu* yang membincangkan mengenai penegasan yang perlu dipraktikkan dalam jati diri masyarakat Melayu melalui cerita rakyat yang dipilih. Kajian dilaksanakan adalah untuk memerhatikan impak daripada penggunaan arus teknologi yang melampau yang akan memberikan impak negatif kepada penceritaan cerita rakyat masa kini. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai jati diri menerusi beberapa buah cerita rakyat Melayu yang diutarakan oleh pelapor cerita rakyat iaitu Othman Putih dan Aripin Said. Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk kajian kualitatif merujuk kepada kaedah kepustakaan serta Teori Ekologi

Budaya sebagai tunjang bagi memantapkan lagi analisis kajian. Oleh yang demikian, pengkaji mendapati terdapat beberapa nilai yang berkonsepkan jati diri masyarakat iaitu menerusi nilai keberanian, bekerjasama, kasih sayang dan kerajinan.

Muhammad Azrul Deraman (2015) dalam kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Rakyat Hasil Koleksi Zakaria Hitam* adalah membincangkan mengenai kajian yang dijalankan oleh Zakaria Hitam terhadap 10 cerita rakyat yang dimulakan pada tahun 1972-1981 iaitu di negeri Pahang. Pelaksanaan kajian ini adalah bertunjangkan untuk mengetahui secara khusus akan kehidupan Pak Zakaria sehingga beliau dinobatkan sebagai tokoh di negerinya. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan objektifnya iaitu untuk mengetahui nilai-nilai kemanusiaan hasil koleksi Pak Zakaria. Teori yang ditentukan dalam penyelidikan ini adalah Teori Humanisme di mana teori yang digunakan ini berfokuskan kepada bentuk percakapan yang memiliki perkara baik dan disampaikan kepada khalayak. Berdasarkan himpunan koleksi beliau dilihat banyak menerangkan kepada proses memanusiaikan menerusi kaedah pendidikan yang mana difikirkan sesuai kerana ia lebih mudah diikuti serta difahami. Kaedah kajian yang dilaksanakan adalah kaedah kualitatif dan memerlukan rujukan perpustakaan. Menerusi penelitian ini, pengkaji mendapati kajian dijalankan adalah untuk mendidik moral baik seperti sikap rajin yang menunjukkannya sebuah perbuatan baik dan dapat dijadikan pengajaran.

Mohamad Luthfil Abdul Rahman (2015) dalam penyelidikannya iaitu *Awang Batil dan Pura Taman iaitu suatu Perbandingan Tradisi Penglipur Lara Melayu dan Orang Asli* mengetengahkan mengenai penceritaan cerita lisan dan penglipur lara Melayu yang wujud di Nusantara yang menjadi perbincangan orang ramai. Kajian dijalankan adalah kerana berlakunya kelompongan daripada kajian lepas yang dibincangkan oleh dua orang tokoh

terhadap penglipur lara yakni Awang Batil dan Pura Taman. Kedua-dua tokoh ini mempunyai perbezaan dari segi perkauman. Objektif kajian yang dikupaskan adalah mendokumentasikan proses kemunculan seseorang pencerita serta menganalisis secara mendalam peranan yang dibawa oleh kedua-dua tokoh menerusi konteks persekitaran yang dialami. Kaedah yang diterapkan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu menerusi dapatan daripada perpustakaan. Menerusi penelitian ini, pengkaji mampu mengeluarkan hasil dapatan iaitu untuk mengamati fungsi kegunaan penglipur lara dalam sesuatu penceritaan yang disampaikan.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2015) dalam penelitiannya iaitu mengenai kajian *Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni*. Terdapat kelompongan terhadap kajian-kajian lepas menjadikan kajian ini dijalankan. Objektif kajian yang dijumpai adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai murni yang terdapat pada cerita rakyat menerusi pembentukan nilai murni dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini dibataskan menerusi pengumpulan nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat dan kaedah kualitatif diterapkan dengan merujuk kepada kaedah kepustakaan bagi memperoleh secara lebih terperinci mengenai buku 366 cerita rakyat di Malaysia. Dengan demikian, hasil dapatan kajian ini menjelaskan mengenai buku tersebut banyak digunakan dalam penulisan ilmiah ini dalam menghuraikan kemurnian nilai murni yang terdapat dalam kehidupan masyarakat.

Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid & Samsilah Roslan (2015) dalam penyelidikan yang berbunyi seperti *Penghayatan Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini* adalah untuk mengetengahkan kepada permasalahan kajian tentang sosial remaja masa kini yang semakin berada di peringkat membimbangkan. Pengkajian ini adalah bertitik fokus kepada dapatan kajian iaitu mengenai penghayatan nilai

murni yang diterapkan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di zaman kini. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji adalah menerusi reka bentuk kajian yang bersifat tinjauan sebagai pemangkin maklumat. Kajian ini dibataskan menerusi data-data yang diperolehi daripada hasil soal selidik yang membabitkan pelajar sekolah menengah harian di Semenanjung Malaysia. Menerusi kajian yang dijalankan, pengkaji dapat mengetahui bahawa peringkat nilai murni yang diterapkan dalam diri pelajar adalah berada di peringkat sederhana.

Sorotan kajian diteruskan menerusi tajuk *Nilai-nilai Murni dalam Seuntaiian Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) membincangkan mengenai tingkah laku manusia yang ditonjolkan menerusi cerita rakyat menerusi aspek nilai-nilai murni. Pengkaji mendapati kelompongan dalam kajian sebelum ini mengenai cerita-cerita rakyat Melayu yang dilihat menerusi nilai murni. Kajian dilaksanakan adalah bertujuan mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam cerita rakyat Melayu. Seterusnya karya Aripin Said dan Othman Puteh iaitu teks *Seuntaiian Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang diterbitkan pada tahun 2013 dibataskan dalam kajian ini. Dalam pada itu, bagi membentuk kerangka yang baik dalam melengkapkan kajian, pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah dipilih oleh pengkaji untuk memantapkan hujah perbincangan. Rentetan daripada itu, hasil daripada kajian didapati terdapat nilai murni yang dapat diambil menerusi kajian yang dilaksanakan.

Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2015) dalam penyelidikannya yang bertajuk *Konflik Dalam Cerita Rakyat Dan Kesannya Kepada Kanak-Kanak* membincangkan kesan-kesan yang boleh mempengaruhi emosi dan menjadikan sesuatu perkara itu sukar diatasi menerusi peristiwa yang ditimpa. Terdapat kelompongan daripada kajian-kajian lepas yang memerlukan kajian ini dilaksanakan. Kajian ini bertujuan

bagi mengenal pasti dan menganalisis perkembangan psikologi kanak-kanak menerusi cerita rakyat terpilih. Selain itu, kajian terbatas dengan menggunakan 4 buah cerita rakyat. Kaedah kualitatif diaplikasikan berdasarkan Pendekatan Psikologi yang digagaskan oleh Jean Piaget dan Robert sebagai memantapkan lagi kajian penyelidikan. Oleh hal demikian, pengkaji mendapati bahawa kajian yang dilaksanakan adalah membuktikan cetusan konflik yang terjadi sedikit sebanyak memberi impak sampingan kepada tumbesaran kanak-kanak.

Siti Zuhaidah Zakeria (2015) dalam penelitian yang bertajuk *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih dalam Majalah Dewan Pelajar* menghuraikan tentang cara penyampaian yang baik kepada kanak-kanak agar meminati genre cerita rakyat dalam majalah Dewan Pelajar. Kajian dilaksanakan adalah kerana terdapatnya permasalahan mutu menerusi penghasilan buku kanak-kanak dan disertakan dengan kelemahan dalam menulis bahan ilmiah. Objektif kajian yang diperoleh adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis gaya penyampaian cerita kanak-kanak menerusi Dewan Pelajar terbitan DBP. Kajian dilakukan terhadap 21 cerita rakyat yang dipilih. Antara tajuk yang dibincangkan adalah *Baju Baru Raja, Isteri Si Penjual Garam, Peperangan Kucing dan Tikus, Raja Muda dan Puteri Burung Kuau, Arnab Yang Bijak, Pengembaraan Putera Raja, Kisah Chapi dan Si Bongsu, Hadiah Semangkuk Air dan Semangkuk Garam, Putera Belanak dan Puteri Bongsu, Tajamnya Akal Sang Ketam, Hashim Yang Cerdik, Asal Mulanya Burung Tekukur, Penenun Rambut, Kisah Semut Dan Kerengga, Kucing dan Ilmu Memanjat, Si Anak-Anak Dengan Hampa Padi, Dadu dan Didi Membunuh Gergasi, Tiga Pilihan, Kisah Seuncang Padi, Balasan Orang Kaya Tamak, dan Guri Emas dan Isteri Cerdik*. Tinjauan yang dijalankan adalah berpandukan kepada kaedah kualitatif dan Teori Psikologi diterapkan dalam kajian. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa gaya penyampaian yang

berkesan dan berada di landasan yang betul mampu manaikkan lagi bidang penulisan sastera ini kepada khalayak.

Tinjauan seterusnya daripada Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) dengan tajuk kajiannya iaitu *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* menghuraikan mengenai faedah nilai baik hati yang wajar ditanam dalam diri setiap masyarakat berdasarkan cerita rakyat Melayu. Kajian yang dilakukan adalah berpandukan aspek yang dikaji iaitu nilai murni seperti nilai baik hati yang terdapat dalam cerita rakyat sebagai mencapai matlamat iaitu memelihara sikap dan moral masyarakat daripada perkara batil. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai murni baik hati yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu iaitu *Koleksi Himpunan 366 Cerita Rakyat* yang disempurnakan oleh Othman Puteh dan Aripin Said. Kajian ini menerapkan kaedah kualitatif iaitu bersandarkan kepada Teori Pengkaedahan Melayu bagi mengukuhkan dapatan kajian. Menerusi kajian ini, pengkaji telah mengetengahkan nilai murni yang didasari merujuk tajuk kajian iaitu teks *Koleksi Himpunan 366 Cerita Rakyat*. Sebagai rumusan, nilai murni baik hati seharusnya disuburkan dalam diri setiap orang agar perkara-perkara batil dapat dijauhi.

Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) dalam penyelidikan yang bertajuk *Unsur Amanat dan Impak Lirik Dikir Barat Halim Yazid* yang menghuraikan Dikir Barat adalah peninggalan budaya di negeri Kelantan. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti, menganalisis amanat serta impak yang diperoleh daripada lirik. Selain itu, pengkaji menerapkan Aplikasi prinsip Teori Konseptual Kata Kunci dan kaedah kualitatif sebagai mengukuhkan analisis kajian. Secara tidak

langsung, pengkaji dapat menjelaskan dengan lebih baik bahawa penggunaan lirik Dikir Barat Halim Yazid mempunyai mesej yang berguna kepada masyarakat.

Rosfazila Abd Rahman & Abdul Razif Zaini (2016) dalam penelitian yang bertajuk *Pembangunan dan Cabaran Diaspora Citra Bangsa (Local Genius): Kajian Etnomologi Lagenda Mahsuri, Langkawi, Malaysia* menjelaskan kepada kajian etnomologi yang dipraktikkan dalam kehidupan sosial sebagai satu sifat abstraktif berdasarkan kisah lagenda Mahsuri, Langkawi. Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan kaedah kajian tentang etnomologi, menerangkan konsep diaspora citra bangsa (local genius) menerusi konteks pengkajian, menghuraikan latar lagenda Mahsuri, Langkawi dan menjelaskan aspek pembangunan serta cabaran diaspora citra bangsa (local genius) yang berlaku dalam lagenda Mahsuri, Langkawi, Malaysia. Kajian dibataskan dengan hanya melihat kepada lagenda Mahsuri menerusi kajian etnomologi. Sebagai rumusan, pengkaji mendapati bahawa aspek-aspek pembangunan dan cabaran diaspora citra (local genius) Lagenda Mahsuri adalah perkara yang perlu diketengahkan kepada masyarakat kini.

Berdasarkan penelitian Clarice & Low Kok On (2016) kajiannya adalah *Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema* yang mengetengahkan mengenai cerita rakyat Sabah iaitu dipanggil sebagai Tangon. Kajian ini dilaksanakan kerana terdapat kelompongan yang digariskan daripada kajian lepas kerana cerita rakyat Sabah kini semakin berada di fasa yang kurang didedahkan dan dilupakan oleh sebahagian masyarakat dan ada pun daripada masyarakat Dusun Liwan sendiri yang tidak mengambil tahu tentang sejarah nenek moyang mereka. Objektif kajian yang dijumpai dalam kajian ini adalah membahagikan cerita rakyat Sabah mengikut kategori seterusnya objektifnya yang lain adalah menganalisis cerita rakyat Sabah berdasarkan cerita rakyat Barat dan cerita rakyat Melayu. Kajian yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk memberi penekanan kepada tema-tema yang diperolehi dalam

cerita rakyat Sabah. Sehubungan itu, kajian dilaksanakan adalah berdasarkan kaedah temu bual yang dilakukan dengan penduduk Dusun Liwan. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati kajian menerapkan keistimewaan tema yang wujud dalam cerita rakyat Sabah iaitu etnik Dusun Liwan.

Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016) dalam kajian yang bertajuk *Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak* memperincikan amalan turun temurun sebagai perkara yang semakin merisaukan oleh disebabkan kepesatan negara yang semakin maju. Objektif kajian yang dikemukakan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur budaya dalam cerita rakyat kanak-kanak. Selain itu, kajian dibataskan berlandaskan kepada beberapa buah buku cerita rakyat terpilih. Kajian yang dijalankan adalah dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu rujukan teks dan kepustakaan. Secara keseluruhan, pengkaji memperoleh kajian ini memfokuskan unsur budaya yang digunakan sebagai medium pengajaran kepada kanak-kanak.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab Ghani, Shahariah Norain Shahrudin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) dalam kajian yang berjudul *Cerminan Moral Positif Dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu* membincangkan isu cerita rakyat yang dipilih. Cerita rakyat merupakan sebuah cerita yang diperturunkan daripada masyarakat dahulu kepada generasi kini yang dikembangkan mengikut peredaran zaman. Kajian dilaksanakan adalah kerana terdapatnya kelompongan daripada kajian lepas. Objektif kajian yang diperoleh adalah mengenal pasti dan menganalisis nilai moral positif masyarakat Melayu menerusi cerita rakyat dan penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu diterapkan dalam kajian ini. Selain itu, kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif yang memerlukan kepada analisis yang diperoleh dari perpustakaan serta teks

yang diguna pakai. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati kajian menerapkan nilai murni kejujuran berdasarkan teks cerita rakyat terpilih.

Fifi Rinyuk (2017) dalam penelitiannya bertajuk *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian* mengetengahkan isu nilai-nilai moral berdasarkan cerita rakyat kaum Bidayuh di Serian. Kajian dijalankan adalah kerana kelompongan yang ada pada kajian terdahulu. Objektif kajian yang ditemukan adalah sebanyak tiga perkara iaitu mengkategorikan cerita rakyat oleh sekumpulan kaum Bidayuh, menghuraikan nilai-nilai moral berdasarkan cerita rakyat kaum Bidayuh dan menghubungkan nilai-nilai moral dalam kehidupan masyarakat kaum Bidayuh. Terdapat permasalahan yang berlaku dalam kajian ini di mana cerita rakyat kaum Bidayuh semakin kurang diperkenalkan dalam masyarakat kerana usaha dalam memartabatkan cerita rakyat masih kurang diusahakan oleh generasi kini. Teori Pengkaedahan Melayu diaplikasikan berdasarkan kaedah kualitatif dalam kajian ini. Menerusi pengkajian ini, pengkaji mendapati bahawa kajian dibuat bagi membuka ruang masyarakat dalam mengenali cerita rakyat kaum Bidayuh.

Muhammad Zuber Bin Ismail & Mohamad Mokhtar bin Abu Hassan (2017) dalam pemerhatiannya *Prinsip Perancangan Dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda* yang mengetengahkan isu permasalahan prinsip disiplin dalam sesebuah karya kesusasteraan yang dilihat berada di tahap rendah kerana karya ini semakin hari semakin dilupakan semenjak kewujudan karya sastera moden. Tujuan kajian dilaksanakan adalah untuk meneliti aspek pengurusan moden dalam cerita lipur lara menerusi *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Objektif kajian ini adalah menganalisis prinsip perancangan yang diperolehi menerusi *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* dan objektif kedua adalah menentukan prinsip-prinsip perancangan yang dianalisis berdasarkan kaedah perancangan untuk dikenal pasti. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berpandukan kepada kaedah

keputusan dan analisis teks dan Pendekatan Pengurusan diterapkan bagi mengukuhkan lagi kajian.

Normadiah Nassir, Low Kok On, Ismail Ibrahim & Supyan Hussin (2017) dalam penyelidikannya *Unsur Kepercayaan dan Kearifan Tempatan dalam Memorat Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol di Sabah* adalah mengenai sebuah kajian lagenda yang diwarisi dalam etnik murut. Permasalahan yang terdapat dalam kajian ialah ramai penyelidik dari Barat mahupun tempatan mengatakan cerita rakyat ini adalah sebuah cerita yang diketahui oleh dahulu. Selain itu, tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengetahui kaitan yang diperoleh daripada cerita memorat dengan perubatan rohani dan keadaan fizikal bagi masyarakat etnik Murut. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan objektifnya iaitu untuk mengenal pasti unsur kepercayaan dalam memorat perubatan tradisional serta menganalisis unsur kearifan tempatan yang ada pada cerita rakyat etnik Murut. Selain itu, kaedah yang digunakan dalam kajian adalah berdasarkan temu bual di mana terdapat 26 orang responden. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa etnik Murut telah menguasai ilmu perubatan tradisional yang dipertahankan oleh nenek moyang mereka.

Norlizawati Md. Nor, Jelani Harun & Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2017) dalam penelitiannya *Shamsu'l Bharain Sebagai Wira Lagenda di Beruas, Perak* adalah membincangkan mengenai *Hikayat Shamsu'l Bharain* iaitu sebuah karya yang bersejarah bagi mengangkat tokoh Shamsu'l Bharain sebagai perwira di sebuah tempat yang bernama Beruas, Perak. Kajian dijalankan adalah kerana terdapat kelompondan yang ada kajian terdahulu yang menjurus kepada *Hikayat Shamsu'l Bharain* yang merupakan karya sastera yang bersejarah di Malaysia. Objektif kajian yang dikemukakan adalah mengenal pasti dan menganalisis *Hikayat Shamsu'l Bharain* sebagai satu karya sastera bersejarah. Kajian dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan kaedah kepustakaan

dan pemerolehan analisis dari teks yang dipilih. Sebagai dapatan kajian, pengkaji dapat merumuskan bahawa Shamsu'l Bharain adalah seorang wira yang patut dijulung di Beruas Perak.

Selanjutnya, kajian daripada Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017) dalam pemerhatian mereka iaitu *Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu* menghuraikan mengenai perihal cerita rakyat sebagai satu medium pendidikan bermakna kepada masyarakat yang berkaitan soal pengalaman hidup, sejarah, adat istiadat, sejarah dan cita-cita yang ditemukan dalam kajian ini. Kajian dibataskan menerusi aspek nilai murni berdasarkan cerita rakyat dalam buku *Seuntaiian Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Seterusnya, objektif kajian adalah mengenal pasti dan menganalisis nilai keadilan dan kasih sayang. Selain itu, analisis perbincangan adalah merujuk nilai kasih sayang dalam cerita rakyat teks *Seuntaiian Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* sepertimana cerita rakyat *Nakhoda Haloba*, *Batu Belah Batu Bertangkup* dan *Puteri Pucuk Ketumpang*. Di samping itu, berdasarkan sudut nilai keadilan ditinjau menerusi cerita rakyat *Awang Selamat*, *Kacang dan Telur Ayam* dan *Puteri Kelapa Gading*. Kajian yang dijalankan adalah bersifat kualitatif. Secara rumusan keseluruhan, kajian ini adalah tertumpu kepada nilai murni yang digunakan dalam bidang pengajaran seterusnya dapat dijadikan panduan kepada masyarakat.

Florina Jumil & Norjietta Julita Taisin (2017) dalam kajian yang dilaksanakan iaitu *Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun* membincangkan aspek sejarah dalam kalangan masyarakat Kadazandusun. Terdapat kelompongan daripada kajian lepas yang memerlukan penyelidikan ini dilaksanakan iaitu nilai pendidikan dalam kalangan masyarakat kaum Kadazandusun. Kajian dilakukan berdasarkan objektif

kajiannya iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai moral dalam cerita rakyat Kadazandusun. Selain itu, kajian dibataskan dengan hanya menggunakan cerita rakyat Kadazandusun berdasarkan kepada pendekatan kualitatif dan Teori Nunuk Ragang diaplikasikan sebagai kerangka panduan dalam penyelidikan ini. Sebagai rumusan, pengkaji mendapati bahawa kajian mengenai cerita rakyat dalam kaum Kadazandusun boleh dijadikan sebagai medium pendidikan yang membentuk perilaku masyarakat yang berakhlak mulia di samping dapat dijadikan pengajaran kepada semua orang.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Marianai Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintan & Nor Asiah Muhamad (2017) dalam penelitian mereka yang bertajuk *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan* membincangkan mengenai bahan bacaan yang dapat digunakan sebagai medium dalam pembelajaran kanak-kanak. Terdapat kelompongan daripada kajian sebelum ini yang memerlukan pengkaji membuat penelitian yang lebih lanjut. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis kepentingan modul pembelajaran asas literasi dalam diri kanak-kanak berdasarkan cerita rakyat orang Asli. Selain itu, kajian ini membataskan kepada beberapa buah cerita rakyat iaitu *Asal Usul Padi, Dongeng Kinabalu, Ikan Dan Tupai, Si Anak-Anak Dan Kinomuluk dan Tikus Dan Kundur*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan pendekatan Fuzzy Delphi yakni nilai threshold. Sebagai rumusan, hasil keseluruhan kajian ini adalah untuk mengangkat amalan tradisi seperti adat resam dan pantang larang yang merupakan antara perkara yang melihatkan kepada nilai jati diri seseorang individu.

Penelitian diteruskan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017) iaitu kajian yang bertajuk *Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara*

Oleh Aripin Said & Othman Puteh membincangkan mengenai aspek nilai-nilai sebagai pembentukan tingkah laku dan moral dalam diri seseorang. Kajian dilaksanakan berikutan kelompongan daripada kajian lepas menerusi aspek nilai-nilai yang merujuk kepada tingkah laku. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan nilai-nilai murni yang terdapat dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian dibataskan dengan hanya menggunakan *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang diselenggara oleh Aripin Said & Othman Puteh. Antara nilai yang dianalisis iaitu nilai kebebasan, hormat menghormati dan hemah tinggi. Kajian yang dilaksanakan adalah bersifat kualitatif dengan menggunakan penerapan FPK (Falsafah Pendidikan Kebangsaan) iaitu memperjelaskan lagi tentang aspek intelek, emosi, dan rohani. Sebagai rumusan, pengkaji dapat menjelaskan bahawa teks yang digunakan sangat berat dengan mesej-mesej yang membentuk nilai murni seterusnya membentuk nilai bagi mencerminkan perwatakan murni dalam diri seseorang.

Sorotan kajian yang dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2018) adalah kajian yang bertajuk *Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu* membincangkan mengenai moral positif oleh masyarakat Melayu berdasarkan penjanaan intelek. Kajian dilakukan kerana terdapat kelompongan daripada kajian lepas. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis dan menghuraikan nilai rasional dan nilai kerajinan. Seterusnya, kajian dibataskan dengan menggunakan cerita rakyat yang bertajuk *Pengorbanan Wasiat Yang Bijaksana, Periuk Kera Ajaib, Puteri Birah Keladi, Pak Tani Menipu Harimau, Hakim Yang Bijaksana* dan *Takar Emas* yang bersandarkan kaedah kualitatif dan disertai Pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi mengukuhkan lagi analisis kajian. Secara rumusan, pengkaji memperoleh dua nilai iaitu nilai kerajinan dan

rasional bagi tujuan pembangunan intelek masyarakat seterusnya dapat meningkatkan kekuatan seseorang itu untuk membuat sebarang keputusan dengan baik tanpa rasa takut.

Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dalam penelitiannya *Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan iaitu Satu Pengaplikasian Sastera Warisan* mengetengahkan isu mengenai masyarakat orang asli temiar yang merupakan komunikasi yang pernah wujud di Malaysia. Hal ini kerana, orang asli temiar banyak memperkatakan mengenai cerita rakyat dalam masyarakat mereka dan merupakan satu kebanggaan dalam diri mereka. Objektif kajian yang ditemui dalam kajian ini adalah menganalisis nilai budaya dalam cerita rakyat masyarakat orang asli temiar Gua Musang, Kelantan. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah perpustakaan berserta pemerolehan data daripada kajian lapangan. Teori yang diaplikasikan adalah Teori Sastera Warisan yang diterajui oleh (A. Wahab Ali, 2005). Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kajian menerapkan nilai budaya sebagai lambang kekuatan yang dimiliki masyarakat Melayu terdahulu.

Faez Huzaini Ramleh & Humin Jusilin (2018) dalam penelitiannya *Unsur Spiritual Dalam Karya Catan Pelukis Sabah Sabrina Majuakim* adalah mengetengahkan isu unsur spiritual yang terdapat dalam karya sebagai mesej berunsur dakwah. Objektif kajian yang diperoleh adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis elemen komunikasi yang terdapat dalam sebuah karya catan. Kaedah kualitatif diaplikasikan dalam kajian yang merujuk kepada kepustakaan dan analisis teks seterusnya Teori Ikonografi digunakan sebagai tunjang utama dalam penyelidikan ini. Dengan demikian, kajian dilaksanakan adalah untuk mengetahui unsur agama yang terdapat dalam karya catan.

Siti Norasikin Azmi, Hanita Hassan, Wan Farah Wanie Wan Fakhrudin & Zaliza Mohd Nasir (2019) dalam penyelidikan iaitu *Pemaknaan Naratif Lisan Pengalaman Dalam Cerpen Melayu* mengetengahkan isu berkaitan pemaknaan naratif pengalaman cerita berdasarkan genre naratif sama ada dalam bentuk lisan mahupun penulisan yang terdapat dalam cerpen Melayu atau dikenali sebagai naratif prosa. Kajian dilaksanakan adalah kerana wujudnya kelompongan daripada kajian lepas di mana kajian masih kekurangan terhadap kajian Linguistik Fungsional Sistemik. Objektif kajian yang ditemui adalah menganalisis pemaknaan naratif pengalaman dengan mengaplikasikan pendekatan Analisa Transitiviti dan Linguistik Fungsional Sistemik. Menerusi dapatan kajian ini, ia memperjelaskan kajian ini memfokuskan kepada cerpen Melayu yang berjudul *Anita Cacatan Di Meja Makan Dan Menerusi Perjalanan* dan teori yang digunakan adalah teori Transitiviti dan Metafungsi Ideasional. Berdasarkan analisis keseluruhan kajian ini ia memaparkan maksud cerpen yang berbentuk aktif di mana ia melibatkan kepada proses aktif lakuan dan proses lakuan sebagai entiti hidup mahupun bukan hidup.

Kajian yang berikutnya daripada Wan Muhammad Aiman Wan Aziz (2018) dalam penyelidikannya iaitu *Cerminan Pemikiran Masyarakat Melayu yang Terpilih dalam Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* merumuskan mengenai aspek pemikiran masyarakat Melayu. Seterusnya, kajian ini diketengahkan kerana terdapat kelompongan pada kajian lepas. Tujuan kajian ini dijalankan adalah berpandukan objektifnya iaitu bermotifkan mengenal pasti dan menganalisis cerminan pemikiran masyarakat Melayu dalam teks terpilih. Seterusnya, pemilihan bahan kajian ini hanya terbatas kepada teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat* dengan mengaplikasikan kaedah kualitatif dan pemilihan Teori Pengkaedahan Melayu adalah untuk memenuhi hujah perbincangan ini serta memantapkan lagi analisis. Secara rumusnya, kajian yang dilaksanakan mendapati penguasaan cerita rakyat yang dilahirkan dari pemikiran masyarakat yang mempunyai daya pemikiran yang

bersifat kreatif dan kritis sememangnya mampu mewujudkan satu bentuk nilai moral positif dalam kehidupan.

Siti Norashikin Azmi, Hanita Hassan, Wan Farah Wani Wan Fakhruddin & Zaliza Mohamad Nasir (2019) dalam penyelidikan iaitu *Pemaknaan Naratif Lisan Pengalaman Dalam Cerpen Melayu* mengetengahkan isu berkaitan pemaknaan naratif pengalaman cerita berdasarkan genre naratif sama ada dalam bentuk lisan mahupun penulisan yang terdapat dalam cerpen Melayu atau dikenali sebagai naratif prosa. Kajian dilaksanakan adalah kerana wujudnya kelompongan daripada kajian lepas di mana kajian masih kekurangan terhadap kajian Linguistik Fungsional Sistemik. Objektif kajian yang ditemui adalah menganalisis pemaknaan naratif pengalaman dengan mengaplikasikan pendekatan Analisa Transitiviti dan Linguistik Fungsional Sistemik. Menerusi dapatan kajian ini, ia memperjelaskan kajian ini memfokuskan kepada cerpen Melayu yang berjudul *Anita Cacatan Di Meja Makan Dan Menerusi Perjalanan* dan teori yang digunakan adalah teori Transitiviti dan Metafungsi Ideasional. Berdasarkan analisis keseluruhan kajian ini ia memaparkan maksud cerpen yang berbentuk aktif di mana ia melibatkan kepada proses aktif lakuan dan proses lakuan sebagai entiti hidup mahupun bukan hidup.

Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai' Sujud (2019) dalam *kajiannya Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak* mengetengahkan isu mengenai watak kepimpinan menerusi cerita binatang. Kajian yang dijalankan adalah berpunca daripada kelompongan kajian lepas. Objektif kajian yang diperoleh adalah untuk mengenal pasti elemen adab dan kesan kepada masyarakat sekiranya ia diterapkan menerusi cerita binatang. Kajian dibataskan dengan pemilihan teks iaitu *Kisah Sang Kancil dan Memerang*. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif menerusi Pendekatan Adab yang digagaskan oleh Syed Naquib Al-Attas

yang diperkenalkan pada tahun 2001. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa watak binatang dapat digambarkan seperti kelakuan watak manusia yang dapat memberi mesej berguna kepada khalayak.

Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa (2019) dalam penelitian yang bertajuk *Dari Cetak ke Digital: Pembinaan Semula Cerita Rakyat di Malaysia* mengetengahkan isu-isu usaha yang diperlukan bagi memastikan cerita rakyat berkembang dengan lebih baik. Terdapat kelompongan daripada kajian-kajian lepas yang menjadikan kajian ini diperlihatkan. Objektif kajian yang ditemui adalah untuk mengkaji sama ada cerita rakyat di Malaysia mampu diselarikan dengan perkembangan teknologi di Malaysia. Kajian dibataskan adalah untuk melihat sejauh manakah jumlah kesusasteraan rakyat Melayu yang diperoleh berdasarkan media digital. Selain itu, kajian menerapkan kaedah kualitatif dengan meninjau perpustakaan dan hasil kajian lapangan. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa pengenalan ekosistem dalam cerita Melayu masih berada di tahap yang kurang memuaskan. Dengan itu, setiap pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam usaha mencapai matlamat dalam memastikan sastera rakyat ini dapat dikembangkan dan dipelihara dengan baik.

Seterusnya, Norazimah Zakaria, Mazarul Hassan Mohamad Hanapi, Makmur Harun & Farra Humairah Mohd (2019) dalam kajian yang bertajuk *Unsur Mitos dalam Teks Sastera Melayu Tradisional* adalah membincangkan cara untuk menarik minat masyarakat mengenai teks karya sastera Melayu akan kewujudan mitos di dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Selain itu, pengarang yang menghasilkan sastera Melayu dengan memasukkan elemen unsur mitos bagi menonjolkan kehebatan yang ada pada watak-watak terlibat dalam penghasilan cerita. Hal ini kerana, perkara-perkara ghaib sering menjadi kepercayaan masyarakat dahulu sebagai satu perkara suci. Dalam kajian ini, mitos digunakan dalam

cerita lisan sebagai medium penyebaran cerita yang disampaikan oleh satu generasi ke generasi lain. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa cerita mitos memiliki fungsinya kepada sastera lisan sebagai medium pendidikan.

Berikutnya, Cheng Jia Min & Low Kok On (2019) dalam kajian yang bertajuk *Asal Usul, Pengolahan dan Simbol Ragam Gerak Tarian Semanggak Etnik Tombonuo* adalah mengenai cerita rakyat yang terdapat dalam etnik Tombonuo yang menceritakan perihal ritual penyembahan yang menjadi satu amalan masyarakat tersebut. Sebagai makluman, mitos dan kepercayaan merupakan satu amalan yang masih diamalkan oleh etnik Tombonuo di dalam ritual tarian Semanggak. Selain itu, jika dilihat pada zaman mengayau satu upacara yang dinamai sebagai muinsamung telah dijalankan secara khas bagi pahlawan Tombonuo. Upacara ini dilaksanakan adalah bertujuan sebagai cara untuk mengusir semangat jahat yang mengikut rombongan mengayau untuk pulang ke kampung pahlawan Tombonuo. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa tarian Semanggak merupakan satu ritual yang melibatkan roh yang telah kembali menerusi mimpi.

Lanjutan daripada itu, Asniza Zakaria (2019) dalam pemerhatiannya iaitu *Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah dan Motif Darah Putih* yang membincangkan mengenai lagenda dalam cerita rakyat yang menghubungkan dengan peristiwa sejarah. Kajian dilaksanakan dengan berfokuskan kepada penceritaan Mahsuri yang terdapat dalam bentuk lisan mahupun penulisan. Dalam kajian ini, ia turut menyelitkan mengenai kisah Puteri Lindungan Bulan sebagaimana yang terdapat dalam lagenda cerita rakyat di negeri Kedah. Berkenaan cerita kedua-dua kisah iaitu Puteri Lindungan Bulan dan Mahsuri merupakan kisah benar kerana ia telah dicatat dalam sejarah Kedah. Kewujudan mereka masih diceritakan oleh masyarakat zaman kini. Seterusnya, kajian ini dilaksanakan untuk

merungkai kepada aspek yang menjadi penyebab kedua-dua wanita tersebut mati berdasarkan kepada perbezaan fakta dan peristiwa.

Selain itu, Asmiaty Amat, Lokman Abdul Samad & Dayang Uziah Harapan (2019) dalam penelitiannya *Pengaruh Budaya Dalam Antuka Masyarakat Iranun di Daerah Kota Belud* yang membincangkan mengenai Antuka atau nama lainnya teka-teki iaitu cerita rakyat yang masih kekal ke hari ini dalam kalangan masyarakat Iranun. Hal ini kerana, cerita rakyat berperanan dalam menstabilkan sistem jalinan komunikasi antara masyarakat. Dalam pada itu, Antuka dilihat sebagai medium komunikasi yang diperlukan untuk mencapai sebarang ilmu dan digunakan juga untuk mengetahui perkara yang ingin disampaikan. Kajian dilakukan dengan menggunakan teori Fenomenon yang digagaskan oleh Schutz iaitu sebagai bentuk pengalaman praktikal rakyat menerusi alam dunia sosial. Maka dengan demikian, pengkaji dapat menjelaskan bahawa pengumpulan Antuka bagi masyarakat Iranun amatlah wajar diteruskan ke zaman kini kerana kebanyakan pengamal Antuka sudah tidak ramai dan juga disebabkan oleh faktor usia.

Di samping itu, Mansur Tanra, Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad (2019) dalam pengamatannya iaitu *Pemmali Dalam Masyarakat Bugis di Pantai Timur Sabah* adalah membincangkan mengenai nilai-nilai yang terdapat dalam cerita rakyat Pemmali yang diterapkan dalam diri masyarakat Bugis yang bermastautin tetap di Sabah. Kajian dijalankan adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana usaha dalam menghidupkan warisan leluhur ini terutamanya dari segi moral dan etika hidup masyarakat Bugis. Kajian ini bersangkut paut dengan Pendekatan Etnopedagogi yang dibina oleh Alawasilah (2009) dan Karadinata (2010). Pemilihan teori ini adalah memberi tumpuan kepada bentuk pengkajian yang bersifat kearifan lokal iaitu bertujuan dalam mendedahkan beberapa nilai seperti budaya, sosial, moral dan etika berdasarkan cerita rakyat Pemmali. Justeru,

pengkaji dapat menyimpulkan bahawa Pemmali merupakan panduan masyarakat Bugis yang banyak digunakan dalam kehidupan mereka kerana ia memiliki kearifan lokal seperti unsur-unsur nasihat dan pengajaran sebagai medium pembentukan perilaku yang baik.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohamad Firdaus Che Yaacob (2020) dalam pemerhatian mereka iaitu *Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu* yang memfokuskan aspek nilai Islam yang berlaku kepincangan berdasarkan pembentukan akhlak dalam diri masyarakat Melayu. Kajian dibataskan dengan menggunakan sembilan buah cerita rakyat dalam teks *Koleksi Cerita Rakyat Malaysia* yang memfokuskan cerminan nilai-nilai Islam. Antara cerita rakyat yang membincangkan nilai-nilai Islam adalah *Mengapa Bangau Kurus, Bertukar Menjadi Batu, Kelekatu Sombong, Angsa Berbulu Emas, Kalimah Bismillah, Ditelan Ikan Yu, Mengapa Pinggang Kerengga Ramping, Bukit dan Pokok dan Setiakawan*. Objektif kajian yang diperoleh dalam kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu yang menjurus kepada pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Reka bentuk kajian yang diterapkan adalah bersifat kualitatif dengan merujuk kaedah kepustakaan dan teks. Teori Takmilah telah diaplikasikan bagi memantapkan analisis dan perbincangan kajian. Sebagai rumusan, pengkaji mendapati bahawa kajian ini adalah untuk memperlihatkan kepada kehidupan masyarakat Melayu yang sangat mementingkan tingkah laku baik berdasarkan penerapan nilai-nilai Islam.

Sorotan kajian oleh Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020) dengan tajuk kajiannya iaitu *Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitif* menjelaskan perkara aneh dan dapat meningkatkan keterujaan kepada diri pembaca. Pengkaji mendapati terdapat kelompongan daripada kajian sebelum ini. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis peristiwa aneh menerusi

cerita rakyat. Kajian terbatas dengan hanya menggunakan cerita rakyat *Hikayat Nakhoda Muda* yang terdapat dalam buku hikayat terpilih iaitu *Antologi Enam Hikayat* pada tahun 2016 dan telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan menerapkan pendekatan Semantik Inkuisitif yang digagaskan oleh Jalaluddin (2014) dan pendekatan Rangka Ruju Silang yang digagaskan oleh Kempson (1986). Berdasarkan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa penerapan pendekatan Semantik Inkuisitif dan Rangka Ruju Silang merupakan pendekatan yang menjelaskan makna dan peristiwa yang aneh yang terkandung dalam cerita rakyat.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) menerusi kajian yang bertajuk *Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan* menerangkan tentang kemampuan naratif lisan yang dapat memberi manfaat dalam diri dan berguna dalam pendidikan awal kanak-kanak kerana ianya mempunyai aspek pengajaran yang ditonjolkan dalam soal adat resam, kebudayaan dan pantang larang yang dimunculkan oleh masyarakat Melayu bagi melihat tingkah laku seseorang individu. Terdapat kelompongan daripada kajian terdahulu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis akal budi yang dijumpai dalam naratif lisan. Selain itu, permasalahan kajian yang terkandung dalam kajian ini adalah kerana kurangnya penyelidikan daripada tokoh sarjana terdahulu yang mengangkat unsur akal budi. Kajian dibataskan dengan hanya menggunakan beberapa cerita rakyat terpilih iaitu *Kelicikkan Pahlawan Mat Kilau, Haji Tahir Orang Alim, Asal Usul Kampung Pintu Reng, Penunggu Binjai, Main Teri Hiburan Masyarakat, Asal Usul Bunut Payung Tok Guru Haji Mokhtar dan Kerabat Diraja Memuja Pantai*. Kaedah kualitatif diterapkan menerusi analisis rujukan teks dan kepustakaan. Seterusnya, Teori Pengkaedahan Melayu dijadikan paksi utama dalam memantapkan lagi analisis kajian. Secara kesimpulan, pengkaji mendapati bahawa kajian dilaksanakan adalah untuk memperlihatkan akal budi yang didasari oleh

tindakan rasional, akal budi daripada sikap ikhlas dan akal budi daripada tindakan berani bagi memperkukuhkan kebenaran.

Rahimah Hamidan & Alya Batrisyia Annuar (2020) dalam kajiannya bertajuk *Perspektif “Melayu Malas dan Melayu Bodoh” Oleh Barat Serta Kebenarannya Berdasarkan Cerita Jenaka Melayu* yang mengetengahkan isu realiti sikap masyarakat Melayu pada zaman penjajahan yang diperhatikan oleh penjajah British. Kajian ini dilaksanakan kerana terdapat kelompongan daripada kajian-kajian lepas. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti serta menganalisis kebenaran perspektif penjajah British menerusi pemilihan cerita jenaka Melayu. Kajian dibataskan kepada beberapa buah buku cerita rakyat. Antaranya cerita jenaka *Pak Belalang*, *Pak Pandir*, *Pak Kaduk* dan *Si Luncai*. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan dapatan maklumat daripada perpustakaan dan teks. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat penyanggahan daripada perspektif penjajah British yang dilihat dalam masyarakat Melayu.

Sorotan kajian diteruskan oleh Zul Pahmi Sahidin & Norazimah Zakaria (2020) menerusi kajian yang dilakukan iaitu *Kajian Ikon, Indeks dan Simbol dalam Cerita Lagenda Lombok Berdasarkan Teori Semiotik*. Kajian dilaksanakan adalah untuk kerana berlaku kelompongan daripada kajian lepas. Objektif kajian yang ditemui adalah untuk mengenal pasti serta menganalisis ikon, indeks dan simbol yang digunakan dalam cerita lagenda. Dalam pada itu, kajian dilaksanakan bagi mengetahui ikon yang ada pada Cerita Lagenda Lombok serta dihubungkan dengan budaya masyarakat Lombok. Menerusi cerita mitos yang terdapat dalam *Cerita Lagenda Puteri Denda Mandalika* dan *Dewi Anjani* ia memaparkan beberapa peristiwa merujuk kepada percakapan yang melibatkan dua orang iaitu bidadari dan Denda Mandalika. Jadi, hasil dapatan kajian ini adalah menunjukkan

bahawa mitos yang berlaku pada Anjani yang mampu menukarkan bangsa Jin kepada bentuk manusia.

Maizura Osman & Nor Hasimah Jalaluddin (2020) dalam pelaksanaan kajiannya iaitu *Pengesahan Mitos Kegagahan Badang Melalui Metafora: Analisis Teori Relevan* membincangkan mengenai mitos kegagahan Badang dalam *Citra Lagenda Badang*. Objektif kajian adalah mengenal pasti dan menganalisis mitos kegagahan Badang berdasarkan Teori Relevan. Kisah Badang dalam Sulalatus as-Salatin adalah mengenai seorang manusia biasa dan merupakan seorang hamba kepada Sayung. Beliau ditugaskan untuk menebas serta membersihkan kawasan hutan. Menurut pengkisahan, Badang telah turun ke sebatang sungai bagi menangkap ikan lalu dia ternampak hantu yang memakan ikan dan Badang dengan secara tidak langsung menangkap hantu tersebut. Hantu itu merayu untuk dirinya dibebaskan sehingga dia melakukan pertukaran dengan Badang dengan memakbulkan segala permintaannya tetapi ada syaratnya iaitu perlu memakan muntahnya sendiri. Menerusi cerita ini, pengkaji mendapati bahawa kajian ini dilakukan bagi melihat kejadian mitos yang berlaku kepada Badang bagi dirinya memperoleh kekuatan.

Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali@Zalay (2020) dalam penelitiannya *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) dalam Karya Seni Cetakan* adalah membincangkan penggunaan Cerita Si Luncai sebagai adaptasi daripada kesusasteraan rakyat kepada masyarakat. Objektif kajian adalah untuk melihat sejauh manakah penggunaan adaptasi Cerita Si Luncai dalam hasil seni visual. Kajian diterapkan adalah berdasarkan kaedah kualitatif dengan merujuk kaedah kepustakaan yang bertunjangkan kepada Teori Adaptasi yang dipelopori oleh Desmond & Hawkes (2006). Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kegunaan adaptasi dalam cerita rakyat sangat membantu

dalam menarik minat generasi kini untuk mempelajari dengan lebih mendalam cerita rakyat ke dalam bentuk visual.

Selain itu, kajian diteruskan oleh Syaimak Ismail & Muhammad Saiful Islam Ismail (2020) dalam penelitiannya iaitu *Unsur-Unsur Mistik dan Pemujaan Dalam Kalangan Masyarakat Melayu di Pulau Besar Negeri Melaka* menerusi Jurnal Melayu yang membincangkan mengenai kepercayaan dan agama mengikut aspek sosial iaitu sebagai kemampuan melahirkan bentuk budaya. Jika diteliti sejarah, masyarakat Melayu sangat tidak asing akan pegangan yang dianuti seperti Animisme dan Hindu Buddha sebelum kedatangan Islam. Orang Melayu sangat taksub akan semangat dan kuasa ghaib yang diperoleh daripada sekeliling mereka. Hal ini membuktikan bahawa mereka melakukan aktiviti pemujaan adalah disebabkan perasaan menghormati serta kepercayaan yang wujud dalam diri akan semangat alam di sekeliling mereka. Secara keseluruhan, pengkaji mendapati kajian yang dilaksanakan ini adalah untuk melihatkan kepada unsur-unsur mistik yang digunakan dalam masyarakat Melayu sebagai satu komunikasi yang erat antara perkara ghaib dan manusia.

Nur Shahirah Othman (2020) dalam penelitiannya iaitu *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* mengetengahkan mengenai cerita rakyat yang diperkenalkan sejak zaman dahulu lagi yang memiliki mesej berguna serta nilai-nilai murni kepada masyarakat. Terdapat kelompongan dalam kajian sebelum ini yang menjadikan kajian dilaksanakan. Objektif kajian yang diperolehi adalah membincangkan serta menganalisis akal budi orang Melayu menerusi cerita rakyat terpilih. Teori yang diaplikasikan adalah Teori Pengkaedahan Melayu dan kaedah kajian pula bersifat kaaedah kualitatif iaitu dengan mendapatkan maklumat mengenai buku 366 dan perpustakaan. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati

bahawa pemilihan buku cerita rakyat yang bersesuaian mampu menyampaikan mesej yang bertepatan dengan nilai akal budi.

Seterusnya, kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) menerangkan tentang kajian terhadap pembentukan cara hidup oleh sekelompok masyarakat iaitu kalangan kanak-kanak yang berpadanan nilai-nilai Islam. Terdapat kelompongan daripada kajian lepas mengenai aspek nilai-nilai Islam dalam sosiobudaya kanak-kanak. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu terhadap kanak-kanak yang menjurus kepada pembentukan sosiobudaya. Selain itu, kajian dibataskan dengan hanya menggunakan cerita rakyat yang bertajuk *Asal Usul Nama Kelantan, Asal Usul Melawi, Dua Beradik* dan *Saka Halo*. Kajian dijalankan dengan mengaplikasikan Teori Takmilah dan menggunakan pendekatan kualitatif sebagai bahan yang mengukuhkan lagi kajian. Oleh hal demikian, kajian dilaksanakan adalah memberi kaitan terhadap nilai-nilai Islam terutamanya dilihat dalam sosiobudaya kanak-kanak.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam penyelidikannya *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu* adalah membincangkan mengenai hubungan masyarakat berdasarkan nilai-nilai dalam cerita rakyat Melayu. Terdapat kelompongan daripada kajian terdahulu yang dilihat menerusi konsep nilai ketamadunan. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis nilai ketamadunan masyarakat Melayu dalam cerita rakyat yang berada di Tumpat, Kelantan. Kajian ini hanya terbatas dengan menggunakan beberapa buah tajuk yang dipilih iaitu *Puja Berubat, Semangat Laut, Tujuh Bersaudara* serta *Sungai Ketapang*. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dan menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu. Secara

rumusan keseluruhan, pengkaji menjelaskan bahawa jati diri dapat dipupuk dalam diri seseorang bagi membentuk kemajuan yang bersifat integriti.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam pengkajian *Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu Iaitu Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak* membincangkan mengenai cerita rakyat yang dapat dikaitkan dengan nilai-nilai Islam. Kajian dijalankan adalah kerana terdapat kelompongan yang ada kajian terdahulu. Objektif kajiannya adalah untuk mengenal pasti serta menganalisis nilai-nilai yang terdapat dalam cerita lisan Melayu. Kajian ini juga bertunjangan kepada teori Takmilah bagi mengukuhkan analisis kajian yang dilaksanakan. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa kajian ini diperlukan bagi melihat sejauh mana keberkesanan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam cerita lisan dalam mengangkat cerita lisan ini sebagai medium pendidikan kepada masyarakat.

Noor Zaitulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdullah (2021) dalam kajiannya *Ritual Dalam Cerita Rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia* membincangkan mengenai ritual yang dipersembahkan dalam cerita rakyat di sesebuah negeri. Seperti sedia maklum, cerita rakyat merupakan salah satu warisan yang telah dikembangkan dari generasi ke generasi seterusnya bagi tujuan mengelak cerita rakyat ini ditelan zaman. Dalam pada itu, cerita rakyat juga digelar sebagai sastera rakyat Naratif Nusantara dan banyak digunakan sebagai medium hiburan di samping dijadikan bentuk pendidikan yang mendidik masyarakat. Objektif kajian yang ditemui adalah mengenal pasti dan membincangkan ritual cerita rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang. Pengkajian ini adalah berdasarkan teori Fungsionalisme sebagai mengukuhkan hujah perbincangan. Kajian ini bersifat kualitatif iaitu memerlukan kajian lapangan yang disertai temu bual. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati kajian ini adalah untuk membongkar

ritual cerita rakyat yang berlaku di Mukim Bebar Pekan, Pahang di mana dapat dihubungkan dengan kebudayaan masyarakat Melayu.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor (2021) dalam pemerhatian mereka iaitu *Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak* membincangkan kepada teknik penyampaian yang berkesan kepada kanak-kanak bagi membentuk kefahaman dan penguasaan bahasa yang lebih baik. Terdapat kelompongan dalam kajian-kajian sebelum ini yang menjadikan kajian ini dilaksanakan. Objektif kajian adalah untuk mengetahui pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat untuk kemahiran literasi awal kanak-kanak. Kajian dilaksanakan adalah menerusi kaedah temu ramah dan perbincangan bersama ahli kumpulan. Penyelidikan ini dibataskan menerusi pedagogi budaya dalam cerita rakyat bagi memperoleh penggunaan kosa kata baharu di dalam diri kanak-kanak. Hasil daripada dapatan kajian ini membuktikan bahawa pedagogi responsif budaya adalah satu kemudahan kepada pihak guru dalam memberi pengajaran kepada kanak-kanak. Jadi, dapat disimpulkan bahawa pedagogi responsif budaya dapat menyumbang sedikit sebanyak kepada pembentukan jati diri, nilai baik serta tingkah laku dalam diri kanak-kanak.

Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2021) dalam pemerhatian yang bertajuk *Dokumentasi Tradisi Lisan Dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu di Sarawak Untuk Persembahan Teater* adalah membincangkan kepada pelaksanaan inovasi dalam sesebuah karya bagi satu usaha mengekalkan tradisi lisan. Objektif kajian adalah mengenal pasti dan menganalisis elemen sinografi dalam pementasan iaitu Readers Theaters. Kajian dibataskan adalah berdasarkan kepada cerita rakyat Sarawak. Antara karyanya ialah *Kisah Ular Sawa Dan Lelaki Yang*

Sesat dan *Kisah Burung Keranda* sebagai cerita yang diinovasikan dalam acara pementasan teater. Kajian dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa pementasan merupakan satu acara yang membantu dalam mencapai matlamat kepada penonton dalam penyampaian cerita rakyat.

Sorotan kajian diteruskan oleh Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun & Mohd Rodzi Abd Razak (2021) dalam penyelidikannya yang bertajuk *Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian Terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan* yang membincangkan mengenai cara pemuliharaan cerita lisan dalam masyarakat Orang Asli Jakun di Pekan, Pahang. Hal ini demikian kerana, cerita lisan mengenai masyarakat Orang Asli Jakun semakin hilang dan dilanda kepupusan. Kajian dilakukan adalah untuk menganalisis pemuliharaan cerita-cerita lisan masyarakat Orang Asli Jakun sebagai alternatif untuk mengekalkan warisan tersebut. Kajian adalah bersifat penyelidikan kualitatif bagi melihat cabaran dan perubahan yang terjadi kepada masyarakat Orang Asli Jakun dan hasilnya kurang baik dalam cerita rakyat. Oleh itu, dengan kaedah pemuliharaan yang dijalankan dapat membantu dalam peningkatan cerita lisan masyarakat Orang Asli.

Penyelidikan yang dilakukan oleh Jacqueline Karimon & Shaiful Bahri Mohd. Radzi (2021) iaitu *Mitos Asal Usul Kosmologi Murut Paluan Dan Kadazan Dusun: Satu Perbandingan* adalah membincangkan mengenai keteguhan tradisi warisan Murut Paluan sebagai institusi babalian yang masih kekal sehingga kini. Perkara yang menjadi sukar pembasmian tradisi lama adalah disebabkan oleh pengekalan ketua adat di dalam pengurusan pentadbiran Mahkamah Anak Negeri etnik Murut yang menetap di daerah Nabawan. Selain itu, bagi sesuatu penceritaan lisan yang berkonsepkan mitos akan menjurus kepada perbincangan yang meliputi beberapa perkara seperti peristiwa, tempat, benda dan kemunculan manusia dalam kehidupan. Dalam pada itu, gubahan cerita yang menyaksikan kepada perbezaan plot cerita yang boleh didapati dalam aspek kepercayaan

berdasarkan daripada latar belakang budaya, tempat dan perbezaan ekonomi oleh sesuatu etnik.

Sorotan kajian diteruskan oleh Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2021) dalam kajian yang berbunyi *Naratif Puteri Santubong Dan Puteri Sejinjang Merpetalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik* adalah untuk membincangkan tentang analisis makna tersirat menerusi cerita rakyat Melayu Sarawak sebagaimana cerita lisan Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang yang dapat dikaitkan dengan politik tempatan. Menerusi cerita lisan, Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang adalah anak dewa dari kayangan yang tugasnya menjaga gunung di Sarawak dan mereka sudah bersumpah untuk tidak bergaduh sesama sendiri. Kajian dilakukan bagi memperlihatkan penggunaan bahasa dan linguistik dan Teori Relevan diaplikasikan bagi mengkaji kerelevan dalam cerita rakyat. Selain itu, kajian ini adalah untuk melihat makna tersirat yang ada pada kegunaan lagu yang banyak menyebut kepada gabungan antara kerajaan pusat dan negeri yang memiliki bidang kuasa tertentu supaya tidak berlaku penindasan antara satu sama lain.

Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid (2021) dalam pemerhatian mereka terhadap *Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimirangan di Sabah* adalah mengetengahkan isu sosiobudaya, falsafah dan nilai yang terdapat dalam Tangon. Terdapat permasalahan dalam kajian ini iaitu daripada aspek nilai dalam Tangon yang semakin dilupakan oleh generasi muda. Kajian berteraskan kepada objektifnya iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kepahlawanan yang terdapat dalam cerita rakyat suku Kimaragang di Sabah. Kaedah kualitatif iaitu memerlukan kaedah lapangan dan temu bual dan berpaksikan kepada Teori Pengkaedahan Melayu. Pelaksanaan kajian ini dilakukan adalah untuk mengangkat kembali nilai-nilai yang berunsurkan kepahlawanan yang terdapat dalam cerita rakyat. Dengan demikian, pengkaji mendapati bahawa nilai-nilai kepahlawanan merupakan antara nilai yang perlu diangkat dalam cerita rakyat Melayu agar

masyarakat memahami akan perjuangan serta jati diri yang diperkenalkan oleh tokoh-tokoh pahlawan terdahulu.

Selain itu, Jamal Rizal Razali, Jamilah Bebe Mohamad, Anis Nabila Ahmad, Hasmadi Hassan & Imaduddin Abidin (2021) dalam tajuk penelitiannya *Langit, Gunung dan Cinta Pun Bersemi di Kaki Benom* adalah membincangkan mengenai cerita asal usul dalam kelompok masyarakat orang Asli Che Wong yang menetap di Kuala Gandang, Pahang. Dalam penceritaan mitos asal usul masyarakat orang Asli Che Wong mempunyai tiga versi yang berbeza iaitu pertama mengenai keturunan Tuhan, versi yang kedua adalah tentang keturunan raja dan versi yang terakhir adalah Sang Kelembai. Menerusi versi pertama adalah berkisarkan mengenai dua beradik yang pada itu turun daripada kayangan dan melakukan pendaratan di bukit yang paling tertinggi yang berada di Bukit Pnom Phen di Vietnam dan mereka berdua meneruskan perjalanan sehingga sampai ke Banjaran Titiwangsa. Ada pula versi kedua iaitu mengisahkan mengenai percintaan yang dialami oleh anak raja dan hubungan tersebut tidak direstui sehingga menyebabkan mereka dibuang ke Banjaran Titiwangsa dan terhasilah keturunan Che Wong. Versi ketiga yang diceritakan adalah mengenai Sang Kelembai yang merupakan orang asal Banjaran Titiwangsa di mana terletak di Bukit Benom. Mengikut mitos orang dahulu Sang Kelembai memiliki kelebihan iaitu dapat menukarkan perkara menjadi batu.

Seterusnya, sorotan kajian yang dilakukan oleh Jacqueline Karimon & Shaiful Bahri Mohd Radzi (2021) dalam kajian bertajuk *Merungkai Rahsia Mistik Kehidupan Etnik Murut Paluan dalam Mitos Tumbuhan* yang membincangkan tentang cerita rakyat yang dikaitkan dengan mitos tumbuhan Pokok Paluon iaitu daripada hasil ciptaan Aki Kinapuno. Menurut cerita, Aki Kinapuno adalah seorang yang memiliki kelebihan seperti dapat melimpahkan air daripada air matanya yang mampu menyejukkan bumi serta Aki Kinapuno mampu mencipta tanaman buah-buahan bersama dewa-dewi yang merupakan penduduk yang

mendiami langit ketujuh. Dipercayai, setiap tanaman-tanaman yang diciptakan mempunyai semangat di mana ia bersifat sensitif akan perbuatan kejahatan manusia. Oleh disebabkan itu, masyarakat Murut Paluan ketika itu mengangkat kejadian tersebut sebagai satu kesalahan perilaku manusia yang menjadikan sesetengah tumbuhan tidak berbuah. Rentetan daripada kejadian itu, Aki Kinapuno akan melakukan korban terhadap penghuni langit lain sebagai tanda memujuk semangat tumbuhan suci yang hilang.

Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021) dalam kajian *Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu* bagi membincangkan naratif lisan sebagai citra masyarakat yang digunakan dalam kebudayaan dan kehidupan masyarakat Melayu. Terdapat kelompongan daripada kajian-kajian sebelumnya yang berkaitan dengan cerita lisan. Objektif kajian yang diaplikasikan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis citra masyarakat Melayu yang wujud dalam cerita lisan. Kajian dibataskan dengan hanya menggunakan teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk perpustakaan serta analisis teks. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati kajian ini sesuai digunakan oleh para pelajar sebagai panduan dalam pembelajaran.

Penyelidikan seterusnya daripada Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam penelitiannya *Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang* membincangkan tentang masyarakat yang memandang tinggi terhadap perjuangan oleh Cik Siti Wan Kembang. Terdapat kelompongan daripada kajian lepas. Objektif kajian adalah bersandarkan kepada mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam Cik Siti Wan Kembang. Seterusnya, kajian dengan hanya menggunakan cerita lagenda yang bertajuk “Cik Siti Wan Kembang” menerusi pendekatan kualitatif. Teori Pengkaedahan Melayu dipilih dalam kajian bagi memantapkan lagi kajian ini. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa nilai yang

dapat diketengahkan mampu melahirkan generasi berakhlak baik serta berkualiti pada masa akan datang.

Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021) dalam kajian bertajuk *Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu* membincangkan tentang corak yang dapat dilihat sebagai satu bentuk sosial masyarakat seperti unsur pengajaran, sindiran, teguran dan nasihat dalam diri seseorang individu. Terdapat kelompongan daripada kajian sebelum ini mengenai sifat mistik, aneh dan juga daripada cerita lisan yang terpilih yang memiliki unsur ritual dalam cerita rakyat. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis ritual sumpahan yang terkandung dalam cerita-cerita lisan Melayu. Seterusnya, penyelidikan ini menggunakan cerita-cerita yang terpilih sebagai batasan kajian. Antara tajuk yang dipilih cerita *Pokok Berdarah, Sang Gedembai, Kisah Jambul Belatuk, Puteri Tupai, Ketam Sumpahan, Gunung Bubu, Bayan Dan Puteri Kayangan, Puteri Durian Tunggal, Sungai Sembilang, Seruling Buluh Perindu, Batu Penyu dan Sembilang Kuala Kawah*. Kajian ini adalah bersifat kualitatif dengan menerapkan Teori Budaya bagi memantapkan lagi kajian. Secara rumusan, pengkaji mendapati bahawa penceritaan lisan ini terdapatnya unsur pengajaran yang boleh diterapkan dalam diri setiap orang.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) melalui penelitiannya bertajuk *Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah* membincangkan tentang tingkah laku masyarakat yang diperlihatkan daripada nilai-nilai murni dalam cerita lisan Melayu. Terdapat kelompongan dalam kajian lepas berdasarkan nilai-nilai kemanusiaan. Objektif kajian yang ditemui adalah mengenal pasti dan menganalisis nilai kemanusiaan dalam diri masyarakat yang diceritakan dalam cerita lisan. Kajian ini dibataskan dengan hanya menggunakan sepuluh jenis cerita rakyat dipilih iaitu *Tukang Besi dan Kayu, Bawang Putih Bawang Merah, Bukit dan Pokok, Perahu Bunga*

Emas, Wak Sino Tukang Gasing, Ular dan Gurunya Buluh, Bertukar Menjadi Batu, Angsa Berbulu Emas, Raja Kuyuk dan Mengapa Pinggang Kerengga Ramping. Kajian ini dijalankan berpandukan Teori Takmilah dan kaedah kualitatif sebagai kerangka analisis yang memantapkan lagi kajian. Sebagai kesimpulan, pengkaji mendapati bahawa nilai-nilai kemanusiaan dapat diterapkan dalam masyarakat bagi melahirkan manusia bertamadun seterusnya berakhlak mulia.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriatini Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari dan Nasirin Abdillah dalam pemerhatian bertajuk *Kajian Mengenai Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Kelantan (2022)* membincangkan mengenai dialek-dialek dalam cerita rakyat Melayu oleh sekelompok masyarakat. Terdapat kelompongan daripada kajian lepas dalam meningkatkan lagi dialek Kelantan dalam cerita rakyat Melayu. Dua objektif utama dalam kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis nilai murni baik hati berdasarkan keunikan dialek Kelantan yang terkandung di dalam cerita rakyat Melayu. Kajian dibataskan dengan menggunakan sebelas cerita rakyat Melayu yang terdapat daripada sumber di Bachok, Kelantan. Kajian ini adalah bersifat kualitatif iaitu merujuk kepada kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual. Pendekatan yang dipilih iaitu pendekatan kemasyarakatan sebagai bahan memantapkan lagi perbincangan. Secara keseluruhan, kajian ini menjelaskan bahawa dialek yang ada dalam cerita rakyat Melayu dapat dijadikan sebagai satu pembentukan jati diri yang baik dalam menubuhkan masyarakat yang bertamadun.

2.3 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya-Karya Sastera

Kajian diteruskan oleh Zaitun Hassan (2015) dalam kajiannya bertajuk *Manifestasi Citra Alam Dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu Penelitian Firasat Melayu* merumuskan mengenai penggunaan unsur citra yang terdapat dalam novel. Pengkaji

mendapati terdapat kelompongan dalam kajian terdahulu mengenai kajian novel yang mengakibatkan kajian ini dijalankan. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis pengaplikasian firasat Melayu yang digambarkan dalam novel *Ombak Bukan Penghalang* (2007) merujuk kepada elemen unsur alam. Kajian dibataskan dengan menggunakan novel *Ombak Bukan Penghalang* dan dilaksanakan menerusi kaedah kualitatif berserta Teori Pengkaedahan Melayu yang berfokuskan kepada Pendekatan Firasat. Sebagai kesimpulannya, pengkaji mendapati terdapat kepincangan yang berlaku dalam masyarakat bagi melahirkan individu bersikap perpaduan untuk kehidupan yang lebih bermakna.

Lanjutan daripada itu, kajian diteruskan oleh Johari Yahaya (2015) dalam penelitiannya *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu* merungkai mengenai peranan pantun yang mempunyai aspek kegunaannya terhadap kehidupan iaitu dari segi bentuk sindiran, gurauan, norma kehidupan, nasihat dan banyak lagi nilai berguna. Kajian dilaksanakan berdasarkan kelompongan yang berlaku pada kajian lepas melewati sudut peribahasa oleh tokoh sarjana. Objektif utama kajian dijalankan adalah untuk mengenal pasti penggunaan gaya peribahasa Melayu yang ditemukan berdasarkan teks Pantun Peribahasa Melayu (1968). Seterusnya objektif kedua adalah untuk menganalisis kebolehan penciptaan sesuatu yang memerlukan penguasaan daya cipta yang berkesan. Seterusnya, objektif berkaitan dengan keunggulan tempatan yang mengungkapkan aspek nilai-nilai yang terdapat dalam pantun peribahasa. Batasan kajian ini adalah terbatas kepada penggunaan teks yang terpilih iaitu *Pantun Peribahasa Melayu* ditulis oleh Lo Mun dengan mengaplikasikan pendekatan kualitatif yang bertunjangkan kepada Teori Pengkaedahan Melayu. Berdasarkan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kajian yang dijalankan adalah usaha untuk melestarikan

perlembagaan tradisi Melayu yang dibentuk daripada nilai-nilai yang diterapkan dalam diri masyarakat.

Kajian yang selanjutnya daripada Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahman (2016) melalui penyelidikannya iaitu *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* merumuskan terhadap kisah cerita rakyat yang padat dengan nilai pengajaran dan nasihat yang baik kepada masyarakat Melayu. Seterusnya, pengkaji mendapati kelompongan yang berlaku daripada kajian-kajian sebelumnya mengakibatkan penyelidikan ini dijalankan. Objektif kajian adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis perihal nilai murni tertumpu kepada nilai baik hati merujuk cerita rakyat Melayu yang terpilih. Sehubungan itu, kajian ini dibataskan dengan menggunakan teks *Koleksi Himpunan 366 Cerita Rakyat* hasil tulisan Othman Puteh dan Aripin Said. Berikutan itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif merujuk kepada kaedah pencarian daripada kepustakaan dan analisis teks. Seterusnya, teori yang diterapkan adalah Teori Pengkaedahan Melayu bagi menghasilkan analisis kajian yang mantap. Sebagai kesimpulan, pengkaji dapat menghuraikan serba sedikit mengenai kajian yang dijalankan adalah berunsurkan nilai baik hati yang amat berguna kepada masyarakat untuk mewujudkan suasana kehidupan yang lebih sejahtera.

Kajian selanjutnya daripada Noraini Abd. Shukor (2016) merujuk pengamatannya iaitu *Padi dan Air Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat* merumuskan berkaitan dengan elemen alam yang terkandung dalam peribahasa Melayu yang sering menjadi tanda tanya oleh sebilangan masyarakat. Kajian dijalankan berdasarkan kelompongan yang berlaku pada kajian sebelumnya yang berkenaan penggunaan peribahasa. Seterusnya, kajian ini berpandukan objektifnya iaitu menganalisis maksud simbol alam dan tujuan manfaat air dan padi yang dilihat menerusi kehidupan masyarakat Melayu. Kajian terbatas berpandukan kepada teks yang dipilih iaitu *Peribahasa*

Melayu: Penelitian Makna Dan Nilai. Sehubungan itu, penyelidikan ini mengaplikasikan kaedah kualitatif yang berdasarkan kepada Teori Pengkaedahan Melayu yang dilihat merujuk Pendekatan Firasat. Sebagai rumusannya, pengkaji mendapati kajian dilaksanakan adalah untuk mengungkap makna sebenar penggunaan sesuatu peribahasa agar menjadi pedoman kepada masyarakat yang mempunyai nilai yang bermanfaat kepada kehidupan.

Kajian yang dibuat oleh Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven (2016) melalui pengamatannya yang bertajuk *Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka* merumuskan mengenai kelangsungan hidup oleh binatang yang tinggal di lautan dan rimba. Terdapat kelompongan dalam kajian lepas menyebabkan kajian ini dilaksanakan. Dengan demikian, kajian ini dijalankan bagi meninjau lagi kajian yang berkaitan dengan alam dan budaya dengan lebih terperinci. Kajian ini berpaksikan objektifnya iaitu mengenal pasti cara hidup kebudayaan masyarakat Melayu dan menganalisis aspek interaksi sosial untuk membongkarkan isu kemasyarakatan serta proses sosial. Pada bahagian batasan kajian, pengkaji mendapati kajian hanya terbatas kepada cerita *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Seterusnya, pemilihan kaedah kualitatif digunakan serta mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dalam menyempurnakan lagi penyelidikan ini. Hasil kajian mendapati bahawa cara hidup sesuatu kebudayaan masyarakat Melayu dapat ditingkatkan dengan adanya nilai mulia seperti ketakwaan dalam diri dalam mencegah kemungkaran.

Fadzil Yusoff (2017) dalam kajiannya *Pemaknaan Kosmologi Biotik dalam Kumpulan Puisi Salasilah Karya Zurinah Hassan Dari Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang pemaknaan menerusi kemiskinan, pendidikan, kasih sayang, akhlak, kesetiaan, kepimpinan, jati diri, perpecahan, pertelagahan ideologi dan kemanusiaan. Kajian ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dalam penggunaan

analisis puisi yang merujuk kepada alam yang merupakan hasil kreativiti dan kesedaran bangsa Melayu akan kepentingan seni sastera yang menjadi alat untuk membentuk jiwa, moral, kemajuan bangsa serta masyarakat bagi memperoleh kebaikan dalam kehidupan manusia sejagat. Teori Pengkaedahan Melayu dibahagikan kepada dua komponen utamanya iaitu Pendekatan Alamiah dan Pendekatan Keagamaan. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati teori yang digagaskan oleh Hashim Awang dapat meluaskan pemikiran penulisan dan pengarang iaitu mengetahui bahawa bangsa Melayu sangat kaya dengan keindahan dari segi bahasanya yang dapat digunakan dalam penulisan karya.

Seterusnya kajian oleh Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017) dalam penelitiannya *Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu* iaitu merumuskan mengenai jati diri yang perlu ada dalam diri orang Melayu iaitu seperti aspek ketatasulilaan, keperibadian tinggi serta berilmu tinggi. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan kerana terdapatnya kelompongan daripada pengkajian terdahulu. Kajian ini bermatlamatkan objektifnya iaitu untuk menganalisis jati diri menerusi aspek agama, budaya serta bahasa Melayu. Sehubungan itu, kajian ini hanya terbatas kepada karya A. Aziz Deraman iaitu *Suara Gunung Kehidupan* serta *Gelora Nurani* dengan mengaplikasikan kaedah kualitatif iaitu daripada rujukan kepustakaan dan teks serta menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat simpulkan bahawa jati diri merupakan sifat yang membawa ke arah kebaikan serta memberi faedah kepada diri dan masyarakat.

Yusmilayati Yunos, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Muhd Norizan Jamian, Zubir Idris (2017) dalam pemerhatiannya bertajuk *Komunikasi Bukan Lisan: Alamat Kedutan (Denyutan) Berdasarkan Mujarrobat* membincangkan mengenai maksud kata kedutan (denyutan) dalam sesebuah masyarakat. Kedutan (denyutan) merupakan satu fenomena unik yang berlaku kepada badan seperti pergerakan tubuh yang bergerak sendiri tanpa

mengetahui asbabnya yang jelas. Dalam masyarakat Jawa, mereka berpendapat bahawa kedutan (denyutan) itu merupakan satu petanda yang menjadikan manusia sentiasa berwaspada dan bersedia dengan apa jua kemungkinan yang akan mereka terima nanti. Perkara ini menjadi satu kepercayaan kepada masyarakat Jawa kerana fenomena tersebut dianggapkan sebagai eling lan waspada (ingat dan waspada) dan konsep lain iaitu sabar lan nrima (sabar dan menerima). Kajian ini mengaplikasikan Pendekatan Firasat yang ada dalam Teori Pengkaedahan Melayu bagi memperlihatkan amalan yang berkait dengan satu penemuan fenomena yang sukar dijelaskan. Sungguhpun demikian, kepercayaan ini masih diamalkan oleh masyarakat Jawa untuk mereka berjaya-jaga dengan setiap tindakan yang mereka lakukan.

Mohd Saberi Muda (2017) dalam pemerhatian bertajuk *Puisi ke Teater: Transformasi Karya Marzuki Ali* yang memfokuskan kepada pengarang dan kepengarangan oleh Marzuki Ali yang merupakan penyair dan pelakon teater. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis puisi karya Marzuki Ali dengan berlandaskan Teori Pengkaedahan Melayu. Selain itu, kajian ini juga telah memilih beberapa hasil karya-karya ciptaan Marzuki Ali sebagai contoh transformasi dalam penulisan puisi-puisi sepertimana karya kumpulan puisi *Jeritan Satwa* dan *Dasila Rancau Satwa Luka Rimba Tropika*. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kajian dilaksanakan bagi melihat perbandingan yang terdapat pada proses kreatif menerusi pemindahan, penjelmaan, penyesuaian, pertentangan dan peniruan dalam puisi-puisi.

Kajian seterusnya daripada Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) menerusi tinjauannya iaitu *Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu* membicarakan berkenaan penerapan nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat sebagai medium pendidikan yang dilambangkan dalam diri

masyarakat. Terdapat kelompongan daripada kajian lepas yang berkaitan dengan aspek yang dikaji. Tujuan kajian dilaksanakan berfokuskan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai keadilan dan kasih sayang di kalangan masyarakat. Kajian dibataskan melalui cerita rakyat terpilih yang mempunyai nilai kasih sayang seperti *Nakhoda Haloba*, *Batu Belah Batu Bertangkup* dan *Puteri Pucuk Ketupang*. Selain itu, cerita rakyat yang memaparkan nilai keadilan adalah bertajuk *Awang Selamat*, *Kacang Dan Telur Ayam* dan *Puteri Kelapa Gading*. Kaedah kajian yang ditentukan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif bagi memperoleh kajian yang berkualiti. Keseluruhannya, kajian ini meringkaskan bahawa cerita rakyat yang menerapkan nilai murni adalah suatu medium pengajaran yang boleh dijadikan sebagai nasihat, iktibar, teguran yang baik dalam mewujudkan kehidupan masyarakat yang harmoni.

Nur Syuhada Binti Md Ariffin & Kamariah dan Kamaruddin (2017) dalam penelitian yang bertajuk *Personaliti Islam Menurut Perspektif Al-Ghazali dalam Novel Tuhan Lebih Sainifik karya Farhan Hadi* membincangkan personaliti yang ada pada Al-Ghazali menerusi perwatakan terpuji dan tidak terpuji. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis personaliti Islam dalam novel *Tuhan Lebih Sainifik karya Farhan Hadi*. Pendekatan Sosiologi dan Teori Pengkaedahan Melayu digunakan bagi membantu analisis kajian. Dalam kajian ini, perwatakan terpuji dapat dibahagikan kepada empat perkara iaitu sabar, reda, tafakur dan syukur. Seterusnya, perwatakan tidak terpuji dilihat sebagai perasaan marah, hasad dengki dan takbur. Selain itu, kajian ini menceritakan sinopsis novel *Tuhan Lebih Sainifik* menerusi konflik keyakinan oleh watak utama novel iaitu Dr. Donald yang merupakan seorang ahli akademik Malaysia berbangsa India. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa konflik kepercayaan Dr. Donald berlaku adalah ketika beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat Doktor Falsafah dalam bidang anatomi di Australia dan meneruskan lagi pendidikannya ke England.

Fifi Rinyuk (2017) dalam penelitiannya bertajuk *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian* mengetengahkan isu nilai-nilai moral berdasarkan cerita rakyat kaum Bidayuh di Serian. Kajian dijalankan adalah kerana kelompongan yang ada pada kajian terdahulu. Objektif kajian yang ditemukan adalah sebanyak tiga perkara iaitu mengkategorikan cerita rakyat oleh sekumpulan kaum Bidayuh, menghuraikan nilai-nilai moral berdasarkan cerita rakyat kaum Bidayuh dan menghubungkan nilai-nilai moral dalam kehidupan masyarakat kaum Bidayuh. Terdapat permasalahan yang berlaku dalam kajian ini di mana cerita rakyat kaum Bidayuh semakin kurang diperkenalkan dalam masyarakat kerana usaha dalam memartabatkan cerita rakyat masih kurang diusahakan oleh generasi kini. Teori Pengkaedahan Melayu diaplikasikan berdasarkan kaedah kualitatif dalam kajian ini. Menerusi pengkajian ini, pengkaji mendapati bahawa kajian dibuat bagi membuka ruang masyarakat dalam mengenali cerita rakyat kaum Bidayuh.

Sorotan kajian dilanjutkan daripada Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Apani (2017) melalui penelitian yang bertajuk *Cerminan Moral Positif Dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu* menghuraikan elemen moral positif dalam naratif lisan terpilih. Terdapat kelompongan yang terjadi daripada kajian lepas dalam urusan hidup masyarakat sama ada dalam golongan dewasa mahupun kanak-kanak yang membangkitkan isu berkaitan menerusi cerita rakyat yang terpilih. Kajian bermatlamatkan mengenal pasti dan menganalisis paparan dalam cerita rakyat Melayu berkaitan moral positif yang digambarkan oleh masyarakat. Kajian ini dibataskan menerusi cerita rakyat Melayu tulisan Othman Puteh dan Aripin Said dalam karyanya bertajuk *Raja Kuyuk dan Awang Yang Lurus, Padi Berbuah Emas dan Seuncang Padi dan Penjual Api Yang Lurus*. Seterusnya, kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif yang berpaksikan Teori Pengkaedahan Melayu dalam memantapkan hujah analisis yang dilaksanakan. Berdasarkan kajian ini, pengkaji menjumpai beberapa nilai

mulia yang boleh ditanamkan dalam diri masyarakat bagi meneruskan kehidupan ke arah yang lebih baik.

Seterusnya pengkajian yang dilakukan oleh Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris (2018) menerusi penelitian *Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks Dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan* merumuskan tentang pembentukan riwayat hidup dan sejarah asal usul kejadian nabi Adam. Kajian ini dijalankan disebabkan terdapat kelompongan daripada kajian terdahulu yang belum pernah dikaji oleh para sarjana berkaitan teks manuskrip *Hikayat Nabi Adam*. Oleh yang demikian, objektif yang ditemui daripada kajian ini ialah menganalisis sejarah asal usul nabi Adam dan nilai-nilai Islam yang terkandung dalam teks yang bertepatan dengan al-Quran dan Sunnah. Seterusnya, penyelidikan ini hanya terbatas dengan menggunakan teks manuskrip *Hikayat Nabi Adam* dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan berpandukan Teori Pengkaedahan Melayu yang memfokuskan konsep dakwah. Secara rumusnya, pengkaji mendapati bahawa teks yang dipilih sangat bersesuaian untuk dibaca semua golongan terutamanya yang beragama Islam agar dapat dijadikan sumber panduan kehidupan yang lebih baik.

Sorotan seterusnya dilakukan oleh Che Abdullah Che Ya (2018) dalam pengkajiannya iaitu *Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu* mendefinisikan mengenai kajian yang berkaitan kegiatan masyarakat Melayu terhadap kelangsungan hidup sebelum bangkitnya peristiwa yang berlaku ketika Perang Dunia Kedua. Kajian dilangsungkan adalah kerana terdapat kelompongan pada kajian lepas dalam novel *Bedar Sukma Bisu*. Objektif kajian adalah bermotifkan untuk mengenal pasti kehidupan masyarakat Melayu serta menganalisis karya *Bedar Sukma Bisu* yang dilihat sebagai satu cabang bagi memperlihatkan kehidupan masyarakat Melayu. Kajian terbatas dengan berpandukan novel yang dipilih seperti novel *Bedar Sukma Bisu* susunan Faizal Tehrani yang mengaplikasikan

kaedah kualitatif merujuk kepada analisis teks dan kepustakaan serta memperincikan kajian ini berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang sebagai kerangka dalam menyelesaikan analisis kajian. Dengan demikian, kajian ini dilaksanakan adalah untuk membuktikan bahawa kegunaan sastera adalah untuk mencerminkan akhlak, pegangan, nilai-nilai dan kepercayaan yang ada dalam diri seseorang sebagai gambaran kehidupannya.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dalam kajiannya *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu* mengetengahkan isu segelintir masyarakat yang menganggap naratif lisan sebagai satu bahan yang tidak berfaedah dalam kehidupan mereka. Objektif kajian yang ditemui adalah mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Selain itu, analisis kajian tertumpu kepada nilai-nilai murni dalam naratif lisan sebagai pendekatan moral, dakwah dan kemasyarakatan sepertimana yang diperjelaskan dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian dibataskan menerusi 43 naratif lisan berdasarkan kepada informan yang menetap di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Terdapat juga 22 naratif lisan hasil daripada teks verbatim dengan merujuk kepada Teori Pengkaedahan Melayu bagi mengukuhkan lagi analisis kajian. Dengan itu, hasil keseluruhan kajian dapat dilihat menerusi Pengkaedahan Alamiah serta Pengkaedahan Keagamaan yang digunakan dalam pendekatan kajian yang bertepatan dengan norma-norma masyarakat Melayu.

Sorotan kajian seterusnya adalah daripada Pg Haji Yakub Pg Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018) dalam penelitiannya iaitu bertajuk *Sajak-Sajak Badaruddin H.O Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah* merungkai mengenai aspek ketuhanan yang terkandung dalam sajak-sajak Badaruddin H.O yang mengangkat keagungan Allah S.W.T. Kajian dilakukan adalah disebabkan berlakunya kelompongan

daripada tokoh sarjana terdahulu. Kajian ini dijalankan dengan berpandukan objektifnya iaitu mengenal pasti dan menganalisis konsep ketuhanan yang dijumpai dalam sajak-sajak Badaruddin H.O. Dalam pada itu, kajian ini terbatas dengan menggunakan teks sajak iaitu *Meski Rumah Mu Di Akhirat, Istighfar Rejab, Ini Zat Bukan Bayangku, Episod-Episod Tsunami Takdir Itu Begini, Di Malam Kudus Ramadhan dan Tongkat Putih*. Kajian dilaksanakan adalah menggunakan kaedah kualitatif yang berpandukan kepada Teori Pengkaedahan Melayu yang merujuk Pendekatan Dakwah. Hasil kajian merumuskan bahawa sajak-sajak yang ditulis Badaruddin H.O merupakan satu teks yang dapat memupuk nilai ketakwaan dalam diri seseorang hamba kepada Tuhannya.

Kajian yang dilaksanakan oleh Qurratul 'Ain Abdul Rahim & Mawar Safei (2018) melalui penelitiannya *Introspeksi Dalam 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* merumuskan tentang pemikiran Melayu berdasarkan kepada "introspeksi" yang berkait rapat sebagai proses pencerminan diri. Menerusi kajian ini, terdapat unsur kelompongan menyebabkan kajian ini dilaksanakan. Sehubungan itu, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti sosok keperibadian yang digambarkan oleh Rasulullah yang memperlihatkan introspeksi, menganalisis introspeksi yang berpaksikan kemasyarakatan khusus kepada persahabatan dan menganalisis introspeksi intonasi pengucapan puisi pengarang menerusi metafora dan diksi. Kaedah kualitatif diaplikasikan dalam kajian ini melalui kepustakaan, teks dan sebagainya. Kajian dibataskan kepada penggunaan ayat "introspeksi" menerusi puisi-puisi karya Zaen Kasturi iaitu *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* serta menggunakan pendekatan dakwah dan Teori Pengkaedahan Melayu. Secara keseluruhan, kajian ini sememangnya memberikan satu pembentukan amanat yang telah disampaikan iaitu daripada laluan introspeksi yang dijumpai dalam puisi.

Chong Ah Fok (2018) dalam penelitiannya *Prinsip dan Konsep Moral Alamiah dalam Novel SA.B.A* membincangkan mengenai teori moral alamiah yang wujud dalam prinsip dan konsep utama Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Hashim Awang merupakan tokoh sastera yang berperanan dalam menghalang sarjana tempatan daripada terjadi pemikiran “Lubang Biawak”. “Lubang Biawak” yang dimaksudkan adalah golongan intelektual dari Barat yang membuta tuli oleh jargon ahli Jawa Islam bernama Malek B. Badri (1989). Teori yang digagaskan Hashim Awang merupakan teorinya yang berjaya mempengaruhi minat beberapa orang sarjana dari negara Malaysia dan Brunei yang mengatakan tidak mahu termasuk dalam kategori “Lubang Biawak” tersebut. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa Pengkaedahan Melayu dapat menimbulkan satu pemikiran baharu yang mampu menggalakkan berlaku sedikit perubahan kepada teori tersebut dan membentuk sebagai Teori Alamiah. Teori Alamiah adalah sebuah teori yang berperanan dalam karya sastera sebagai satu kejadian alam yang mengandungi bentuk, proses, sistem, estetik yang dilihat dalam bentuk lisan dan tulisan.

Wan Nur Zafirah (2019) dalam pemerhatian terhadap *Analisis Cerpen Terpilih A. Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti masalah yang berkait dengan nilai moral berdasarkan cerpen terpilih iaitu *Cerpen Saat Terakhir dan Cerpen Dari Tanah ke Tanah*. Di samping itu, kajian dilaksanakan adalah untuk menganalisis unsur dan nilai moral yang terdapat pada teks sebagai rujukan masyarakat. Kajian ini menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu berdasarkan Pendekatan Moral serta kaedah kualitatif diaplikasikan bagi mengumpul data-data kajian mengenai *Cerpen Saat Terakhir dan Cerpen Dari Tanah ke Tanah* yang banyak mengungkap kepada nilai moral. Menerusi kajian ini, menjelaskan bahawa moral adalah suatu nilai baik yang patut ditanam dalam diri masyarakat.

Sorotan kajian seterusnya daripada Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) bersandarkan penelitiannya iaitu *Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda* merungkai mengenai penggunaan nasihat yang baik berdasarkan petikan daripada Surah Luqman yang dijadikan sebagai teknik perkembangan awal sahsiah yang berpandukan proses pembinaan peribadi dalam diri kanak-kanak. Terdapat kelompongan daripada kajian terdahulu yang dilihat merujuk novel Ayahanda yang dibahaskan oleh tokoh sarjana. Objektif kajian adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis pembelajaran anak muda yang berteraskan kepada Surah Luqman. Batasan kajian yang diperoleh daripada kajian ini adalah dengan menggunakan novel Ayahanda yang ditulis oleh Azizi Haji Abdullah. Seterusnya, kajian ini memperuntukkan kepada kaedah kualitatif dengan merujuk kepustakaan dan teks serta Teori Pengkaedahan Melayu yang ditetapkan melalui Pendekatan Kemasyarakatan bagi memantapkan analisis kajian. Sebagai kesimpulannya, pengkaji mendapati al-Quran merupakan satu landasan yang menjadikan ia pendidikan yang membentuk dan membimbing masyarakat ke arah kebaikan seterusnya dijadikan panduan untuk mengelakkan berlakunya kebatilan dalam diri seseorang.

Wan Khairul Faiz (2019) dalam penelitian yang bertajuk *Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih Di Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu* adalah mengenai penceritaan yang terdapat dalam cerpen *Mosluka dan Burung* karya Syed Mohd Zakir. Objektif kajian yang diterapkan adalah mengenalpasti dan merumuskan kepincangan terhadap masyarakat menerusi cerpen yang dipilih yang melihat kepada kehidupan yang dilingkungi menerusi perkara kemungkarannya melibatkan keganasan dan salah faham liberal. Seterusnya, kajian dijalankan adalah untuk menganalisis nilai-nilai yang terdapat dalam cerpen terpilih. Pendekatan Keagamaan melalui Teori Pengkaedahan Melayu yang dilihat dalam konteks pendekatan kemasyarakatan diterapkan dalam kajian ini. Dalam kajian ini juga turut disertakan dengan

perspektif Islam untuk mengetahui masalah sosial yang merupakan cerminan masyarakat pada masa itu. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa masyarakat itu lebih memahami sesuatu perkara berdasarkan kepada apa yang berlaku kepada mereka.

Kemudian, kajian diteruskan daripada Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) dalam penelitiannya iaitu *Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu* menyetengahkan komponen dakwah yang diwujudkan oleh permasalahan daripada konflik kekeluargaan berfokuskan kepada tema keagamaan. Kajian dilaksanakan kerana ada kelompondan daripada kajian daripada ahli sarjana terdahulu. Sehubungan itu, kajian berlandaskan objektif utama iaitu mengenal pasti dan menganalisis kemampuan dakwah dalam memperjuangkan diri dari segala perkara kebatilan dan menanamkan kebaikan untuk memperoleh kehidupan manusia yang sejahtera. Kajian terbatas berfokuskan kepada penelitian daripada karya Azizi Haji Abdullah iaitu novel *Suriati*. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan berteraskan kepada Teori Pengkaedahan Melayu merujuk Pendekatan Dakwah. Berdasarkan kajian ini, pengkaji merumuskan bahawa kemampuan dakwah yang disebarkan menerusi landasan yang benar dan menjauhi perkara batil sememangnya dapat memupuk rasa minat dalam diri masyarakat agar mempelajari serta mendalami agama Islam dengan penuh rasa ketaatan dan sayang dan menyebarkan kebaikan Islam kepada masyarakat di luar sana.

Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah (2019) dalam kajian yang bertajuk *Pemikiran Islam Dalam Konteks Sosioekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani* membincangkan mengenai kemiskinan dan penindasan yang berlaku dalam masyarakat oleh disebabkan kemelesetan ekonomi dan hak ketidaksamarataan dalam faedah kekayaan hasil ekonomi. Objektif kajian adalah mengenal pasti dan menganalisis pemikiran Islam menerusi konteks sosioekonomi berdasarkan *Kumpulan Cerpen Cahaya*

Pelita Nurani dengan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Dalam kajian ini, turut menceritakan perkara penindasan yang disebutkan dalam cerpen *Aku Belum Mati* apabila kezaliman oleh pemimpin Yahudi yang terlaknat dengan menindas serta menyeksa rakyat Palestin. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa peristiwa yang terjadi kepada penduduk Palestin merupakan satu tindakan yang tidak wajar dilakukan kerana ia memberi kesan mendalam kepada kehidupan seseorang.

Nur Shahirah Othman (2020) dalam penelitiannya iaitu *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* mengetengahkan mengenai cerita rakyat yang diperkenalkan sejak zaman dahulu lagi yang memiliki mesej berguna serta nilai-nilai murni kepada masyarakat. Terdapat kelompongan dalam kajian sebelum ini yang menjadikan kajian dilaksanakan. Objektif kajian yang diperolehi adalah membincangkan serta menganalisis akal budi orang Melayu menerusi cerita rakyat terpilih. Teori yang diaplikasikan adalah Teori Pengkaedahan Melayu dan kaedah kajian pula bersifat kaaedah kualitatif iaitu dengan mendapatkan maklumat mengenai buku 366 dan perpustakaan. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa pemilihan buku cerita rakyat yang bersesuaian mampu menyampaikan mesej yang bertepatan dengan nilai akal budi.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) dalam kajiannya iaitu *Faktor dan Kesan Muntab Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah*. Kajian dilaksanakan adalah meneliti kepada isu murtad yang sering berlaku dalam masyarakat Melayu yang dapat memburukkan imej serta gambaran negatif terhadap orang luar. Murtad adalah suatu perbuatan yang melibatkan akhlak dan akidah seseorang yang beragama Islam iaitu meninggalkan agama atau “keluar” daripada agama Islam. Kajian dijalankan adalah untuk menjelaskan konsep-konsep agama Islam sepertimana dakwah, akidah dan khalifah yang

terdapat dalam novel *Tuhan Manusia* hasil karya Faisal Tehrani (2007). Objektif kajian adalah mengenal pasti dan menganalisis faktor-faktor yang menjadi penyebab seseorang murtad. Kaedah kualitatif diaplikasikan dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan teks. Kajian ini berpaksikan kepada Teori Takmilah yang mengungkap kepada prinsip-prinsip Islam. Dengan demikian, kajian yang dilakukan adalah untuk memberi tunjuk ajar serta menegur perbuatan segelintir masyarakat yang mengambil ringan akan agama Islam.

Nik Noorafifah Binti Roziman & Nur Afifah Vanitha Abdullah (2020) dalam penyelidikannya bertajuk *Struktur Dramatik Tangan-Tangan Yang Tinggal Oleh Siti Jasmina Ibrahim*. Tujuan kajian dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti serta menganalisis struktur dramatik menerusi karya Siti Jasmina. Kaedah kualitatif berserta Teori Pengkaedahan Melayu yang merujuk kepada pendekatan kemasyarakatan digunakan dalam penelitian ini. Selain itu, kajian dilakukan adalah untuk membicarakan mengenai tema dalam skrip *Tangan-Tangan Yang Ditinggal* dengan mengeluarkan temanya iaitu tema keinsafan, tema berpegang teguh dalam ajaran Islam serta mempertahankan warkah pemuda.

Nur Safiah (2020) dalam kajiannya *Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih Dalam Seuntai Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian dijalankan adalah untuk mengenal pasti, membincangkan dan merumuskan nilai-nilai Islam yang terkandung dalam cerpen yang terpilih iaitu teks *Seuntai Rindu Firdaus* karya Ana Balqis. Kaedah kualitatif diterapkan dalam kajian dan Teori Pengkaedahan Melayu diaplikasikan bagi memenuhi dapatan kajian. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat nilai Islam yang ditemui dalam cerpen *Dialog Dua Perempuan, Mencari Syawal, Telur, Rindu Rirdaus dan Rindu Kampung*. Dengan demikian, kajian ini juga memberi penekanan bahawa didikan agama merupakan sumber ketakwaan seorang hamba kepada Pencipta-Nya.

Seterusnya, Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020) dalam penelitiannya iaitu *Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I* menegenahkan tentang isu berkaitan kekayaan tatasusila hidup dan akal budi dalam kehidupan orang Melayu. Terdapat kelompongan daripada kajian-kajian terdahulu. Kajian dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis elemen dakwah dalam cerpen *Rejab F.I*. Kajian ini hanya terbatas menerusi cerpen “Papaverine” yang ditulis oleh Rejab F.I berpandukan kaedah kualitatif dengan adanya rujukan kepustakaan atau teks. Seterusnya Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori Hashim Awang dipilih pengkaji bagi menyelesaikan analisis kajian. Hasil keseluruhan kajian mendapati, terdapat empat tema yang dapat dikeluarkan daripada cerpen iaitu keadilan, ilmu, taubat dan takwa yang digambarkan dalam watak perwatakan yang ada dalam pendekatan dakwah.

Sorotan kajian yang dilakukan oleh Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020) adalah bertajuk *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah* merumuskan mengenai perkara-perkara yang terjadi dalam kehidupan seseorang menerusi dakwah Islamiah yang terdapat dalam cerpen terpilih. Terdapat kelompongan yang diperhatikan dalam kajian terdahulu menyebabkan kajian ini dilaksanakan. Objektif kajian adalah bermatlamatkan untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan unsur dakwah serta memastikan kebenaran yang dilihat daripada cerpen *Melamar Rindu* yang bersandarkan sumber al-Quran. Batasan kajian yang diperoleh adalah dengan menggunakan buku kumpulan cerpen *Melamar Rindu* berdasarkan cerpen *Gangguan, Menimba Penawar* serta *Doanya Termakbul*. Berikutan itu, kajian dilaksanakan adalah berpaksikan kepada kaedah kualitatif serta mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang membantu pengkaji menyelesaikan penyelidikan dengan jayanya. Sebagai rumusannya, pengkaji mendapati bahawa teks yang terpilih memiliki elemen dakwah

islamia yang berkesan dalam membentuk masyarakat yang berkebolehan tinggi serta melahirkan masyarakat yang berguna pada masa akan datang.

Norzatul Iqma Mohd Noor (2020) berdasarkan pengamatannya iaitu *Nilai Kemelayuan Dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih Di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Tujuan kajian dilaksanakan adalah untuk mengetahui kajian yang berfokuskan unsur seni yang terkandung dalam drama-drama popular terpilih di Malaysia. Dalam pada itu, unsur seni merupakan unsur yang memiliki keindahan yang sukar digambarkan. Kajian berteraskan matlamat asasnya iaitu mengenal pasti nilai-nilai kemelayuan menerusi drama-drama Melayu terpilih berserta mengkaji jalinan antara nilai kemelayuan yang ada pada nilai-nilai Melayu yang dipilih. Kajian juga mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai sumber utama dalam meneliti drama *Setia Hujung Nyawa* dan *Teduhan Kasih*. Kaedah kualitatif digunakan untuk mendapatkan hasil pengumpulan data kajian menerusi kaedah perpustakaan. Dengan demikian, kajian dijalankan adalah bagi melihat kepada nilai kemelayuan yang ada pada drama terpilih seperti nilai tabah, nilai kepimpinan, nilai memelihara dalam adat dan budaya.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) menerusi penelitiannya bertajuk *Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan* adalah membincangkan mengenai naratif lisan. Umumnya, naratif lisan merupakan satu pendidikan yang perlu diterapkan dalam diri kanak-kanak kerana di dalam naratif lisan mempunyai banyak pengajaran yang berkait dengan adat resam, kebudayaan dan banyak menyebut pantang-larang masyarakat Melayu yang mellihatkan kepada akal budi iaitu suatu tingkah laku yang waras oleh seseorang individu. Oleh itu, kajian dilakukan adalah kerana untuk mencapai matlamat utama iaitu mengenal pasti dan menganalisis akal budi berdasarkan naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan. Teori

Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan diaplikasikan dalam kajian ini. Selain itu, kaedah kualitatif yang memerlukan kepada kaedah kepustakaan dan lapangan merupakan sumber dapatan pengkaji dalam memantapkan kajian yang dijalankan. Di samping itu, pengkaji juga membuat sedikit temu bual dengan mengemukakan beberapa responden bagi mencapai matlamat kajian dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan. Maka, dengan kajian yang dilakukan berdasarkan elemen akal budi dapat membentuk sifat mulia dalam masyarakat seperti sifat rasional, berani kerana benar, daya usaha dan ikhlas.

Nur Shahirah Othman (2020) di dalam pemerhatiannya iaitu *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* mengetengahkan isu akal budi dalam masyarakat Melayu berdasarkan cerita rakyat yang dilihat menerusi alam, kehidupan dan bentuk emosi daripada pengalaman, jasmani, rohani serta intelek manusia. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis akal budi orang Melayu menerusi cerita rakyat. Kajian terbatas dengan menggunakan buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* hasil nukilan Zainariah Abdul Wahab dengan memilih cerita rakyat tertentu menerusi Teori Pengkaedahan Melayu bagi mengukuhkan lagi kajian. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa nilai akal budi merupakan satu titik tolak yang berguna dalam membangunkan nilai yang baik dalam masyarakat Melayu.

Kajian yang dilakukan oleh Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris (2020) dengan tajuk penyelidikannya *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan* berkisahkan mengenai penglibatan nilai-nilai Islam yang terkandung dalam naskah *Syair Suka Duka Pelayaran Ke Mekah*. Masalah kajian ini adalah berpunca daripada kelompongan kajian yang belum dikaji oleh tokoh sarjana berkaitan dengan agama Islam. Kajian dilaksanakan berpaksikan objektifnya iaitu mengenal pasti dan

menganalisis nilai-nilai yang terdapat *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* merujuk kepada elemen dakwah. Seterusnya, kajian dibataskan menerusi naskhah yang terpilih iaitu *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* berdasarkan kepada kaedah kualitatif serta menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu yang bertumpukan Pengkaedahan Keagamaan merujuk kepada Pendekatan Dakwah dalam mewujudkan hasil penyelidikan yang mantap dan lebih berkomprensif. Sebagai ringkasan, pengkaji mendapati terdapat beberapa nilai yang mengutarakan konsep dakwah dengan mengangkat keagungan Allah sebagai satu perkara yang besar dalam diri seseorang Muslim mengenai kebesaran Islam.

Penelitian seterusnya adalah daripada Abdul Rahim & Nurul Safiah (2020) merujuk kajiannya iaitu *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa Karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* membicarakan mengenai pemerhatian daripada kebenaran kelakuan seorang pahlawan yang memiliki nilai pengajaran daripada sajak-sajak terpilih. Terdapat kelompondan daripada kajian lepas yang membicarakan mengenai nilai-nilai kepahlawanan dalam sajak oleh tokoh sarjana sebelum ini. Kajian bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kepahlawanan berikutan daripada sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* menerusi kaedah kualitatif untuk menyelesaikan kajian dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Sebagai rumusannya, kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis nilai-nilai kepahlawanan yang dinyatakan dalam sajak terpilih dengan mengungkapkan pengajaran yang baik untuk dijadikan dalam membentuk norma masyarakat yang cemerlang.

Sorotan kajian diteruskan oleh Nur Shahirah Othman (2020) dalam penelitiannya iaitu *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* mengetengahkan mengenai cerita rakyat yang diperkenalkan sejak zaman dahulu lagi yang memiliki mesej berguna serta nilai-nilai

murni kepada masyarakat. Terdapat kelompongan dalam kajian sebelum ini yang menjadikan kajian dilaksanakan. Objektif kajian yang diperolehi adalah membincangkan serta menganalisis akal budi orang Melayu menerusi cerita rakyat terpilih. Teori yang diaplikasikan adalah Teori Pengkaedahan Melayu dan kaedah kajian pula bersifat kaaedah kualitatif iaitu dengan mendapatkan maklumat mengenai buku 366 dan perpustakaan. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa pemilihan buku cerita rakyat yang bersesuaian mampu menyampaikan mesej yang bertepatan dengan nilai akal budi.

Kajian diteruskan berdasarkan sorotan kajian daripada Muhammad Izzat Farhan (2021) dengan tajuknya bertemakan *Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan* merumuskan mengenai citra masyarakat yang terdapat dalam novel-novel remaja yang telah ditetapkan. Kajian ini dijalankan kerana terdapat kelompongan daripada kajian lepas oleh para sarjana yang memfokuskan terhadap unsur kedinamikan citra masyarakat. Objektif kajian ini bermatlamatkan mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan unsur kedinamikan citra masyarakat yang terdapat pada novel remaja tertentu. Seterusnya, kajian dibataskan menerusi cerita rakyat yang ditetapkan iaitu *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah, *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani dan *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin. Reka bentuk kajian ini adalah bersifat kualitatif dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai wahana bagi memantapkan lagi penyelidikan. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati buku-buku yang terpilih dapat membentuk gambaran yang berguna dalam kehidupan sesuatu masyarakat.

Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021) dalam kajian *Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu* bagi membincangkan naratif lisan sebagai citra masyarakat yang digunakan dalam kebudayaan dan kehidupan masyarakat Melayu. Terdapat kelompongan daripada kajian-

kajian sebelumnya yang berkaitan dengan cerita lisan. Objektif kajian yang diaplikasikan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis citra masyarakat Melayu yang wujud dalam cerita lisan. Kajian dibataskan dengan hanya menggunakan teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk perpustakaan serta analisis teks. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati kajian ini sesuai digunakan oleh para pelajar sebagai panduan dalam pembelajaran.

Sorotan kajian yang dilaksanakan oleh Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid (2021) dalam penelitiannya iaitu *Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah* merumuskan mengenai kisah cerita rakyat (tangon) bagi Suku Kimaragang berdasarkan kepada bentuk falsafah, sosiobudaya dan cerminan identiti kepahlawanan masyarakat itu sendiri. Kajian ini dijalankan kerana terdapat kelompongan daripada kajian-kajian terdahulu. Tujuan yang menjadikan kajian ini diterapkan adalah berdasarkan objektifnya iaitu untuk mengenal pasti dan menganalisis elemen kepahlawanan yang ditemui dalam cerita rakyat tangon. Pendekatan yang digunakan adalah pendekatan kuantitatif yang memerlukan kepada kajian lapangan dan temubual. Berdasarkan kajian ini, kajian terbatas yang dijumpai dalam cerita rakyat (tangon) yang digambarkan oleh suku Kimaragang seperti Si Ganuk, Ih Sambarak Om Tasu dan Si Dampayak Pakou berteraskan kepada kaedah kualitatif yang memerlukan kepada analisis teks dan penelitian dari segi rujukan kepustakaan. Seterusnya Teori Pengkaedahan Melayu diaplikasikan dalam kajian bagi memenuhi aspek kepahlawanan yang ada dalam cerita rakyat (tangon). Sebagai rumusnya, kajian ini dilihat penting dalam mengklasifikasikan komponen kepahlawanan yang terdapat dalam masyarakat hari ini untuk memperoleh kehidupan yang harmoni, aman, sejahtera daripada anasir yang mendatangkan keburukan dalam diri terutamanya melibatkan kepada maruah diri seseorang individu dan masyarakat sekeliling.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam pemerhatiannya iaitu *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu* yang membincangkan mengenai nilai ketamadunan yang menjadi satu amalan masyarakat Melayu terdahulu. Terdapat permasalahan daripada kajian ini iaitu masyarakat hari ini sering menganggap dan menjadikan cerita rakyat sebagai satu perkara yang membosankan. Objektif kajian adalah mengenal pasti dan menganalisis nilai ketamadunan masyarakat Melayu yang ada pada cerita lisan masyarakat di Tumpat, Kelantan. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau nilai ketamadunan dalam cerita rakyat yang menjadi satu amalan yang masyarakat sehingga kini. Kaedah kualitatif diterapkan berdasarkan kaedah kepustakaan dan temu bual bagi memenuhi kriteria kajian yang diperlukan. Selain itu, kajian berpaksikan kepada Teori Pengkaedahan Melayu sebagai tunjang kajian. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa cerita rakyat di Tumpat, Kelantan memiliki nilai ketamadunan jika diperhatikan dengan lebih mendalam.

2.4 Penutup

Sebagai rumusan, pengkaji mendapati bahawa penceritaan rakyat masih berada di sudut hati sebilangan masyarakat pada masa kini berdasarkan penemuan kajian yang telah dilakukan oleh ali-ahli tokoh sarjana yang hebat dalam sorotan kajian yang telah disenaraikan oleh pengkaji. Rentetan daripada itu, pengkaji dapat memberi satu penekanan yang baik dengan kisah penceritaan yang seringkali berlaku dalam kehidupan masyarakat hari ini dan telah ditambah baik bagi mengekalkan konsep cerita rakyat sebagai perkara yang perlu diperluaskan lagi dalam diri masyarakat Melayu agar dapat memupuk rasa sayang dan kecintaan terhadap kajian yang pernah dilakukan oleh para sarjana dalam memartabatkan lagi khazanah ini agar tidak dimamah oleh arus pemodenan zaman. Berlandaskan sorotan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji dapat dijadikan sebagai penentu aras dalam menghasilkan penyelidikan yang cemerlang dan seterusnya dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji lain pada masa akan datang.

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi kualitatif merupakan suatu prosedur bagi melihat dan untuk memperoleh data kajian yang bersifat deskriptif yang berasaskan teknik lisan atau tulisan dari gaya tindak-tanduk yang dihasilkan, I Woyan Koyan (2014). Kaedah yang dihasilkan adalah berdasarkan penggunaan latar belakang beserta dikenalpasti daripada bentuk individu secara holistik. Dengan demikian, pada bab ini pengkaji akan membicarakan beberapa perkara utamanya iaitu reka bentuk kajian, kaedah kajian dan penerapan teori yang digunakan bagi memperincikan dan menjayakan pelaksanaan kajian ini.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Pengkaji mengaplikasikan satu pendekatan yang bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu pendekatan kualitatif sebagai bentuk perhimpunan data dalam meneliti dan menganalisis data kajian yang ingin diketengahkan. Selain itu, pengkaji turut mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan menghuraikan penggunaan cara kajian ini dilaksanakan berdasarkan konteks kajian yang menggambarkan interaksi yang menjadi strategi pemerhatian, falsafah dan kaedah kajian.

3.3 Kaedah Kajian

Kaedah kajian diperlukan untuk mengamati konsep nilai-nilai murni yang membolehkan kajian ini menggunakan kaedah rujukan. Penyelidikan kualitatif adalah satu kaedah yang cuba diterapkan oleh pengkaji. Tujuan kajian dilaksanakan adalah untuk membuktikan hasil kajian yang dijalankan pengkaji dengan melihat keberkesanan yang sistematik menerusi unsur mitos yang digarapkan dalam kajian menerusi teks cerita rakyat *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

3.3.1 Kajian Kepustakaan

Kajian ini menerapkan penelitian yang bersumberkan kepada keterangan daripada dokumen-dokumen yang bersesuaian dengan tajuk yang dibincangkan oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji juga menggunakan sumber lain bagi menghasilkan kajian yang mantap dengan rujukan daripada teks, artikel akhbar, tesis, jurnal, laman sesawang serta dapatan daripada teks bertulis yang lain. Seterusnya, pengkaji mengaplikasikan penggunaan daripada sumber perpustakaan bagi memperoleh sumber-sumber tambahan bagi mengukuhkan lagi analisis kajian. Pengkaji telah berkunjung beberapa buah perpustakaan iaitu antaranya ialah Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan juga daripada perpustakaan dari tempat yang berlainan sebagai medium yang memudahkan pengkaji mencari sumber kajian yang berkaitan.

3.3.2 Rujukan Teks Atau Dokumen

Pengkaji menggunakan kaedah rujukan teks dengan cara pembacaan dan penghayatan yang penuh teliti berkaitan tajuk kajian yang dilaksanakan. Selain itu, pengkaji mencari sebanyak mana yang mungkin berkaitan unsur mitos yang memenuhi konsep definisinya sebagai tumpuan utama kajian ini dijalankan. Berdasarkan kajian ini, pemilihan

teks adalah merupakan satu perkara yang perlu diambil perhatian yang penting. Hal ini kerana, pemilihan buku yang bertepatan kepada tajuk kajian penyelidikan dapat memudahkan kajian dilaksanakan berdasarkan penceritaan cerita rakyat yang terpilih. Seterusnya, kajian ini dibataskan hanya menggunakan sebuah buku cerita rakyat yang difikirkan sesuai dengan tajuk kajian dan dapat memenuhi objektif kajian penyelidikan daripada teks *Seuntai-an Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* hasil tulisan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob pada tahun 2021 yang mempunyai 120 halaman bercetak. Jika diteliti dengan lebih mendalam, teks ini dianggap sesuai kerana isi kandungan yang terkandung dalamnya memiliki penceritaan mengenai unsur mitos yang dapat digunakan pengkaji bagi menghasilkan data analisis kajian yang mantap.

3.4 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Pengkaedahan Melayu dipilih dalam kajian ini sebagai bentuk landasan yang menjadi panduan analisis kepada pengkaji bagi mengukuhkan lagi penyelidikan. Berdasarkan pandangan daripada tokoh Hashim Awang (1999) beliau menjelaskan bahawa Teori Pengkaedahan Melayu adalah satu teori kesusasteraan yang mencerminkan sikap dan nilai kebudayaan bagi melambangkan bangsa Melayu, agama Islam, perspektif, pandangan dunia dan kronologi alam semesta. Hal ini demikian kerana, pengasas Teori Pengkaedahan Melayu iaitu Hashim Awang telah melakukan penerokaan terhadap dua pengkaedahan yang berkait antara satu sama lain yang merujuk kepada Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan dianggap lebih bersesuaian.


3.4.1 Pengkaedahan Alamiah

Menurut Hashim Awang (1993), Pengkaedahan Alamiah merupakan satu pendekatan yang merumuskan kepada konsep keindahan alam yang menjelaskan kepada

kebaikan, keindahan serta manfaat untuk dinilai oleh manusia dan meninjau serta berkebolehan untuk mengkritik karya-karya sastera. Hal ini kerana, sastera sebagai satu wahana yang dianggap dapat menguntungkan manusia yang sangat berguna.

Dalam pada itu, kenyataan yang disampaikan oleh Hashim Awang (2002) mengenai Pendekatan Alamiah yang dilihat menerusi sebuah kehidupan yang mencerminkan kepada sebahagian semesta. Di samping itu, pendekatan ini juga dilihat berkemampuan dalam mengukuhkan lagi kepercayaan seseorang Muslim terhadap kewujudan Allah SWT itu benar yang menciptakan alam galaksi ini yang kaya dengan keindahan, kebaikan serta kelebihan yang ada pada segala penciptaanNya itu. Lantaran daripada itu, penciptaan yang dihasilkan oleh Allah SWT adalah berdasarkan kebijaksanaanNya, matlamatNya dan nilai yang terkandung dalam setiap apa penciptaanNya itu yang tersendiri.

Dengan demikian, Pengkaedahan Alamiah dapat dilihat menerusi pecahannya kepada tiga pendekatan. Pendekatan yang terlibat iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat.



Carta 3.4.1: Jenis Pengkaedahan Alamiah

3.4.1.1 Pendekatan Gunaan

Pendekatan Gunaan adalah dilihat sebagai suatu perkara yang memfokuskan kepada kebajikan serta penerapan yang terkandung dalam sastera yang dibentuk melalui isi berteraskan kepada kelebihan serta tatasusila. Berdasarkan pandangan tokoh Hashim Awang (1999) menjelaskan bahawa ciri-ciri Pendekatan Gunaan digambarkan menerusi elemen kepercayaan merungkai makna sastera yang bercirikan daripada konsep penciptaan alam yang dilihat menerusi kehendak dan izinnya bagi sesuatu kekuasaan Allah SWT. Sehubungan itu, penciptaan sastera adalah berdasarkan kepada sebabnya yang tersendiri, mempunyai fungsi dan matlamatnya yang bertunjangkan kepada aspek ekstrinsik dan intrinsiknya. Dalam pada itu, kewujudan sastera terhasil kerana terdapatnya manfaat dan juga impak yang memberi kebaikan dari pandang jasmani dan rohani yang memberikan kebajikan dalam kehidupan sesuatu masyarakat.

3.4.1.2 Pendekatan Moral

Pendekatan Moral adalah dikenalpasti sebagai satu pendekatan bersandarkan daripada Pendekatan Gunaan yang mencerminkan kesusasteraan sebagai suatu bentuk kejadian dan objek terhadap kegunaannya. Akan tetapi, sesuatu kejadian itu dijelaskan daripada Pendekatan Moral tidak bersifat kepada perkara yang boleh memberikan kebaikan. Tetapi ianya lebih memfokuskan kepada sesuatu kejadian yang dibentuk daripada pengalaman hidup serta pengetahuan manusia yang melibatkan kepada kepercayaan, kejiwaan, persekitaran, kemasyarakatan serta kebangsaan. Berdasarkan pemerhatian Hashim Awang (1999) mengklasifikasikan berkaitan dengan ciri-ciri Pendekatan Moral adalah sebagai suatu perkara yang memberi manfaat yang mempunyai ketinggian nilainya terhadap sesuatu yang lebih kepada perkara yang melibatkan konsep pengalaman hidup manusia iaitu merujuk kepada tingkah laku, perbuatan dan berlakunya

peristiwa dalam diri seseorang yang menjadikan ia suatu pengajaran yang mengajarnya sebagai suatu iktibar.


3.4.1.3 Pendekatan Firasat

Pendekatan Firasat dipercayai dalam kesusasteraan kerana ia dianggap sebagai suatu fenomena alam semesta berkeupayaan bagi membentuk pengalaman yang terjadi dalam kehidupan seseorang insan. Berlandaskan pandangan yang dikemukakan oleh Hashim Awang (1999) menjelaskan makna ciri-ciri yang terdapat daripada Pendekatan Firasat dilihat menerusi pemerhatian sastera yang menerangkan maksud sebenar atau tersirat sebagai lambang yang menceritakan sesuatu kejadian. Sungguhpun begitu, dengan kewujudan sastera memperlihatkan ia sebagai satu bahan yang melahirkan konsep denotasi dan konotasi menjadikan seseorang pembaca itu perlu bertindak dalam meneka serta mentafsir sesuatu idea pemikiran yang ingin dikemukakan oleh pengkarya. Sebagai kesimpulan, sastera dilihat sebagai suatu perkara yang memiliki unsur tersirat di dalamnya.

3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan

Pengkaedahan Keagamaan adalah suatu bentuk pendekatan yang berlandaskan kepada aspek aqidah Islamiah yang berfokuskan kepada elemen keimanan. Hal ini kerana, pendekatan ini adalah berkait rapat dengan sumber utamanya iaitu al-Quran dan Hadis. Selain itu, Hashim Awang (2002) menegaskan bahawa Pendekatan Keagamaan adalah merujuk kepada sifat-sifat yang menggambarkan tanda keagungan dan kekuasaan Allah. Dalam pada itu, Pengkaedahan Keagamaan merupakan suatu pendekatan yang menanamkan dua perkara utama iaitu nilai estetika dan moral.

Seterusnya, berdasarkan pandangan daripada Hashim Awang (1999) menghuraikan bahawa penggunaan pengkaedahan ini dikategorikan menerusi beberapa pendekatan iaitu Pendekatan Seni, Pendekatan Kemasyarakatan serta Pendekatan Dakwah.



Carta 3.4.2: Jenis Pengkaedahan Keagamaan

3.4.2.1 Pendekatan Seni

Menerusi pendekatan ini, ia merujuk kepada nilai-nilai estetika sebagai suatu bentuk yang perlu diketengahkan. Hal ini disebabkan oleh, pendekatan ini menjurus kepada aspek keindahan yang dijadikan satu penekanan penting bagi menjadikan kesusasteraan itu sebagai pokok persoalan. Hashim Awang (1994) menjelaskan berkenaan ciri-ciri yang terdapat dalam Pendekatan Seni memperincikan kepada nilai-nilai estetika berteraskan aspek agama Islam yang wujud dalam karya sastera untuk mengamati keindahan yang terkandung dalamnya. Dalam pada itu, dapat dikenal pasti bahawa sesuatu unsur keindahan itu terjalin daripada perkara yang terlibat seperti tema dan watak, gaya penceritaan, sudut pandang dan bahasa.

3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan

Pendekatan Kemasyarakatan adalah dilihat sebagai satu bentuk persoalan yang memperincikan kepada beberapa perkara utama iaitu dari segi manfaat, keadilan serta mencari kebaikan yang berpaksikan aspek Islam yang dijadikan wahana dalam pendekatan ini. Berdasarkan pendekatan ini, ia merujuk kepada sastera yang menjadi satu komponen bertujuan membentuk keharmonian dan kebahagiaan dalam kehidupan seseorang manusia. Berdasarkan pandangan Hashim Awang (1994) yang menyatakan ciri-ciri yang wujud dalam Pendekatan Kemasyarakatan adalah dapat dilihat daripada sikap ketidakadilan dan segala perihal sesuatu perkara negatif yang menjurus kepada keruntuhan akhlak. Dalam pada itu, setiap persoalan isi dan tema yang timbul merungkai kepada permasalahan, kepincangan yang perlu diberikan perhatian dalam masyarakat. Selain itu, mengandungi persoalan isi dan tema yang memberi fokus kepada kepincangan dalam masyarakat yang diberi perhatian. Dengan demikian, setiap perkara yang berkaitan persoalan manusia akan dirujuk dari segi perspektif Islam yang dilihat tidak diterapkan dalam satu penafian yang dianggap realiti dalam masyarakat sebagai bentuk propaganda.


3.4.2.3 Pendekatan Dakwah

Pendekatan Dakwah adalah satu pendekatan yang memperincikan terhadap kekuasaan, keagungan serta kebesaran Allah dan sifat-sifat berkaitan dengan keagungan Allah yang lain dilihat dari segi kesusasteraan. Hashim Awang (1999) menjelaskan mengenai ciri-ciri yang terdapat dalam Pendekatan Dakwah dari perspektif sastera merujuk persoalan yang menggambarkan kepada kemuliaan serta kekuasaan yang menghadirkan rasa kecintaan yang mendalam kepada Allah. Selain itu, pendekatan ini juga menekankan persoalan yang berkaitan dengan kemurnian dan keistimewaan yang wujud dalam agama Allah yang memberi minat kepada masyarakat Islam untuk memperbaiki diri, mendalami,


serta mendekatkan diri kepada Allah SWT. Sebagai kesimpulan, pendekatan dakwah terwujud disebabkan oleh untuk melihat kepada beberapa aspek seperti amanat dan juga tema yang terjadi dalam perbahasan agama dikenal pasti permasalahannya.



UNIVERSITI




MALAYSIA



KELANTAN

3.5 Kerangka Konseptual



Rajah 3.1: Kerangka Konseptual

3.6 Penutup

Penerapan kaedah kajian adalah perkara yang dianggap penting dalam menyelesaikan serta memperindahkan lagi kualiti penyelidikan iaitu secara sistematik dengan pemilihan kaedah kajian. Kajian berteraskan daripada dapatan yang terdapat dalam sesebuah kajian yang dipengaruhi oleh kaedah kajian adalah untuk melihat sejauh manakah padanan kesesuaian sesuatu penggunaan objektif itu dan pokok persoalan yang timbul dalam kajian dijalankan. Kajian diteruskan kepada metodologi apabila kesemua aspek yang berkaitan telah dikenal pasti. Selepas itu, apabila metodologi serta kaedah kajian dipilih, sesuatu data kajian juga dapat diproses dan kemudian dihasilkan dengan baik. Apabila kesemua perkara telah dikumpulkan kepada bentuk sistematik, ia akan diteruskan kepada proses bab analisis dan disusun dalam dapatan kajian. Penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu pada bahagian kajian ini adalah suatu bentuk yang dilihat mampu menghasilkan analisis yang hebat serta berkesan yang boleh memandu kajian ini pada landasan yang tepat. Lantaran itu, setiap apa daripada kajian ini dikumpul dan disesuaikan dengan tajuk kajian ini dapat menghasilkan satu dapatan yang bertepatan mengikut dan dapat dikaitkan dengan unsur mitos yang dikaji menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bagi meneruskan kajian ini, pengkaji telah menyenaraikan beberapa perkara yang akan mengupaskan berkaitan dengan unsur-unsur mitos melalui analisis data kajian berdasarkan teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan*. Analisis yang dibuat adalah berpandukan kepada objektif kajian pengkaji iaitu mengenal pasti unsur mitos yang terdapat dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dan menganalisis unsur mitos yang terkandung dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang dikarang oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Analisis yang dilaksanakan adalah berpaksikan kepada Teori Pengkaedahan Melayu (1989) bagi menjawab segala perkara yang berkaitan dengan unsur-unsur mitos dan seterusnya digunakan dalam menganalisis kajian berserta dengan huraian yang lengkap. Matlamat utama analisis ini dijalankan adalah untuk mengumpulkan semua dapatan kajian yang diperolehi bagi mencapai objektif kajian. Fokus utama perbincangan analisis ini adalah berdasarkan dua unsur mitos yang ditemui dalam teks seperti unsur mitos yang dibentuk daripada fenomena alam, unsur mitos melalui lambang, unsur mitos berdasarkan kejadian misteri dan unsur mitos yang diilhamkan menerusi mimpi. Oleh hal demikian, analisis kajian mengenai unsur-unsur mitos ini akan diterapkan dengan mengaplikasikan pendekatan firasat.

4.2 Unsur Mitos yang Dibentuk Daripada Fenomena Alam

Menurut pandangan tokoh iaitu Charles H. Long (1963) beliau telah menghuraikan mengenai mitos alam adalah satu bentuk pengkisahan cerita yang berasaskan kepada identiti, tradisi dan corak pembukaan sesuatu penceritaan yang terdapat dalam kehidupan sesebuah bangsa dan negara. Hal ini demikian kerana, penceritaan yang mengisahkan mitos alam ini kebanyakannya telah diterapkan dalam nadi sastera lisan adalah untuk memperlihatkan kepada pembentukan sesuatu mitos itu terjalin kepada kisah yang terdapat dalam plot dan watak yang berhubung kait dengan dewa, watak yang memperlihatkan kepada keunggulan, keperkasaan yang bersifat luar biasa, pembawaan watak seperti manusia atau melibatkan penemuan haiwan yang boleh bertukar dengan mudah dan boleh berkata-kata. Dalam pada itu, *Kamus Dewan* (2016) menjelaskan fenomena alam merupakan perkara yang mempamerkan beberapa peristiwa bagi menggambarkan pengetahuan terhadap sesuatu perkara. Fenomena alam ini juga dapat dikaitkan dengan kejadian peristiwa yang dijumpai bagi sesebuah masyarakat yang tidak kira tempat. Oleh itu, sebagai penerangan ringkas tentang mitos daripada fenomena alam ini ia memberi makna kepada sesuatu peristiwa yang pernah berlaku pada masyarakat suatu ketika dahulu yang dilihat sebagai satu perkara yang telah menjadi makna tradisi dan pembentukan identiti berdasarkan kemunculan sesebuah bangsa dan masyarakat di sesuatu tempat.

4.2.1 Mitos Fenomena Alam Menerusi Sejarah Asal Usul

Tokoh sarjana seperti Yusoff Iskandar (1986) telah memberikan pandangannya mengenai mitos iaitu peranan mitos itu sendiri adalah bertujuan bagi menggambarkan perihal yang berhubung kait dengan asal usul bagi sesuatu tempat. Beliau juga mengatakan bahawa mitos berfungsi untuk menceritakan tentang asal usul sesuatu tempat. Berdasarkan fahaman yang dikupaskan oleh Aripin Said (1996) beliau menjelaskan penceritaan bagi asal

usul adalah satu penceritaan yang disifatkan sebagai perkara yang paling tertua yang dinyatakan di dalam sastera lisan yang lain. Hal ini dikatakan kerana, sesebuah cerita lisan yang sudah kian lama ini, ia semestinya akan berkait dengan unsur dongeng. Merujuk kenyataan daripada *Kamus Dewan* (2016) telah mentakrifkan bahawa sesuatu pengkisahan asal usul ia dilihat sebagai paparan yang ditemui dalam asal keturunan, tahap perkembangan bagi sesuatu bangsa dan melibatkan penemuan peristiwa yang penting. Oleh hal yang demikian, sesebuah cerita yang berkait asal usul merujuk kepada perkara yang mengasalusulkan berserta menghuraikan bagi meneroka asal usul sebagaimana dapat dirungkai dalam kisah masyarakat Melayu dan juga bersangkutan paut dengan kisah raja-raja terdahulu. Sungguhpun begitu, cerita asal usul dapat diringkaskan sebagai satu kisah yang menggambarkan tentang bagaimana terbentuknya sesebuah masyarakat dan disusuli dengan penceritaan kisah-kisah dongeng yang sudah pun terjadi pada ketika itu yang mendedahkan unsur alam dalam ceritanya. Berikut merupakan perihal mitos kejadian alam melalui cerita asal-usul berdasarkan cerita *Pokok Tanjung dan Alat Musik Yang Bisu*:

Petikan 1

“...Tok ketua pun membuka bicara dengan menceritakan peristiwa yang berlaku pada zaman dahulu kala di mana terdapat sekumpulan gajah yang selalu berteduh di pokok tanjung sebesar gergasi itu kerana gajah-gajah tersebut telah mendengar kemerduan suara daripada serumpun pokok buluh berhampiran dengan pokok tanjung itu. Setiap hari, penduduk akan melihat gajah-gajah tersebut berada di bawah pokok tanjung sahaja menantikan kelunakan suara merdu yang keluar daripada pokok buluh. Lama-kelamaan, penduduk mendapati pokok buluh itu tidak lagi mengeluarkan bunyi dan hilang dengan tiba-tiba...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 8)

Merujuk kisah yang dinyatakan, cerita ini mengisahkan sebuah pokok tanjung yang besar iaitu berada di sebuah tempat yang diberi nama Pulau Gajah, Pengkalan Datu. Berdasarkan kisah pokok tanjung ini, ia telah memberi gambaran kejadian yang luar biasa yang dialami oleh penduduk kampung pada masa itu. Perkara ini dapat dilihat apabila pohon buluh tersebut telah berada di sebalik pokok tanjung dan pohon itu serta merta

melontarkan alunan mengeluarkan bunyi yang mengasyikkan yang menyebabkan tempat tersebut diberi nama Pulau Gajah. Perkara yang dilihat terjadinya unsur mitos dalam cerita ini adalah apabila pohon buluh itu telah mengeluarkan satu bunyian yang merdu dan amat mengasyikkan untuk didengari. Hal ini dapat dikenalpasti, punca terjadinya penghasilan alunan bunyi oleh pokok buluh perindu adalah berpunca daripada berlakunya tiupan angin menerusi ruang-ruang udara yang terdapat di celahan pokok buluh. Perkara ini disifatkan sebagai satu fenomena yang dikira luar biasa oleh pohon buluh itu kerana pohon itu secara tiba-tiba tidak mengeluarkan bunyi dan telah hilang. Perkara ini telah menjadikan tanda tanya sebahagian orang yang ada kemungkinan pohon buluh tersebut telah rosak akibat ditebang oleh manusia atau berkemungkinan pohon buluh itu sudah mencapai batas usianya sehingga menyebabkan ia mati.

Sebagai lanjutan, mitos fenomena alam melalui sejarah asal usul telah dijumpai dalam cerita *Rumah Api Penyelamat Saudagar* menerusi ayat petikan ini:

Petikan 2

“...setelah diperhatikan barulah beliau menyedari bahawa cahaya kilat petir yang terpancar adalah datangnya dari sebuah rumah api. Melihatkan adanya rumah api, anak-anak kapal telah bersorak girang kerana telah menemui daratan untuk berlabuh. Justeru itu, perkataan kilatan adalah nama asal bagi negeri Kelantan bersempena cahaya kilatan yang keluar daripada rumah api tersebut. Diceritakan dengan penemuan rumah api itu telah menyelamatkan nyawa saudagar tersebut sewaktu belayar...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 24)

Berdasarkan kisah *Rumah Api Penyelamat Saudagar* memberi satu gambaran hidup berkaitan sekumpulan pelayar yang telah berlayar di kawasan serantau bagi tujuan berdagang. Merujuk cerita ini, pengkaji difahamkan bahawa telah berlakunya ribut besar secara tiba-tiba yang sangat dahsyat sehingga menyebabkan pedagang-pedagang ini berada dalam keadaan terumbang-ambing yang tanpa diketahui keberadaan mereka di tengah lautan setelah beberapa hari berlayar di tengah lautan. Perkara yang diperhatikan sebagai unsur mitos dalam cerita ini sewaktu berlakunya panahan cahaya kilat petir yang

tercetusnya daripada sebuah rumah api dan daripada perkataan kilatan ini difahamkan sebagai kemunculan asal usul nama bagi negeri Kelantan. Hal ini bersangkutan paut kerana masyarakat Melayu zaman dahulu tidak didedahkan dengan alat teknologi yang canggih bagi melihat sesuatu benda itu dalam jarak yang jauh. Menerusi cerita ini, unsur mitos diaplikasikan adalah bertujuan bagi membentuk nilai murni dan sifat-sifat yang boleh diteladani oleh masyarakat agar tidak menjadikan kesusahan itu sebagai alasan untuk terus berusaha sehingga perkara itu berhasil. Oleh yang demikian, fungsi unsur mitos ini bukan sahaja melihat kepada subjek yang ingin difahami ceritanya, malah dapat dijadikan sebagai wadah yang amat berguna untuk membentuk satu keperibadian yang elok bagi mewujudkan pemikiran masyarakat yang relevan dan berdaya saing.

Seterusnya, mitos fenomena alam menerusi sejarah asal usul ini dilihat dalam cerita *Keasyikan Suara Buluh Perindu*. Cerita ini adalah berkisarkan penemuan kejadian alam yang dikira luar biasa yang telah terjadi di sebuah pulau bernama Pulau Gajah. Berdasarkan cerita ini, ia telah dikategorikan sebagai peristiwa yang luar biasa tatkala seorang penduduk kampung telah mendengarkan satu bunyi yang sangat merdu yang diceritakan oleh orang-orang adalah terhasil daripada pokok buluh perindu. Dalam pada itu, pokok buluh perindu ini dikatakan mengeluarkan bunyian yang sungguh sedap didengari sehingga gajah-gajah telah mendekati pohon itu bagi menghayati kemerduan dan kelunakan bunyi pohon itu. Sungguhpun demikian, terdapat tanggapan dan fahaman yang telah wujud oleh pemikiran masyarakat pada masa itu bahawa pokok buluh itu adalah seorang manusia pada asalnya tetapi bertukar menjadi pokok buluh. Contohnya, ayat petikan di bawah adalah menceritakan tentang kisah mitos ini:

Petikan 3

"...lelaki itu mempertahankan kakinya untuk mendengar dengan lebih jelas lagi dari mana datangnya suara merdu itu. Langkah terkejutnya setiba dia berhampiran dengan Pulau Gajah itu, dia melihat sekumpulan gajah mengelilingi serumpun pokok buluh yang betul-betul berada di tengah-tengah pulau gajah.

“...memang benar pokok buluh tersebut mengeluarkan suara merdu itu.”
“...masih bermain di fikiran dari manakah suara tersebut muncul? Apakah terdapat orang di dalam pokok buluh tersebut?..”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 30)

Berpandukan cerita *Keasyikan Suara Buluh Perindu* adalah merujuk kepada kepercayaan atau pegangan bagi sebahagian kelompok manusia yang menjadikan kejadian alam itu sebagai satu kepercayaan mereka bahawa wujudnya manusia telah mendiami pohon buluh tersebut dan telah berhasil mengeluarkan satu bunyian yang enak dan sedap didengari. Akan tetapi, masih wujud juga segelintir masyarakat ketika itu yang membuat fahaman mereka sendiri yang bahawa pokok buluh perindu itu adalah seorang manusia yang pernah terkena sumpahan yang menyebabkan dirinya menjadi pokok. Perkara yang dilihat sebagai satu bentuk fahaman dan bentuk kepelikan mereka apabila mereka menyangka bahawa bunyi yang dihasilkan oleh pokok buluh itu adalah satu bentuk kejadian alam yang luar biasa yang melahirkan banyak persoalan dan tanda tanya dalam pemikiran masyarakat dahulu. Tetapi apabila difahamkan sudut Sains, bunyi tersebut adalah bunyian yang terjadi apabila ia melibatkan kejadian alam yang terhasil dengan gabungan angin dan melintasi tumbuhan-tumbuhan itu.

4.2.2 Mitos Fenomena Alam Melalui Keunggulan Tokoh

Menerusi pandangan Charles H. Long (1963) menjelaskan pelaksanaan corak mitos ini sering diklasifikasikan sebagai penggunaan dalam naratif lisan yang banyak mengungkap kepada kisah dengan plot dan watak yang sama yang mempunyai perkaitan dengan kisah daripada dewa-dewa dan disertai dengan penggunaan watak yang menonjolkan kehebatan, kelebihan dan kepahlawanan yang luar biasa. Menerusi pendapat Hyookas (1965) beliau memberi kenyataan tentang mitos adalah satu bentuk cerita yang melibatkan kekuasaan oleh dewa-dewi, penceritaan yang berasaskan keagamaan, kisah

penemuan yang berunsurkan luar biasa dan melibatkan kepercayaan asal usul menerusi cerita kejadian alam. Berpandukan penelitian yang dibuat Muhammad Haji Salleh (2000) beliau menjelaskan bahawa permulaan zaman lisan adalah berdasarkan pemerian, penceritaan mudah berserta bahasa dasar yang dikira mampu mengangkat sumber maklumat bagi kegunaan dalam hal berkaitan penyampaian tempat, manusia dan peristiwa. Merujuk *Kamus Dewan* (2016) memberi takrif kepada keunggulan tokoh yang menyingkap sesuatu kelebihan atau keistimewaan yang dikuasai oleh luar kekuatan atau kemampuan bagi seseorang manusia biasa. Selain itu, keunggulan tokoh juga banyak disifatkan kepada perkara yang tidak dapat ditandingi yang berkait dengan kuasa ghaib, bertuah, keramat dan mempunyai hikmat. Oleh yang demikian, keunggulan tokoh bagi sesuatu watak boleh dirumuskan sebagai kelebihan yang tidak dapat ditandingi oleh manusia biasa, tetapi keunggulan sesuatu watak itu juga dapat diperlihatkan menerusi rangkuman daripada unsur agama dan kepercayaan oleh sesebuah masyarakat.

Kisah *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* menunjukkan keunggulan yang ditunjukkan oleh tokoh. Menerusi kisah ini, ia memperlihatkan kepada bentuk sikap yang diamalkan oleh sebahagian orang seperti perbuatan keji iaitu sikap mazmumah yang tidak patut dicontohi sepertimana kelakuan oleh seorang pemuda yang mempunyai hasad dengki terhadap seorang imam yang memastikan kesejahteraan Masjid Pengkalan Datu terjaga rapi. Pemuda yang berkenaan sanggup menuduh dan melemparkan tuduhan fitnah kepada imam tersebut sehingga telah terjadinya kejadian alam yang luar biasa dan kejadian tersebut merupakan satu perkara yang tidak dapat terjangkau di akal fikiran manusia. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi petikan yang memaparkan peristiwa luar biasa dan kejadian alam iaitu:

Petikan 4

“...selepas diusir, tiba-tiba gelombang ombak tidak tahu akan mana datangnya telah membinasakan bangunan Masjid Pengkalan Datu itu dengan menenggelamkannya.

Penduduk yang melihat kejadian itu merasa terkejut dengan apa yang terjadi. Imam juga telah ghaib entah ke mana. Penduduk mulai merasa kejadian yang berlaku itu mempunyai kaitan dengan imam tersebut...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:17)

Kisah *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* menunjukkan satu peristiwa luar biasa di mana terdapat satu gelombang ombak yang sangat besar telah memusnahkan serta menghancurkan bangunan Masjid Pengkalan Datu. Hal ini dikatakan kerana, kejadian tersebut berlaku disebabkan oleh kemurkaan Allah SWT dan sebagai balasan kepada penduduk kampung kerana mereka telah melakukan perbuatan kederhakaan dan kezaliman ke atas perintah-Nya. Oleh itu, kejadian ini juga membuktikan bahawa imam yang menjaga Masjid Pengkalan Datu telah hilang serta ghaib yang boleh menjelaskan bahawa imam tersebut telah meninggal dunia rentetan daripada kelakuan terkutuk oleh penduduk kampung terhadapnya dan ada juga sesetengah orang mengatakan peristiwa ghaib ini bermakna imam telah meloloskan diri dari Pengkalan Datu.

Sifat keunggulan tokoh juga dapat dilihat dalam kisah *Tok Karim, Guru Silat Masyhur*. Menerusi kisah ini, ia mempamerkan seni bela diri oleh masyarakat Melayu yang masih dipraktikkan sehingga kini. Namun demikian, seni bela diri seperti silat ini yang masih diamalkan sebahagian masyarakat sudah tentu akan adanya kisahnya tersendiri dan berlaku kejadian yang luar biasa. Berdasarkan kisah ini, ia mengisahkan tentang sosok tubuh yang sangat kuat dan mempunyai hati yang kental iaitu yang diberi nama Tok Karim yang mempunyai kemahiran bersilat yang tinggi di samping kepakarannya dalam ilmu seni mempertahankan diri. Sifat yang digambarkan oleh Tok Karim adalah seorang tokoh yang memiliki sifat yang **sungguh berani akan segala halangan dan rintangan** dan juga menentang setiap apa yang berlaku dalam hidupnya tanpa rasa gementar dan bimbang akan halangan yang dihadapi. Beliau juga memiliki anak-anak pelajar yang terdiri daripada orang kampungnya. Sungguhpun begitu, suatu hari Tok Karim memberitahu bahawa beliau

memiliki kemampuan untuk mengangkat sebuah batu yang berukuran agak besar dan meletakkan batu tersebut di atas betisnya begitu sahaja. Contohnya petikan ini:

Petikan 5

“...Tok Karim duduk belunjur di halaman rumahnya dan memanggil anak muridnya datang bagi menceritakan dan berkongsi kelebihan yang dikurniakan kepadanya. Tujuan beliau menceritakan ilmu handal yang terdapat padanya bukan sahaja untuk menakutkan anak muridnya malah untuk menanamkan sikap patuh akan arahan yang diutarakan. Tok Karim menceritakan bahawa dia boleh mengangkat batu besar sehingga dua atau tiga kali dan meletakkan di atas betis dengan begitu sahaja...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 66-67)

Kisah *Tok Karim Guru Silat Masyhur* memaparkan sebuah cerita tentang sikap keberanian dan keperkasaan seorang tokoh iaitu Tok Karim yang mempunyai kekuatan yang luar biasa dengan mengangkat batu besar dan meletakkan batu tersebut di atas betisnya. Hal ini kerana, mitos alam menjelaskan kehebatan yang dimiliki oleh sesuatu watak untuk menggambarkan kehebatan, kebijaksanaan dan kekuatan sesuatu watak. Oleh sebab itu, kisah ini diceritakan oleh adegan-adegan peristiwa luar biasa yang terjadi kepada tokoh-tokoh sebagai cara memuliakan jasa dan dedikasi yang telah disumbangkan kepada masyarakat. Peristiwa luar biasa dan pengetahuan mendalam tentang sesuatu perkara membuktikan Tok Karim merupakan seorang yang disanjung tinggi, dan dihormati oleh sekalian masyarakat kerana sikapnya, keberaniannya serta kehebatannya yang membuatkan orang ramai mengingatnya hingga ke hari ini.

Begitulah seterusnya, keunggulan tokoh ini juga dapat dilihat menerusi kisah *Kehebatan Laksamana Laut*. Kisah ini mengisahkan seorang tokoh bernama Che Deraman, seorang Laksamana Laut yang berada di bawah pemerintahan Sultan Kelantan. Mengikut penceritaan, laksamana Che Deraman sering melakukan pelayaran terutama ke Siam dengan menggunakan kapal layar. Dalam pada itu, hubungan diplomatik yang diperkenalkan antara Kelantan dan Siam adalah sangat erat. Laksamana Che Deraman seorang yang memiliki sifat berani tanggung risiko dan memiliki sifat kesatria yang tinggi.

Laksamana Che Deraman mempunyai tugasnya iaitu melindungi Raja Kelantan semasa baginda pergi belayar. Hendak dijadikan cerita, keris yang dibawa oleh Che Deraman sebenarnya memiliki kuasa luar biasa di mana ia mampu membuatkan kapal dinaiki menjadi tidak kelihatan dan hilang dari pandangan musuh terutama lanun. Peristiwa luar biasa ini dapat dilihat menerusi petikan:

Petikan 6

“...keris yang dibawa Laksamana Che Deraman sebenarnya mempunyai kuasa ghaib dan hilang daripada pandangan musuh terutamanya lanun. Apabila keris ini dibawa belayar lanun yang berada berhampiran dengan kapal tidak nampak dan tidak menyedari kehadiran mereka ke kawasan itu. Hal ini kerana, kapal yang mereka naiki telah menjadi ghaib dan halimunan...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 62-63)

Kisah *Kehebatan Laksamana Laut* menampilkan unsur luar biasa yang dapat dilewati menerusi melalui keunggulan tokoh yang dinyatakan iaitu laksamana Che Deraman yang mampu membuat kapal yang ditumpanginya menjadi tidak terlihat. Melalui perspektif Islam, peristiwa yang terjadi bukanlah peristiwa yang dianggap luar biasa dan mitos karena sebaliknya laksamana Che Deraman memiliki pegangan ilmu agama yang cukup tinggi bagi dirinya sendiri. Hal ini demikian kerana, menurut Islam terdapat beberapa ayat suci yang digunakan sebagai membantu jadi pelindung diri dan benteng daripada berlakunya perkara yang tidak diinginkan berlaku. Hal ini kerana, agama Islam itu sendiri mengajarkan tentang doa yang menutupi mata atau hijab daripada mata pihak musuh yang mempunyai niat yang tidak baik dan dapat mengelakkan berlaku sesuatu yang tidak diinginkan sepertimana yang terdapat dalam Surat Yasin iaitu:

“...dan kami jadikan (sifat tamak dan gila mereka kepada harta benda dan pangkat itu sebagai) sekatan (yang memandang mereka daripada memandang kepada keburukan dan kesingkatan masa dunia yang ada) di hadapan mereka dan sekatan (yang menghalangi mereka daripada memikirkan azab yang ada) di belakang mereka (pada hari kiamat) lalu kami tutup pandangan mereka maka dengan itu mereka tidak dapat melihat...”

(Surah Yasin, 9)

Berdasarkan bacaan ayat di atas, ia menjelaskan tentang nikmat yang diberikan oleh Allah SWT kepada hamba-hamba yang dikehendaki-Nya yang mana memiliki keteguhan iman yang utuh serta mencari perlindungan kepada-Nya. Hal ini demikian kerana, penerapan yang diperkenalkan dalam ajaran Islam di kalangan masyarakat Melayu menjadikan mereka menganggap sesuatu peristiwa itu sebagai peristiwa luar biasa. Namun demikian, penerapan kisah ini adalah menjelaskan kepada kekuatan iman dan hati serta pengetahuan dalam mendalami tentang ilmu agama Islam yang menjadikan Laksamana Che Deraman membebaskan Raja Kelantan dengan izin-Nya.

Seterusnya, keunggulan para tokoh dapat dikenal pasti daripada kisah *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa*. Menerusi kisah penceritaan ini, ia menggambarkan tentang seorang raja bernama Raja Sakti. Dalam pada itu, Raja Sakti telah dilantik sebagai raja yang pertama dalam sistem pemerintahan Jembal, Kelantan dan seterusnya baginda telah menjadi raja kedua bagi Negeri Kelantan. Sehubungan itu, Raja Sakti juga berhasil mengalahkan Kerajaan Patani dan meluaskan kekuasaannya ke daerah-daerah yang pernah ditaklukkan oleh Patani. Selain itu, Raja Sakti juga memiliki empat orang anak daripada hasil pernikahannya dengan Puteri Mani Kemeyan. Namun, tidak lama kemudian Raja Sakti dan Puteri Mani Kemeyan telah pergi berhijrah ke Sungai Babong yang mengambil masa lebih kurang selama tujuh hari tujuh malam dan terjadi peristiwa luar biasa ketika Raja Sakti dan permaisurinya menghilang pada malam ketujuh upacara bersiram.

Misalnya:

Petikan 7

“...Raja Sakti dan permaisuri kemudiannya berangkat ke Sungai Babong selama tujuh hari tujuh malam untuk bersiram dan mandi limau setelah segala urusan penyerahan kuasa pemerintahan diberikan kepada putera-puteranya. Riwayat mereka berdua dikatakan lenyap sehingga kini kerana Raja Sakti dan permaisurinya telah ghaib pada malam ketujuh upacara bersiram...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 77)

Kisah *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa* menceritakan tentang kejadian yang dialami oleh Raja Sakti dan permaisuri yang telah ghaib pada malam ketujuh sewaktu upacara bersiram sebagai satu bentuk kiasan yang digunakan untuk memperjelaskan lagi makna kesaktian atau keunggulan dan kebolehan seorang pemerintah yang memiliki sifat berwibawa. Hal ini dikatakan demikian, penggunaan istilah ghaib adalah satu bentuk penggunaan ayat bagi menjelaskan bahawa seseorang tokoh itu yang dikisahkan telah menghadap Ilahi atau meninggal atau merantau ke daerah lain tanpa ada yang mengetahuinya kerana disebabkan oleh suatu peristiwa yang terjadi kepada tokoh tersebut seperti terbunuh dalam pertempuran, terbunuh, pergantian gelar kehormatan dan lain-lain. Cerita ini menggunakan mitos untuk menumbuhkan konsep kedaulatan dan ketaatan kepada pemerintah pada masyarakat Melayu sekaligus sebagai media penyebaran ilmu pengetahuan dan seimbang dengan pengajaran bagi sejarah sesuatu bangsa.

Keunggulan tokoh dapat diperhatikan menerusi kisah *Haji Long Abdul Rahman*. Penceritaan ini menceritakan mengenai seorang tokoh yang ternama yang bernama Haji Long Abdul Rahman yang tinggal di Pulau Gajah. Dalam pada itu, penduduk kampung menganggap bahawa beliau adalah Raja Patani yang dulu melarikan diri di medan peperangan. Seiring berjalannya waktu, Haji Long Abdul Rahman banyak menabur bakti serta bantuan kepada penduduk masyarakat. Karakternya sebagai seorang ulama telah dikenang sehingga hari ini. Sebagai tambahan, Haji Long Abdul Rahman mampu mengubati segala penyakit hanya dengan menggunakan pasu. Sebagai contoh:

Petikan 8

“...keunikan terserlah apabila beliau menggunakan sebuah pasu yang diperbuat daripada tanah liat. Beliau hanya menggunakan jari telunjuk untuk bagi menyembuhkan sebarang penyakit yang dialami oleh masyarakat setempat. Pelbagai penyakit pelik yang dihadapi oleh penduduk akan sembuh apabila dirawat

oleh beliau. Ianya menjadi satu keajaiban bagi masyarakat setempat. Kehebatannya makin diketahui oleh penduduk sehingga ke kampung sebelah. Ilmu perubatan ini diperturunkan kepada keturunan beliau...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 59)

Seterusnya, kisah *Haji Long Abdul Rahman* menunjukkan bahawa keramat yang ada pada diri beliau dikira sebagai satu bentuk unsur mitos oleh masyarakat terdahulu. Akan tetapi, sebagai seorang ulama yang memiliki pengetahuan mengenai ilmu agama Islam yang sungguh luhur ketinggiannya, peristiwa tersebut bukanlah peristiwa yang disifatkan luar biasa dan memiliki mitosnya sendiri. Hal ini demikian kerana, kejadian tersebut merupakan anugerah dari Allah SWT kepada hamba-hamba yang dikendaki-Nya yang memiliki sikap takwa dan beriman sebagai tanda kemuliaan bagi mereka. Ada juga sesetengah ulama itu mempunyai kemampuan dalam menyembuhkan segala penyakit, memiliki kehebatan seperti berjalan di atas air, memahami bahasa binatang dan seumpamanya. Oleh karena itu, kemampuan tersebut merupakan satu anugerah yang diberikan oleh Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya yang memaparkan sikap taat dan menurut terhadap segala perintah-Nya serta menjauhi segala perkara batil yang mampu menyebabkan kemurkaan-Nya.

Keunggulan para tokoh dapat diterokai menerusi pengkisahan *Kegemilangan Pengkalan Datu*. Naratif lisan ini banyak menggambarkan berkenaan kebolehan Pengkalan Datu yang memiliki oleh tokoh-tokoh besar yang hebat dan kuat dalam sesebuah pemerintahan dan memiliki hubungan diplomatik yang cukup stabil dan strategik. Melalui cerita ini, ia menggambarkan tentang para pemerintah negeri Kelantan yang sebelumnya yang memimpin Pengkalan Datu yang dimulai daripada zaman kegemilangan Puteri Saadong, Sultan Omar dan Long Bahar. Dalam pada itu, cerita ini juga turut mendeskripsikan mengenai hubungan diplomatik yang dilaksanakan oleh pemerintah

Sultan Omar bersama Patani untuk memperkuat lagi kekuasaannya di Pengkalan Datu setelah baginda mengambil alih daripada Puteri Saadong. Contohnya seperti berikut:

Petikan 9

“...pengkalan ini menjadi bertambah pesat dan maju sehinggakan menjadi pusat perdagangan serantau. Pihak Siam yang dikatakan iri hati dengan kemajuan yang dilakukan oleh Puteri Saadong. Pihak Siam telah mengambil tindakan untuk menyerang Pengkalan Datu ini. Serangan tersebut telah menyebabkan Puteri Saadong ghaib tidak diketahui di mana keberadaannya pada ketika itu...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 13)

Kisah *Kegemilangan Pengkalan Datu* menunjukkan keunggulan yang dapat dilihat melalui penceritaan yang mempunyai unsur ghaib daripada Putri Saadong setelah berlaku satu penyerangan Siam akan Pengkalan Datu. Hal ini demikian kerana, masyarakat Melayu biasanya menggunakan istilah ghaib untuk menggambarkan makna kesaktian atau keunggulan yang dimiliki oleh seseorang pemerintah. Penggunaan istilah ghaib adalah satu gambaran bagi menggambarkan kesaktian, kekuatan dan supernatural yang ditemukan pada seorang pemerintah dahulu. Penggunaan istilah ghaib juga adalah untuk menjelaskan bahawa Puteri Saadong telah mengundurkan diri atau melarikan diri selama penyerangan yang dilakukan oleh tentara Siam. Apabila tamatnya peperangan, Sultan Omar dilantik sebagai sultan untuk mengembalikan keadaan negara yang sempat porak-poranda akibat peperangan yang berlaku. Oleh sebab itu, sudut pandangan dan pemikiran yang wujud dalam diri orang Melayu di masa lalu menggunakan istilah ghaib untuk memandang tinggi terhadap pemerintah sebelumnya sekaligus melambangkan keagungan, kesaktian dan keagungannya dalam pemerintahan. Melalui *Kamus Dewan* (2016) ghaib dapat diertikan sebagai satu perkara yang tersembunyi atau kejadian yang diabaikan oleh semua orang. Ghaib juga dapat wujud dalam suatu peristiwa seperti menyembunyikan diri dan juga meninggal dunia.

Selain itu, kisah *Kezaliman Seorang Raja* banyak menunjukkan kekuatan keunggulan yang dimiliki para tokohnya. Menerusi kisah ini, ia menjelaskan kepada berlakunya kezaliman seorang raja iaitu Sultan Abdul Rahim. Sultan Abdul Rahim merupakan sultan setelah baginda telah selesai mengambil alih pemerintahan Puteri Saadong di Kota Mahligai. Penduduk yang menetap di kota Mahligai tidak merasakan aman kerana corak pemerintahan oleh Sultan Abdul Rahim adalah bersifat zalim dan terjadinya banyak penindasan terhadap golongan yang lemah. Kezaliman oleh pemerintahan Sultan Abdul Rahim membuatkan penduduk mengeluh kepada Puteri Saadong yang tinggal di Bukit Marak kerana harus menanggung duka atas kematian insan yang disayanginya Sultan Abdullah. Kemudian Puteri Saadong telah pindah ke Gunung Ayam yang pernah dikunjungi ibu angkatnya iaitu Cik Siti Wan Kembang. Sebagai contoh:

Petikan 10

“...hal ini telah memaksa baginda mengambil keputusan untuk berpindah ke Gunung Ayam yang merupakan tempat persemayaman bonda angkatnya Cik Siti Wan Kembang. Dikatakan baginda ingin mencari ketenangan untuk merawat jiwanya yang rapuh itu. Setelah berhijrah ke Gunung Ayam yang kini terletak di kawasan Dabong, baginda Puteri Saadong tidak lagi diketahui ke mana perginya. Dikatakan baginda manghilangkan diri sejak peristiwa itu...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 75)

Seterusnya, kisah *Kezaliman Seorang Raja* mempertunjukkan satu peristiwa luar biasa yang telah menimpa Puteri Saadong yang hilang di Gunung Ayam. Istilah menghilang digunakan untuk menunjukkan makna istilah ghaib. Puteri Saadong menghilang di Gunung Ayam, banyak kemungkinan baginda meninggal di Gunung Ayam atau merantau ke daerah lain. Istilah penghilangan diri diterapkan adalah bagi tujuan menggambarkan kebolehan Puteri Saadong. Dengan ini, telah terbukti bahawa unsur mitos dan fakta terjalin oleh pengarang kerana sebahagian besar unsur mitos sudah diterima oleh masyarakat pada zamannya sebagai satu bahagian dari sudut realiti (Siti hawa Salleh, 1994).

Sehubungan itu, keunggulan para tokoh dapat ditinjau daripada cerita *Kisah Sekumpulan Tupai*. Kisah ini terjadi 300 tahun yang lalu di Pulau Gajah yang didiami oleh Haji Long Abdul Rahman, baginda merupakan seorang Raja Patani yang pernah kalah di medan perang dan dibawa oleh seorang hulubalang untuk bersembunyi di kawasan pulau ini. Sesampai sahaja Haji Long Abdul Rahman tiba di Pulau Gajah beriringan dengan rakyatnya, baginda menemukan lokasi untuk mendirikan tempat pemukiman kecil dengan membersihkan seluruh kawasan yang dipenuhi semak belukar. Setelah lama tinggal di Pulau Gajah, baginda melihat banyak pohon kelapa yang tumbuh namun sayang buahnya tidak dibolehkan untuknya makan kerana digigit tupai. Ramai orang mengeluh perkara ini kepadanya kerana pohon kelapa merupakan salah satu sumber makanan dan minuman bagi penduduk kampung. Perilaku dan tindakan tupai itu membuatnya sangat marah sehingga dia bersumpah kepada Allah SWT. Selepas kejadian itu, ribuan tupai hanya melompat begitu sahaja tanpa dibolehkan kepada mereka untuk menikmati pohon kelapa sehingga telah menyebabkan tupai mati kelaparan. Sebagai contoh:

Petikan 11

“...Pada suatu hari ketika beliau sedang berehat di beranda rumahnya, beliau melihat beberapa ekor tupai sedang menggigit buah kelapa. Kelakuan dan tindakan tupai telah mendatangkan amarah kepada beliau yang melihat perbuatan itu. Lalu, beliau telah bersumpah, “Wahai tupai-tupai sekian yang ada, aku bersumpah dengan nama Allah SWT aku haramkan kalian menggigit buah-buah kelapa ini selama hayat keturunan yang ada.” Tupai-tupai tersebut sekadar memandangi Haji Long Abdul Rahman dan meneruskan perbuatan mereka. Akan tetapi, gigi tupai mulai tumpul dan tidak lagi kuat untuk menggigit buah kelapa...”

“...sejak daripada itu, beribu-ribu ekor tupai yang terdapat di kampung itu hanya terlompat-lompat daripada pohon ke pohon, daripada daun ke daun sahaja tetapi tidak memakan buah kelapa yang ada. Akhirnya tupai-tupai tersebut mati kelaparan kerana tidak mempunyai sumber makanan untuk dimakan...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 86)

KELANTAN

Kisah Sekumpulan Tupai memiliki unsur kesaktian yang ditemukan oleh Haji Long Abdul Rahman, di mana dia bersumpah untuk membuat tupai berhenti makan kelapa. Masyarakat zaman dahulu memberi tanggapan bahawa peristiwa ini sebagai peristiwa luar biasa dan dikira sebagai kesaktian yang ditemukan pada diri Haji Long Abdul Rahman. Namun demikian, berdasarkan pandangan berteraskan kepada perspektif Islam, kelebihan atau keistimewaan yang terdapat pada diri Haji Long Abdul Rahman didasarkan pada konsep kesaktian yang dimilikinya. Hal ini demikian kerana, Haji Long Abdul Rahman adalah seorang Raja Patani yang dihormati serta disegani oleh rakyatnya. Kedaulatan yang ada pada diri Haji Long Abdul Rahman menyebabkan perkataan yang diucapkannya menjadi kenyataan di samping ilmu agamanya yang tinggi dan kemantapan imannya kepada Allah SWT. Kelebihan yang dimilikinya merupakan anugerah dari Yang Maha Kuasa. Menurut Syeikh Syarqawi Al-Haramain (2012) mengatakan makna keramat atau kesaktian itu sebagai cahaya keyakinan yang muncul dalam hati sebagai hasil dari iman dan takwa kepada Allah SWT. Sedangkan *Kamus Dewan* (2016) keramat membawa erti kemuliaan seseorang yang menyebabkan dirinya diredhai oleh Allah SWT.

Dalam pada itu, mitos melalui peristiwa alam berteraskan kepada pendekatan firasat. Hal ini kerana, pendekatan firasat berperanan untuk memberi kesan bahawa sastera adalah peristiwa alam semesta yang memberi dan juga memperkaya pengalaman hidup. (Hashim Awang, 2022). Tamsilnya, kajian unsur mitos menerusi peristiwa alam membuktikan bahawa penggunaan naratif lisan Melayu banyak mengaplikasikan unsur mitos untuk memberi gambaran secara jelas dan terperinci tentang sejarah awal mula berdirinya bangsa dan kehebatan tokoh-tokoh Melayu di masa lalu. Memang tidak dapat dinafikan, pengaplikasian unsur mitos dalam sastera lisan banyak menanamkan nilai dan pelajaran yang dapat dijadikan pengajaran yang baik bagi masyarakat. Sehubungan itu, perkara ini terbukti secara jelas bahawa pendekatan firasat berdasarkan penggunaan mitos

mampu memberikan kefahaman, pengajaran, nilai-nilai kebaikan dan sebagai medium hiburan dalam mendidik identiti sesebuah masyarakat untuk mengenal asal usul nenek moyangnya sekaligus mampu menerapkan nilai-nilai baik untuk menguatkan lagi akhlak dan keimanan serta sikap ketakwaan kepada Allah SWT.

Berdasarkan penelitian oleh Yusoff Iskandar (1986), pengaplikasian mitos digunakan adalah untuk mengkritik secara langsung atau tidak langsung terhadap golongan pemerintah dan masyarakat pada saat itu. Cara kritikan ini dilangsungkan berlandaskan bentuk cerita lisan yang bercampur dengan unsur alam dan juga ada kaitan konsep luar biasa. Selanjutnya menurut Noriah Taslim (1986) menjelaskan makna mitos oleh peristiwa alam merupakan satu tradisi yang diperkenalkan oleh agama Hindu kerana mereka menganggap raja itu sebagai bayangan Tuhan. Sehubungan itu, perkara ini membuktikan bahawa masyarakat menyetujui dan meyakini fakta kebesaran raja. Sedangkan menurut Hashim Awang (1985), ciri-ciri cerita mitos adalah cerita yang menceritakan tentang orang atau makhluk atau peristiwa yang tidak biasa atau diertikan sebagai perkara yang tidak rasional atau satu bentuk pemikiran yang tidak dapat diterima oleh daya fikir manusia. Merujuk pandangan para tokoh di atas, dapat disimpulkan bahawa mitos peristiwa alam diaplikasikan sebagai medium penyampaian terhadap sesuatu kritikan kerana masyarakat Melayu terdahulu telah membenarkan pengaruh mitos dalam kehidupannya yang memiliki konsep luar biasa. Oleh itu, perkara ini terbukti dengan jelas bahawa penerapan mitos dapat membina keperibadian dan identiti sesebuah masyarakat selain mampu menghasilkan manusia yang berfikiran kritis dan kreatif dalam menghasilkan sebuah karya sastera yang relevan.

4.3 Unsur Mitos Melalui Lambang

Noriah Taslim (1986) menghuraikan penggunaan simbol dalam penceritaan mitos lebih difahami sebagai satu bentuk mitos kepercayaan. Penggunaan mitos kepercayaan adalah salah satu pengertian bagi sesuatu penyebab kepada orang menganggap sesuatu yang luar biasa dan bersifat kepada perkara yang aneh. Selanjutnya, berdasarkan Ali Ahmad (1987) menjelaskan bahawa konsep mitos tidak hanya tertumpu kepada unsur-unsur yang luar biasa tetapi sering dikaitkan dengan masalah agama, perakuan kebenaran serta memiliki adat istiadat. Mitos juga dianggap bersih atau suci sekalipun peristiwa dalam mitos tersebut menyimpang jauh dari realiti kehidupan sehari-hari. Menurut *Kamus Dewan* (2016) telah menghuraikan makna lambang atau simbol sebagai satu penggunaan simbol untuk mewujudkan dan satu bentuk penyampaian bagi sesuatu perkara. Simbol juga digunakan untuk memperkenalkan dan mengkomunikasikan sesuatu. Simbol juga diterapkan adalah bertujuan untuk memperkenalkan dan mengekspresikan sesuatu. Simbol dapat berupa sesuatu yang dapat memunculkan idea yang bernas dan sekalipun ia dapat menandakan suatu asal usul. Namun demikian, sesuatu mitos itu dijadikan sebagai salah satu unsur simbol yang tidak banyak dikenal oleh masyarakat. Sebagai lanjutan, mitos lambang atau simbolik dapat diringkaskan sebagai satu bentuk kepercayaan masyarakat, pembentukan budaya, keagungan agama, simbolik haiwan, dan cetusan pemikiran dalam cerita rakyat. Hal ini memperlihatkan bahawa penggunaan lambang dalam penceritaan mitos secara tidak langsung dapat menghubungkan kait sama ada dalam bentuk budaya, adat istiadat, kepercayaan dan haiwan legenda.

4.3.1 Mitos Lambang melalui Kepercayaan

Moorman (1993) menyatakan bahawa kepercayaan atau keyakinan adalah keadaan mental yang didasari oleh situasi yang dijalinkan seseorang. Hal ini disebabkan oleh, ketika seseorang mengambil keputusan, ia akan lebih tertarik untuk memilih keputusan yang berdasarkan pilihan yang dibuat oleh masyarakat sesuatu tempat yang suka membenarkan kepercayaan terhadap hal-hal ghaib. Selanjutnya, menerusi pendapat Harsojo (1998) menjelaskan kepercayaan adalah sifat keyakinan atau sesuatu yang diyakini ada daripada sekelompok orang untuk menjelaskan cerita lisan yang berkaitan dengan masa lampau. Menurut *Kamus Dewan* (2016), kepercayaan diertikan sebagai keyakinan atau pengakuan akan kebenarannya. Kepercayaan juga memberi pengertian yang diyakini dan telah menjadi sesuatu yang dilaksanakan secara turun-temurun mengikut perkembangan masyarakat itu sendiri. Oleh kerana itu, kepercayaan dapat disimpulkan sebagai pemahaman dan keyakinan sekelompok orang terhadap hal-hal ghaib dan mengakui akan kewujudannya.

Selain itu, mitos lambang ini dilihat sebagai satu bentuk kepercayaan yang terdapat dalam cerita *Pemujaan Tok Mekong*. Ceritanya menceritakan bahawa pemujaan Tok Mekong sering dikaitkan dengan perubatan dan berlakunya unsur kepercayaan pada makhluk halus. Dalam penceritaan ini, Mawar mengikuti ayahnya ke hutan bagi mencari kayu. Setelah beberapa lama kemudian, Mawar menebang pokok buluh dan kemudian pokok buluh berkenaan telah mengeluarkan cecair yang sama seperti darah menyebabkan Mawar pingsan di tempat tersebut. Selepas kejadian itu, Ayah Mawar berkeinginan untuk membawa Mawar pulang dan segera memanggil kedatangan Tok Mekong untuk menyembuhkan Mawar dengan memenuhi syarat dan melakukan ritual yang dipersembahkan Pawang Dol untuk memulangkan semula semangat Mawar. Sebagai contoh:

Petikan 12

“...lalu dia mencantas buluh itu, namun, buluh itu tidak terhakis biarpun sedikit. Mawar terus mencantas pohon buluh itu...”

“...tidak lama kemudian, sesuatu yang pelik telah berlaku di pohon buluh itu. Pohon buluh itu mengeluarkan cecair merah seperti warna darah. Mawar yang melihat keadaan itu terus menjerit dan pingsan di situ...”

“... lalu, untuk memulihkan semangat Mawar yang dikatakan telah diambil oleh penunggu buluh itu, Pawang Dol menyarankan agar dibuat pemujaan bagi mengembalikan semangat Mawar. Syaratnya seperti ayam putih dan kambing putih perlu disediakan oleh Pak Mat sekeluarga...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 47-48)

Kisah *Pemujaan Tok Mekong* menunjukkan peristiwa luar biasa yang terjadi ketika pohon buluh yang hendak ditebang Mawar tidak putus selepas dia mengayunkan penebang itu melainkan pohon tersebut mengeluarkan cecair berwarna merah seperti darah. Perkara ini dapat dikatakan pohon buluh itu telah mengeluarkan cecair yang terkandung di dalamnya ketika pohon buluh ditebang tidak rata. Apabila Mawar yang memperhatikan kejadian itu, dia pun pingsan kerana Mawar saat itu merasa ketakutan akibat cecair merah yang keluar dari pohon buluh tersebut. Padahal, masyarakat Melayu saat itu menganggap kejadian tersebut sebagai kejadian luar biasa dan percaya pada hal-hal tahyul seperti terkena sumpahan dan diusik makhluk halus. Perkara ini dapat menunjukkan bahawa melalui petikan yang mengatakan bahawa roh Mawar diambil oleh penjaga pohon buluh itu. Masyarakat Melayu kuno juga percaya dan mempraktikkan pemujaan daripada meminta perlindungan daripada Yang Maha Kuasa.

Cerita *Tok Perindu* memaparkan mitos lambang menerusi kepercayaan sekelompok masyarakat. Menerusi pengkisahan ini, ia memaparkan tentang sebuah kampung yang diberi nama Kampung Pulau Gajah yang memiliki satu tanjung yang berdekatan dengan Sungai Pengkalan Datu yang bernama Tanjung Tok Perindu. Dalam pada itu, tanjung ini diberikan nama Tok Perindu disebabkan oleh pokok buluh perindu yang telah tumbuh secara melata di bahagian tanjung ini. Sungguhpun demikian, masih wujud lagi

kepercayaan oleh masyarakat terdahulu akan penceritaan terhadap tanjung ini memiliki penjaganya dan sarangnya berada di dalam buluh perindu tersebut. Buluh-buluh perindu ini mempunyai bunyinya tersendiri apabila berbunyi apabila ditiup angin. Banyak burung yang melabuhkan sayap di atas dahan pohon buluh ini bagi menikmati kemerduan bunyi yang dihasilkan oleh buluh perindu. Sebagai contoh:

Petikan 13

“...masyarakat dahulu percaya bahawa tanjung ini mempunyai penunggu atau ‘tuan penjaga’ dan tempat tinggalnya adalah di dalam rumpun-rumpun buluh perindu. Nama Tok Perindu berasal daripada penghuni ghaib yang menetap di dalam rumpun buluh tersebut. Apabila buluh-buluh itu ditiup angin, batangnya bergeser antara satu sama lain dan mengeluarkan satu suara yang merdu. Suara itu sangat mengasyikkan apabila mendengarnya. Dikisahkan dulunya terdapat sekumpulan burung yang melintasi Tok Perindu lalu terdengar suara yang amat merdu dan mengasyikkan. Sekumpulan burung tersebut lantas berpatah balik dan terbang turun ke pokok buluh perindu...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 57)

Seterusnya, kisah *Tok Perindu* mempamerkan unsur mitos yang dapat diperhatikan daripada buluh perindu yang telah menghasilkan satu suara yang sangat merdu didengari dan memiliki penghuninya tersendiri. Hal ini demikian kerana, dalam membincangkan mitos lambang ini ia berkait rapat dengan kepercayaan dan juga pengamalan yang diamalkan oleh masyarakat terdahulu. Umumnya, masyarakat dahulu sering mempercayai akan buluh perindu memiliki penghuninya yang secara tidak langsung menyebabkan pokok buluh itu mengeluarkan bunyian yang sangat merdu. Akan tetapi, dalam melihat konsep yang berteraskan kepada pemahaman Sains, menjelaskan bahawa bunyian yang dihasilkan oleh buluh perindu itu adalah disebabkan oleh berlakunya pertiupan angin di celahan lubang pohon itu menjadikan pohon itu mengeluarkan satu bunyi. Dalam pada itu, kepercayaan seperti terhadap kekuasaan benda ghaib ini dalam kalangan masyarakat Melayu secara tidak langsung membuktikan bahawa masyarakat pada masa itu masih berada tahap pendidikan yang rendah dan kekurangan ilmu berdasarkan pegangan agama Islam juga

dapat diklasifikasikan sebagai satu kelemahan masyarakat dahulu yang menyebabkan mereka terlalu taksud dalam mempercayai tentang alam ghaib.

Lanjutan daripada itu, penelitian yang dapat dilihat dalam mitos lambang melalui kepercayaan seperti cerita *Milik Siapakah Saka Itu?* Menerusi cerita ini, ia memaparkan beberapa perkara yang melibatkan peristiwa luar biasa yang terjadi kepada warga kampung Pengkalan Datu. Dalam cerita ini, ia mengisahkan seorang pemuda yang bernama Wak Lemam. Beliau telah memelihara satu makhluk halus iaitu saka yang digunakannya bagi tujuan menjaga tanaman kebunnya daripada dicerobohi oleh penjahat. Pada satu malam, Wak Lemam telah didatangi oleh seseorang yang memberitahunya akan peristiwa yang berlaku pada dirinya apabila kebunnya telah dimasuki orang bagi niat tidak baik. Selepas daripada itu, Wak Lemam serta merta berasa berang dan kemudian beliau terus menyeru saka yang dibelanya agar mengadakan keclaruan kepada warga kampung yang telah memasuki tanaman kebunnya. Kekacauan yang dikerjakan oleh saka Wak Lemam terus menerus mengganggu ketenteraman warga kampungnya lebih-lebih lagi Saipul dan Rahim yang ketika itu sedang melakukan aktiviti mereka yang berhampiran dengan mereka. Tidak lama selepas itu, kejadian aneh yang disusuli dengan gangguan semakin teruk yang dihadapi oleh para penduduk kampung. Akan tetapi, sebelum kematian Wak Lemam, saka belaananya tidak diperturunkan dan diwasiatkan oleh keturunannya yang menjadikan gangguan daripada makhluk halus sering berlaku. Contohnya:

Petikan 14

“...suatu malam, ketika Wak Lemam berada di rumahnya datang seorang lelaki memberitahu bahawa kebun buah miliknya itu telah dicerobohi orang. Wak Lemam berasa sungguh marah lalu memanggil saka belaananya untuk mengacau penduduk kampung yang menceroboh kebunnya...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 45)

Seterusnya adalah cerita *Milik Siapakah Saka Itu?* Kisah yang terdapat dalam naratif lisan ini adalah mendedahkan satu kejadian aneh yang terjadi kepada Wak Lemau ketika saka peliharaanya bertindak agresif dalam mendapat tahu siapakah gerangan yang telah memasuki kawasan kebun Wak Lemau. Perkara ini dilihat sebagai satu peristiwa yang menghubungkan kait dengan unsur mitos. Hal ini kerana, sesetengah masyarakat Melayu zaman dahulu mempunyai kepercayaan yang sangat kuat terhadap makhluk-makhluk halus yang berlaku dalam kehidupan mereka. Kegiatan seperti amalan pemujaan, penyembahan dan amalan syirik dilihat masih diamalkan oleh sebahagian masyarakat zaman dahulu kerana kurangnya pengetahuan terhadap ilmu agama yang mantap. Oleh yang demikian, kegiatan seperti amalan pemujaan ini yang secara langsung telah melambangkan keperibadian yang telah sebatikan dalam diri masyarakat Melayu. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa amalan yang berdasarkan perbuatan syirik, pemujaan, kepercayaan terhadap kuasa ghaib masih diamalkan oleh sebahagian masyarakat dahulu mahupun sekarang yang memegang konsep kepercayaan seperti ini. Akan tetapi, apabila pengaruh Islam telah mula disebarkan oleh orang-orang yang mahir dalam ilmu agama Islam, ia menjadikan segala kegiatan khurafat serta tahayul ini dapat dipupuskan sedikit demi sedikit sehingga amalan ini hilang dalam kehidupan generasi akan datang.

Pengkisahan yang ditonjolkan dalam cerita *Bidan Tok Haji Esah* mempunyai elemen yang berkaitan dengan unsur mitos lambang menerusi kepercayaan. Menerusi cerita *Bidan Tok Esah*, ia menggambarkan kehidupan oleh sepasang suami isteri yang menetap di kawasan kampung Pengkalan Datu. Dalam kampung itu, terdapat seorang bidan yang sangat dikagumi oleh para penduduk. Bidan tersebut bernama Tok Haji Esah yang terkenal dengan sikapnya yang mesra kepada masyarakat di kampungnya. Melati telah ditinggalkan oleh suaminya dalam keadaan sarat mengandung pada masa itu kerana suaminya berada di lautan yang melakukan pekerjaannya sebagai nelayan. Walaupun keadaannya yang sarat

dan ditinggalkan seorang diri, dia tetap menggagahkan diri untuk memperoleh bantuan akan proses melahirkan. Melati telah jatuh rebah kerana keadaannya yang begitu penat dan kesakitan yang ditanggungnya itu tidak boleh diungkapkan. Semasa dalam perjalanan Tok Haji Esah, beliau mendapati Melati yang keadaan sarat itu telah terlentang diatas tanah. Apabila melihat kejadian itu, Tok Haji Esah dengan segeranya membantu Melati untuk melahirkan anak. Selepas Melati telah selamat melahirkan, Tok Haji Esah meminta Melati agar membuat aktiviti pemujaan iaitu melakukan pembacaan jampi-jampi sebagai satu cara bagi mengelak dirinya disampuk atau terkena gangguan makhluk halus. Dalam pada itu, Tok Haji Esah membantu orang kampungnya iaitu dengan memberi pinjam pinggan mangkuk kepunyaan Puteri Saadong bagi mengadakan kenduri. Sebagai contoh:

Petikan 15

“...selain tahu menyambut kelahiran bayi, dikatakan juga bahawa beliau tahu akan jampi-jampi serapah untuk mengubati jika terkena sampuk dengan makhluk ghaib. Beliau juga dikatakan telah memberi pinjam mangkuk kepada masyarakat untuk kegunaan kenduri. Ianya dikatakan memudahkan urusan orang kampung untuk meminjam pinggan mangkuk dengan Puteri Saadong lagi...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 65-66)

Berdasarkan cerita ini, ia telah menonjolkan hal-hal yang dianggap luar biasa ketika Tok Haji Esah telah menyuruh Melati melakukan pembacaan ayat-ayat jampi bagi mengelak dirinya terkena buatan makhluk halus. Menerusi petikan ini, ia bukanlah mempunyai elemen unsur mitos. Hal ini kerana, masyarakat zaman dahulu memiliki ilmu dari segi perubatan yang diperlukan bagi membantu orang-orang yang dalam kesusahan. Bagi menuntut ilmu tersebut ia mempunyai caranya tersendiri dengan orang cerdik dalam bidang ilmu agama atau ia terdapat dalam diri orang-orang yang terpilih oleh Allah SWT bagi sesuatu kelebihan itu. Dengan itu, perkara ini menjelaskan bahawa masyarakat Melayu zaman dahulu masih mengakui dan mempercayai amalan bacaan jampi-jampi serapah, perbuatan syirik selain meminta pertolongan dari Yang Maha Kuasa sebagai bentuk pengabdian dan perlindungan

kepada Tuhan. Perkara ini juga memberi gambaran yang sinonim bahawa masyarakat Melayu yang tidak lari akan kepercayaan mereka terhadap perkara-perkara melibatkan alam ghaib. Rentetan daripada cerita ini, ia memberi satu makna yang jelas bahawa peristiwa ini dianggap luar biasa yang bertepatan dengan sifat keperibadian dan identiti yang terdapat dalam diri masyarakat Melayu. Menerusi cerita ini juga ia memberi satu nilai yang berguna di samping memperoleh pengajaran kepada orang Melayu sama ada ia dalam bentuk langsung atau tidak langsung. Oleh yang demikian, melalui kisah ini juga secara tidak langsung ia memberi satu kritikan kepada masyarakat Melayu yang sering mempercayai perkara-perkara yang menentang tuntutan agama.

Selanjutnya, unsur mitos lambang menerusi amalan kepercayaan turut ditemukan dalam cerita *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu*. Menerusi cerita ini, ia menceritakan tentang satu hubungan persahabatan yang erat iaitu Samad, Awang, Mail, Man dan Nasir. Mereka tinggal di Kampung Tanjung Besar berhampiran dengan Kampung Gajah. Di kampung itu, sangat terkenal dengan seni persembahan tradisional dan diikuti juga dengan persembahan alat muzik sebagaimana persembahan wayang kulit, main puteri, dikir barat, makyung dan banyak lagi. Sebagai permulaan cerita, ketika sekelompok sahabat hendak mendirikan kumpulan dikir barat yang dipimpin oleh Mail. Mereka telah menggunakan kayu yang terdapat pada pokok tanjung bagi menghasilkan satu alat muzik. Saat pertunjukan sudah hendak bermula, alat muzik yang digunakan Awang dan Samad secara tiba-tiba tidak mengeluarkan bunyi. Setelah perkara itu terjadi, ia menyebabkan Awang dan Samad mengambil keputusan untuk berpakat membuat persembahan tanpa iringan alunan muzik sehingga persembahan mereka tidak mendapat sebarang tumpuan oleh orang ramai kerana hambar. Apabila telah selesainya persembahan mereka, mereka tidak mendapat sebarang kedudukan dalam persembahan itu. Contoh:

Petikan 16

“...ketika persembahan bermula, alat muzik yang digunakan oleh Awang dan Samad tidak mengeluarkan sebarang bunyi. Mail terpinga-pinga mengapa beliau sudah memulakan persembahan tetapi tiada bunyi alat muzik seperti itu. Mereka berasa hairan kerana baru seketika tadi mereka berlatih dan alat muzik mereka mengeluarkan bunyi seperti biasa. Akhirnya mereka berpakat untuk meneruskan juga persembahan tanpa menggunakan alat muzik. Namun ianya cukup hambar...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 7)

Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu merupakan sebuah cerita yang menghubungkan tentang suatu kejadian yang dianggap luar biasa dan telah menjadikan sebahagian orang tertanya-tanya bagaimana alatan muzik yang digunakan oleh Samad, Awang, Mail, Man dan Nasir secara tiba-tiba tidak mengeluarkan sebarang bunyi. Berkemungkinan alat muzik yang dimainkan mereka itu tidak mengeluarkan bunyi sama ada terdapat kerosakan atau berlakunya kesalahan dari segi pembuatannya itu. Ada juga memberi tanggapan bahawa alat muzik itu sebenarnya telah rosak sebelum berlangsungnya persembahan mereka. Akan tetapi, terdapat pula pandangan dan kepercayaan sebahagian masyarakat Melayu mengenai benda ghaib ini yang menjadikan mereka percaya bahawa alat muzik itu tidak dapat melontarkan bunyinya kerana mereka terkena sumpahan oleh pokok tanjung. Sebagai kesimpulan, melalui peristiwa ini memberi satu makna bahawa alatan muzik tersebut tidak mengeluarkan bunyi disebabkan berlakunya kerosakan dan mengalami masalah yang mereka sendiri tidak sedari sebelum persembahan mereka bermula. Oleh itu, peristiwa yang terjadi memberi satu gambaran bahawa terdapat konsep lambang kepercayaan yang telah berlaku pada masyarakat Melayu terdahulu.

4.3.1.1 Mitos Lambang melalui Kepercayaan Sebagai Bentuk Komunikasi

Berdasarkan pemerhatian oleh Hovland, Janis dan Kelly (1953) menjelaskan komunikasi sebagai bentuk penyampaian rangsangan yang kebiasaannya digunakan dalam pertuturan yang bertujuan untuk membentuk atau mengubah kelakuan khalayak. Hal ini kerana, seseorang akan lebih tertumpu kepada rangsangan yang diperoleh berdasarkan kepada kata-kata bagi mencapai matlamat yang ingin diperoleh daripada keadaan sekelilingnya. Selain itu, komunikasi juga dilihat sebagai proses pengolahan informasi, pemikiran, perasaan, keahlian dan sebagainya, Berelson dan Steiner (1964). Di samping itu, komunikasi juga diklasifikasikan sebagai proses menjalinkan satu pecahan kepada pecahan lainnya dalam aspek kehidupan, Reusch (1957). Oleh itu, komunikasi dianggap sebagai bentuk menghubungkan satu perkara kepada perkara lain bagi mencapai matlamat yang diperolehi dalam kehidupan seseorang.

Mitos lambang melalui kepercayaan sebagai bentuk komunikasi dapat diperhatikan menerusi naratif lisan yang bertajuk *Pemujaan Pantai*. Kisah ini adalah mengenai sekumpulan sahabat yang sering melakukan aktiviti turun ke laut bagi mencari rezeki pada musim tengkujuh. Mereka adalah Udin, Sofi, Daud dan Pak Man. Pada satu hari, sebelum mereka melakukan aktiviti turun ke laut itu mereka akan mengingati terlebih dahulu akan pesanan Tok Kelahi yang merupakan bomoh yang terhebat di kampung. Tok Kelahi mengingatkan mereka akan pantang larang yang perlu diikuti sebelum mereka turun ke laut. Sebagai contoh:

Petikan 17

“...melihatkan hasil yang diperolehi oleh mereka begitu banyak, orang kampung yang lain juga percaya akan kata-kata Tok Kelahi tentang pantang larang yang mesti dilakukan sebelum turun ke laut...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 44)

Kisah *Pemujaan Pantai* merupakan sebuah kisah yang menjelaskan kepada aspek komunikasi yang disambungkan oleh manusia kepada makhluk halus iaitu apabila Tok Kelahi menggunakan makhluk halus sebagai pengantaraan untuk mendapatkan hasil laut yang banyak. Menurut Tok Kelahi, seseorang yang ingin turun ke laut haruslah membuat upacara pemujaan terlebih dahulu. Jika seseorang tidak melakukan upacara pemujaan itu, maka akan terjadinya bala kepada mereka seperti sampan atau kapal yang karam dan tidak mendapat hasil daripada penangkapan ikan. Menurut penceritaan ini, menjelaskan bahawa masyarakat dahulu mudah terikut-terikut daripada perbuatan seseorang tanpa memikirkan dari sudut pandang agama yang dapat merosakkan akidah tanpa sedar. Sehubungan itu, dapat disimpulkan bahawa amalan pemujaan pantai merupakan amalan yang masih diamalkan oleh sebahagian masyarakat masa kini yang ingin mendapat hasil laut yang banyak.

Seterusnya, kisah *Milik Siapakah Saka Itu?* menjelaskan mitos lambang melalui kepercayaan sebagai bentuk komunikasi. Kisah ini menceritakan mengenai sepasang suami isteri yang menetap di hujung kampung Pengkalan Datu. Mereka berdua adalah Salman dan Salmah yang diuji iaitu tidak dikurniakan anak walaupun usia perkahwinan mereka sudah sepuluh tahun. Sungguhpun demikian, mereka berdua disenangi oleh penduduk kampung kerana memiliki keperibadian yang bersifat mulia. Salman mempunyai sebuah kebun yang berukuran luas yang memerlukan pekerja bagi membantunya di kebun. Kebun yang diusahakan oleh Salman adalah bertujuan untuk menolong penduduk kampung yang ditimpa kesusahan. Menerusi sikap mulia dan hasil tanaman yang lumayan oleh Salman itu menyebabkan seorang penduduk di situ berasa iri hati akan kesenangan yang diperoleh oleh Salman. Penduduk kampung itu bernama Wak Leman. Sebagai contoh:

Petikan 18

“...Wak Leman telah memelihara saka untuk tujuan tidak baik terhadap Salman...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 45)

Kisah *Milik Siapakah Saka Itu?* merupakan sebuah kisah yang menjelaskan kepercayaan sebagai bentuk komunikasi di mana watak Wak Leman yang memelihara saka bagi tujuan yang tidak baik kepada Salman. Sikap iri hati dan dengki yang sudah sebatu dalam diri Wak Leman menjadikan dirinya telah mengambil jalan mudah dengan membela saka untuk merosakkan tanaman kebun milik Salman. Sehingga terjadinya satu peristiwa di mana dua orang sahabat iaitu Rahim dan Saiful sedang melepak di sebuah kedai yang berdekatan sungai dan mereka melihat kelibat dua orang yang berkeliaran di hadapan mereka. Dengan tidak berfikir panjang, mereka berdua telah menegur kedua-dua manusia itu tetapi tidak dihiraukannya. Selepas kejadian itu, Rahim dan Saiful demam selepas menegur kedua-dua manusia itu. Perkara yang terjadi kepada Rahim dan Saiful menyebabkan ketua kampung mengadakan perjumpaan bersama penduduknya bagi menangani masalah yang ditimpa dalam kampung mereka. Menurut penceritaan ini, menjelaskan bahawa sikap segelintir masyarakat yang menggunakan makhluk halus bagi tujuan yang tidak baik kepada seseorang. Perbuatan sedemikian jelas menonjolkan sikap masyarakat yang menggunakan makhluk halus sebagai satu ikutan yang tidak patut dicontohi. Dengan demikian, terbukti bahawa masyarakat zaman dahulu berkomunikasi dengan makhluk halus bagi mencapai matlamat dan mengikut kemahuan mereka.

Kisah yang memaparkan mitos lambang melalui kepercayaan sebagai bentuk komunikasi diperhatikan dalam cerita *Kehebatan Laksamana Laut*. Kisah ini adalah mengenai seorang laksamana yang bernama Che Deraman. Beliau merupakan antara orang yang sering keluar belayar ke Siam bagi tujuan penghantaran bunga emas. Pada ketika itu, hubungan yang terjalin antara Kelantan dan Siam sangat erat. Oleh disebabkan

itu, Kelantan telah diberikan perlindungan di bawah naungan kerajaan Siam. Tempoh pelayaran yang diperlukan untuk tiba di Siam adalah selama tiga hari kerana pelayaran tersebut bergantung kepada keadaan cuaca dan pergerakan angin yang baik. Pada ketika itu, keadaan laut di Siam dikuasai oleh ramai lanun yang menunggu mangsa untuk melakukan rompakan. Dengan demikian, kebarangkalian untuk menghadapi lanun-lanun tersebut akan terjadi pelbagai masalah yang menyukarkan mereka untuk belayar. Laksamana Che Deraman memiliki susuk tubuh yang berbadan sasa dan sikapnya yang berani yang menjadikan beliau ditugaskan untuk melindungi raja daripada segala risiko yang disamun oleh lanun-lanun ketika pelayaran. Sehingga satu ketika, apabila kapal lanun semakin hampir dengan kapal Raja Kelantan, sekumpulan lanun-lanun itu tidak mengetahui keberadaan kapal layar yang dinaiki oleh laksamana Che Deraman dan ahli-ahli kapalnya yang lain. Sebagai contoh:

Petikan 19

“...apabila keris ini dibawa belayar, lanun yang berada berhampiran dengan kapal tersebut tidak nampak dan tidak menyedari kehadiran mereka ke kawasan itu...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 62-63)

Kisah *Kehebatan Laksamana Laut* adalah sebuah kisah yang menjelaskan kepercayaan sebagai bentuk komunikasi yang berlaku kepada laksamana Che Deraman ketika beliau berada di tengah lautan dan ketika itu lanun-lanun sedang menjalankan aktiviti merompak. Ketika kapal yang dinaiki oleh laksamana Che Deraman semakin hampir dengan lanun-lanun itu, dengan secara tiba-tiba kapal itu telah ghaib dan para lanun tidak menyedari akan keberadaan kapal milik laksamana Che Deraman. Hal ini berlaku disebabkan oleh keris kepunyaan laksamana Che Deraman memiliki kuasa ghaib yang mampu membuatkan para lanun dihijab pandangan mereka daripada melakukan aktiviti rompakan ke atas laksamana Che Deraman, Raja Kelantan dan anak-anak kapalnya. Menerusi penceritaan ini, dapat disimpulkan bahawa kehebatan yang dimiliki oleh

laksamana Che Deraman adalah kerana beliau memiliki ilmu yang mampu mengaburi pandangan lanun-lanun yang berniat jahat kepada kapalnya. Hal ini menunjukkan laksamana Che Deraman juga berkomunikasi dengan makhluk lain bagi menyelamatkan mereka daripada lanun-lanun itu.

Di samping itu, kisah *Bidan Tok Haji Esah* juga mempamerkan mitos lambang melalui kepercayaan sebagai bentuk komunikasi. Kisah ini menceritakan mengenai seorang bidan tua yang bernama Tok Haji Esah dan beliau menetap di Kampung Babong. Beliau sangat terkenal dengan sikapnya yang ramah dengan masyarakat sekitarnya. Walaupun beliau sudah tua, tetapi beliau masih berupaya untuk bergaul dengan baik dengan masyarakat. Hal ini kerana, bidan Tok Haji Esah memiliki “benda” bagi menjaganya. Oleh kerana itu, beliau masih kuat dan mampu menjalankan segala aktiviti hariannya dengan lancar. Sungguhpun demikian, masyarakat sekitarnya masih meminta bantuan daripadanya kerana kecekapannya itu tidak dimiliki oleh sesiapa. Suatu hari, Melati dalam keadaan sarat mengandung mengerang kesakitan akibat ingin melahirkan. Manakala suaminya iaitu Labu ketika itu berada di tengah lautan yang bekerja sebagai nelayan tidak berada di samping isterinya yang ingin melahirkan. Keadaan ini menjadikan Melati terpaksa gagahkan dirinya untuk mendapatkan bantuan orang ramai. Seinggalah satu ketika, Melati telah rebah dan secara kebetulan Tok Haji Esah telah berjalan sekitar kawasan Melati dan mendapati Melati dalam keadaan menangis kerana terlalu sakit untuk melahirkan. Bidan Tok Haji Esah dengan segera menghulurkan bantuan kepada Melati bagi melahirkan anaknya. Tidak lama kemudian, anak Melati selamat dilahirkan.

Petikan 20

“...Tok Haji Esah ini mempunyai “benda” sebagai pendampingnya...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 65)

Berdasarkan kisah *Bidan Tok Haji Esah* menjelaskan kepercayaan sebagai bentuk komunikasi di mana peristiwa yang dialami oleh Tok Haji Esah yang memiliki kekuatan yang mustahil bagi seseorang yang sudah berusia. Hal ini kerana, masyarakat dahulu mendapati bahawa Tok Haji Esah memelihara makhluk halus yang menjadi sumber kekuatannya selama ini. Oleh kerana kehebatannya itu tidak ada pada orang lain menjadikan masyarakat tidak segan meminta bantuan daripadanya. Perkara ini dapat dilihat menerusi peristiwa yang dihadapi oleh Melati yang ingin melahirkan anak dan telah meminta pertolongan Tok Haji Esah. Selepas Melati selamat melahirkan, Tok Haji Esah telah menghantar Melati pulang ke rumahnya. Tok Haji Esah juga memiliki ilmu dalam mengubati penyakit akibat daripada terkena sampuk oleh makhluk halus. Menerusi penceritaan ini, dapat dikenal pasti bahawa kehebatan yang dimiliki oleh bidan Tok Haji Esah adalah disebabkan oleh beliau meminta bantuan daripada makhluk ghaib sebagai sumber kekuatannya dalam membantu masyarakat yang ditimpa kesusahan.

Lanjutan daripada itu, kisah *Kehebatan Pawang Ali* menunjukkan mitos lambang melalui kepercayaan sebagai bentuk komunikasi. Kisah ini adalah mengenai seorang lelaki tua yang merupakan pawang terhebat di Kampung Nilam Baru. Pawang tersebut dikatakan hebat kerana beliau memiliki ilmu dan kebijaksanaan yang tidak ada tolak banding daripada masyarakat lain. Oleh kerana itu, masyarakat sekitarnya sangat menghormatinya dan beliau juga terkenal dengan gelaran Pawang Ali. Antara kehebatannya iaitu memiliki ilmu perubatan dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran yang disertakan dengan permainan teri bagi merawat penyakit-penyakit misteri yang ditimpa oleh masyarakat. Oleh itu, apabila sesiapa sahaja melakukan perbuatan pelik akan dianggap sebagai terkena sampuk oleh makhluk halus. Masyarakat ketika itu percaya, segala perbuatan pelik yang dilakukan oleh masyarakat adalah disebabkan oleh gangguan daripada makhluk halus.

Petikan 21

“...beliau mengubati pesakit hanya dengan ayat-ayat al-Quran dan kadangkala memasukkan sedikit permainan teri untuk penyakit-penyakit misteri yang tidak dapat dirungkai melalui perubatan moden...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 67)

Kisah *Kehebatan Pawang Ali* menjelaskan bahawa terdapatnya kepercayaan sebagai bentuk komunikasi yang diperhatikan menerusi kehebatan yang ada pada Pawang Ali yang mampu merawat berbagai penyakit yang ditimpa masyarakat terutamanya penyakit-penyakit ganjil yang sukar diubati dalam perubatan moden. Hal ini kerana, beliau telah menggunakan sedikit permainan teri bagi mengubati penyakit-penyakit aneh. Seperti yang sedia maklum, permainan teri merupakan permainan yang menggunakan bantuan daripada makhluk halus dengan ada sedikit pemujaan dan bacaan jampi-jampi serapah bagi membebaskan penyakit-penyakit misteri yang dialami oleh seseorang individu. Dengan demikian, seseorang yang ditimpa penyakit misteri dapat dirawat dengan ada pertolongan daripada makhluk halus. Menerusi pengkisahan ini, dapat disimpulkan bahawa kehebatan yang terdapat pada Pawang Ali adalah kerana beliau menggunakan makhluk ghaib sebagai sumber kehebatan dan menolong orang ramai yang menghadapi kesusahan.

4.3.2 Mitos Lambang melalui Adat

Menurut Haji Muhammad Saidin (1964) memberi definisi terhadap adat iaitu adat sebagai satu perkara yang menjadi kebiasaan dan perkara yang sifatnya berulang yang menjadikan masyarakat menerima ia sebagai satu cabang peraturan hidup yang perlu dilengkapkan oleh semua masyarakat. Dalam pada itu, Abdullah Siddik (1975) juga mengutarakan pendapatnya iaitu adat tidak boleh dijauhkan dengan peranan tatatusila iaitu sebagai satu batasan yang mengolahkan perbuatan sama ada baik mahupun buruk bagi satu-satu anggota masyarakat. Selanjutnya M.B. Hooker dan Harun Daud (1989) memperjelaskan bahawa adat memiliki banyak erti dalam masyarakat Melayu yang

mengandungi istilah bahasa, tata tertib, kepercayaan dan tingkah laku. Berdasarkan *Kamus Dewan* (2016), adat diertikan sebagai bentuk peraturan yang telah dipraktikkan secara turun-temurun dalam suatu masyarakat. Adat juga merupakan peraturan yang dilaksanakan oleh orang Melayu di masa lalu dan menjadi satu kelaziman bagi sesuatu kaum. Oleh kerana itu, adat disimpulkan sebagai peraturan yang dipraktikkan oleh masyarakat Melayu yang banyak digunakan dalam bentuk percakapan, perilaku, akhlak baik, dan corak kepercayaan yang dilaksanakan secara terus menerus sehingga ia dapat dijadikan satu kebiasaan yang dihadapi oleh masyarakat.

Di samping itu, mitos simbol melalui aspek adat dapat dirungkai dalam cerita *Berpuakakah Pengkalan Parit?* Kisah ini berkisarkan tentang Pengkalan Parit yang bersifat puaka kerana kehidupan masyarakat dalam kampung tersebut yang sering melaksanakan kepercayaan dan permainan bagi aktiviti pemujaan bagi menyeru kedatangan alam ghaib. Dahulu kala, kesemua alat permainan tradisional Kelantan dimainkan dan dipimpin oleh Pak Bar. Pak Bar juga handal dalam ilmu kedukunan dan beliau mempunyai kebolehan menyembuhkan pelbagai penyakit yang dihadapi seseorang. Sebagai contoh:

Petikan 22

“...hikayat menceritakan bahawa dahulu Pengkalan Parit merupakan sebuah tempat yang terkenal. Pengkalan ini dikenali sebagai tempat berpuaka kerana kehidupan masyarakatnya yang banyak mengamalkan kepercayaan dan permainan bagi memuja alam ghaib...”

“...dahulu diceritakan bahawa permainan Teri di Kampung Pengkalan Parit ini suatu ketika dahulu telah diketuai oleh Pak Bar. Pak Bar begitu handal dalam ilmu bomoh dan boleh mengubati pelbagai penyakit yang dihadapi oleh seseorang...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 54)

Berpuakakah Pengkalan Parit? merupakan sebuah cerita yang memiliki kejadian luar biasa yang terjadi di Kampung Pengkalan Parit kerana kehidupan masyarakat di sana sering mengamalkan kegiatan pemujaan alam ghaib. Amalan yang dilakukan adalah satu perkara yang sangat membelakangi ajaran agama Islam. Unsur aneh yang diperlihatkan

dalam kisah ini sepertimana kegiatan perubatan yang dikenal pasti adalah bertujuan untuk memanggil makhluk halus yang menjadi simbol kebudayaan masyarakat Melayu dahulu. Kegiatan yang berkaitan adalah seperti menggunakan tarian dan pemujaan terhadap makhluk halus. Dalam memulakan perawatan terhadap penyakit misteri, ia memerlukan pemujaan daripada seorang pemain Teri kepada pesakit yang dikehendaki melalui bacaan dan nyanyian mantera dalam satu permainan Teri. Menerusi kisah yang ditonjolkan, ia memberikan pengetahuan kepada masyarakat pada hari ini bagaimana ia digunakan dan seterusnya dapat mengetahui tradisi masyarakat Melayu Kelantan suatu ketika dahulu yang semakin hari semakin dilupakan oleh generasi sekarang.

Sebagai lanjutan, mitos lambang menerusi adat dilihat dalam kisah *Pemujaan Pantai*. Dalam kisah ini, ia menjelaskan tentang amalan pemujaan seperti ritual yang dilaksanakan penduduk kampung bagi memperoleh kesejahteraan serta diberikan rezeki yang melimpah apabila turun ke pantai. Kebiasaannya amalan pemujaan ini dilaksanakan apabila berakhirnya musim hujan. Diceritakan bahawa kegiatan pemujaan terhadap pantai sering dilakukan oleh warga kampung bagi tujuan memperoleh hasil tangkapan yang lumayan dengan cara mengorbankan seekor lembu yang seterusnya diberikan kepada pantai. Berdasarkan peristiwa ini, telah banyak kegiatan pemujaan yang dilakukan di penduduk kampung yang berada di kawasan pantai kerana penduduk kampung yang ingin menangkap ikan di laut perlu melengkapinya syarat-syarat yang terdapat pada pemujaan pantai agar terhindar dari terjadinya musibah serta malapetaka ketika berada di lautan. Perkara ini dapat dilihat menerusi teks:

Petikan 23

“...mengikut orang pada zaman dahulu, sesiapa yang hendak turun ke pantai mestilah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Jikalau tidak mahu mengikutnya bala menimpa kerana pernah terjadi dahulu apabila sekumpulan nelayan turun ke laut dan ditimpa bala. Daud terus bertanya kepada Tok Kelahi

apakah syarat yang mereka perlu lakukan sebelum turun ke laut. Kata Tok Kelahi “Selepas musim tengkujuh, sebelum kamu semua ingin turun ke laut, kamu mestilah menyembelih seekor kerbau putih. Setiap bahagian kerbau pula akan diletakkan di dalam sampan dan dihanyutkan ke laut untuk diberikan kepada penunggu laut...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 44)

Kisah *Pemujaan Pantai* menyingkap akan makna adat dan kepercayaan mitos pada masyarakat Melayu sememangnya masih kuat diamalkan. Hal ini kerana, pegangan yang diterima oleh mereka adalah kepercayaan yang diturunkan oleh nenek moyang mereka. Oleh kerana itu, hal ini terjadi kerana ceteknya ilmu dalam yang bersandarkan aliran agama Islam dalam masyarakat pada masa lalu. Sebagai tambahan, kekurangan penyebaran maklumat juga menyebabkan penerimaan masyarakat akan agama Islam menjadi lambat. Selanjutnya, orang-orang dahulu juga mempercayai akan laut itu memiliki penjaganya dan perlu meminta izin terlebih dahulu sebelum menjejak kaki ke laut serta perlu mengorbankan seekor lembu kepada pantai. Kegiatan ini dilihat sama seperti dalam permainan dan kesenian tradisional orang Melayu iaitu permainan ulek mayang, yang memanggil roh laut dan memohon agar dijauhkan dan diselamatkan daripada segala bala bencana. Simbolisme yang diterapkan dalam kisah ini iaitu melambangkan bahawa orang Melayu masih menjalankan kepercayaan seperti ini dan percaya pada ritual kerana masyarakat Melayu ketika itu sering melakukan sesuatu dengan mendahului agama dalam melaksanakan sesuatu perkara.

Berikutnya, unsur mitos lambang menerusi adat adalah berdasarkan kisah *Kehebatan Pawang Ali*. Penceritaan ini menerangkan tentang seorang pawang yang menetap di Kampung Pupuk. Pawang tersebut sangat dikenali oleh orang-orang kampungnya kerana memiliki kehebatan berserta kedudukan ilmunya yang sangat tinggi dalam bidang perubatan. Beliau juga dapat menyembuhkan penyakit dengan menitipkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran. Jika sesuatu penyakit itu dilihat sebagai penyakit misteri

yang sukar dipulihkan, maka beliau akan memasukkan permainan Teri untuk menyembuhkan penyakit misteri. Rentetan daripada itu, ia semakin lama semakin menjadi kepercayaan warga sekitar kampung untuk memulihkan individu yang terkena penyakit aneh oleh bawaan makhluk halus. Oleh yang demikian, apabila datangnya seorang yang mahir dalam bidang perubatan ini menyebabkan masyarakat Kampung Pupuk menjadikan kehidupan masyarakat hidup sejahtera kerana berkat kehebatan Pawang Ali. Selain itu, penduduk kampung tersebut berasa semakin yakin akan kepercayaan mereka bahawa kehebatan yang dimiliki oleh Pawang Ali itu yang mampu mengubati dan menyembuhkan segala penyakit. Contoh:

Petikan 24

“...kehebatannya dalam ilmu perubatan tidak dapat disangkal oleh sesiapa. Beliau mengubati pesakit dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran dan kadangkala memasukkan sedikit permainan Teri untuk penyakit-penyakit misteri yang tidak dapat dirungkai oleh perubatan moden. Ianya menjadi kepercayaan kepada masyarakat setempat jika seseorang berkelakuan aneh dianggap tersampuk oleh makhluk ghaib...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 67)

Alkisah *Kehebatan Pawang Ali* adalah sebuah cerita yang mempamerkan satu peristiwa yang dikira luar biasa. Hal ini dikatakan demikian kerana, peristiwa yang melibatkan penyakit misteri dapat disembuhkan menerusi permainan Teri yang tidak asing menjadi satu lambang adat oleh masyarakat Melayu masa lalu. Sebagai makluman, permainan Teri merupakan seni budaya yang wujud dalam masyarakat Kelantan dengan tujuannya adalah mengubati penyakit. Dalam pada itu, permainan Teri telah diklasifikasikan sebagai satu permainan yang telah jauh terpesong di sudut akidah orang Islam kerana permainan ini melibatkan aktiviti ajaran sesat seperti pemujaan dan bacaan ayat jampi serapah bagi mengubati penyakit seseorang. Oleh yang demikian, masyarakat Melayu suatu ketika dahulu mempercayai bahawa permainan Teri sememangnya mampu mengubati penyakit kerana amalan seperti ini telah digunakan dan diperkenalkan semenjak

zaman nenek moyang mereka lagi. Sebagai tambahan, Pawang Ali adalah seorang yang mempunyai pengetahuan yang cukup hebat akan bidang berkaitan perubatan di mana dia memiliki ilmu dari sudut agama yang hebat serta mengikuti segala perintah Tuhan. Dengan demikian, kelebihan yang terdapat pada Pawang Ali digunakan dengan sebaiknya bagi membantu masyarakat apabila ditimpa kesulitan dan secara tidak langsung dapat meyakinkan masyarakatnya bahawa ajaran Islam merupakan satu aliran yang benar untuk dianuti.

4.3.3 Mitos Lambang menerusi Haiwan Dongeng

Menurut pemerhatian oleh M.J Bertuch dan Kinderbuch Fabelwesen (1806) menjelaskan mengenai makhluk lagenda. Makhluk lagenda atau dongeng adalah satu bentuk mitos yang diperoleh dalam cerita rakyat. Hal ini kerana, terdapat beberapa cerita lisan yang wujud dalam masyarakat Melayu mengenai makhluk lagenda. Selain itu, Yusoff Iskandar (1986) pula memberikan hujahnya tentang kewujudan sesuatu tempat sudah pastinya memiliki cerita asal usulnya tersendiri yang berhubung kait dengan haiwan lagenda. Unsur mitos juga sering menggunakan unsur-unsur binatang yang memberi gambaran kepada sifat luar biasa sebagaimana sifat gagah, memiliki kebolehan, memiliki kebijaksanaan mahupun sifatnya cantik. Seterusnya, Siti Hawa (1986) telah mengutarakan pendapatnya iaitu kejadian luar biasa bagi perspektif Islam dapat diperhatikan menerusi peristiwa mukjizat Nabi Sulaiman misalnya kebolehannya dapat berbicara dengan haiwan-haiwan atas keizinan Allah SWT. Dengan demikian, jelaslah bahawa haiwan lagenda mempunyai kisah asal-usulnya yang dijumpai dalam beberapa peristiwa luar biasa berpandukan kepada cerita rakyat yang wujud dalam sesuatu masyarakat.

Lanjutan daripada itu, kisah yang berjudul *Kubang Dek* mempunyai unsur mitos lambang menerusi haiwan dongeng. Kubang Dek yang dahulunya adalah salah satu tempat yang terkenal dengan pembiakan ikan laga. Telah berlakunya satu peristiwa yang menjadikan Kubang Dek memiliki kisah lagendanya apabila berlakunya pertarungan antara dua ekor ular besar yang diberi nama ular tedung dan ular cap raya. Perkara ini dilihat sebagai satu cerita lagenda yang menarik kerana kedua-dua ekor telah berbalas patukan sesama mereka di dalam sebuah pertarungan. Selain itu, kekuatan yang terdapat pada ikan laga di Kubang Dek tidak dapat dikalahkan oleh sesiapa. Petikan yang menjelaskan haiwan dongeng ini seperti berikut:

Petikan 25

“...pada zaman dahulu, pulau ini mempunyai cerita lagenda iaitu cerita mengenai pertarungan antara dua ekor ular. Ular tersebut dikenali sebagai ular tedung dan ular cap raya. Saiz fizikal ular ini adalah sebesar paha kanak-kanak yang berusia enam tahun dan panjangnya lebih kurang dua meter setengah. Kedua-dua ekor ular ini bertarung di atas Kubang Dek dan punca pergaduhan adalah disebabkan oleh perebutan tempat tinggal...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 39)

Kisah yang ada pada *Kubang Dek* membuktikan bahawa kejadian tersebut menjadi ingatan kepada masyarakat kerana penggunaan haiwan lagenda antara dua ekor ular dalam satu pertarungan menjadi simbol bagi makna haiwan tersebut seperti simbol keberanian dan kegagahan. Kisah pertarungan ini juga dijadikan sindiran dan memiliki mesej yang ingin disampaikan iaitu berkaitan golongan berkuasa yang memiliki sikap tamak dalam memperluaskan jajahannya bagi kepentingan dirinya. Sehubungan itu, kisah ini juga dapat dijadikan teladan yang boleh ditanam dalam diri setiap orang agar sentiasa memperjuangkan hak tanah air daripada orang-orang yang tidak bermoral. Dengan ini, dapat dibuktikan bahawa unsur mitos serta fakta yang telah dihubungkan oleh tukang cerita mengenai penggunaan unsur-unsur mitos ini telah diterima oleh kelompok masyarakat pada zamannya yang dikira sebagai perkara yang wujud dalam realiti (Siti Hawa Salleh, 1994).

Berikutnya, cerita *Kebijaksanaan Burung Hantu* merupakan cerita yang mempunyai unsur mitos lambang menerusi haiwan dongeng. Umum mengetahui burung hantu adalah salah satu haiwan yang suka keluar pada waktu malam bagi tujuan mencari makan. Selain itu, kanak-kanak sangat takut akan burung hantu kerana mereka menganggap bahawa haiwan tersebut memiliki kelebihan iaitu dapat merasai kehadiran makhluk halus. Ingin dijadikan cerita, masyarakat terdahulu memberitahu bahawa semua haiwan suka keluar pada waktu siang termasuklah burung hantu bagi mendapatkan keperluan makanan. Sebelum ini, Pengkalan Datu adalah sebuah kampung yang hidup secara aman dan sejahtera sebelum kehadiran sepasang burung garuda yang mempunyai niat jahat untuk melakukan kekacauan kepada masyarakat. Setelah perkara ini tersebar sehingga ke pengetahuan raja, raja telah memerintahkan Pengkalan Datu dengan memanggil cendekiawan negara bagi membanteras masalah yang dihadapi. Berdasarkan peristiwa itu, para cendekiawan telah pun bersepakat untuk menyuruh raja agar mengahwini Puteri China sebagai satu cara menghalau keluar burung garuda daripada Pengkalan Datu. Petikan tersebut memparkan peristiwa berkenaan iaitu:

Petikan 26

“...dahulu diceritakan bahawa Pengkalan Datu cukup mendamaikan dan tenteram suasananya. Namun pada suatu ketika, keharmonian itu telah terganggu setelah kedatangan sepasang burung garuda...”

“...ahli nujum telah menilik bahawa perkahwinan raja dengan Puteri China amat kuat ikatannya. Lalu ahli nujum meminta agar raja memanggil pengadu domba untuk menghasut garuda supaya termakan helahnya...”

“... burung hantu yang selama ini menyokong burung garuda telah dihina dan dicemuh oleh unggas-unggas lain. Hal ini telah membuatkan burung hantu tidak keluar lagi pada waktu siang kerana malu dengan unggas-unggas lain...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 87)

Dalam cerita *Kebijaksanaan Burung Hantu* ia memaparkan satu tragedi peperangan yang menimpa Pengkalan Datu. Hal ini kerana, lambang burung garuda digunakan bagi melambangkan tentang angkatan tentera musuh yang ingin menyerang Pengkalan Datu.

Bahkan, burung hantu digunakan sebagai lambang seseorang yang menjadi tali barut dengan membantu pihak musuh dalam membuat rusuhan. Pengarang telah menentukan pemilihan burung garuda dalam kisah ini kerana burung garuda merupakan burung yang sangat sinonim dalam hubungan rapat masyarakat Melayu menerusi sifat burung yang dianggap memiliki sifat keperkasaan dan kegagahan. Selain itu, penggunaan lambang burung hantu pula dikiasikan sebagai seseorang yang hendak menjatuhkan kerajaan dengan melakukan pergolakan kepada musuhnya. Dalam pada itu, terdapat cara bagi menamatkan peperangan ini dengan cara perkahwinan antara Pengakalan Datu dengan China untuk mewujudkan hubungan diplomatik antara dua kerajaan. Burung garuda juga dikiasikan sebagai tentera musuh telah menarik diri daripada meneruskan peperangan Pengkalan Datu manakala burung hantu pula dikiasikan sebagai tali barut musuh dan dikenakan hukuman yang sepatutnya. Penggunaan ayat bijaksana diklasifikasikan sebagai makna berakal budi, bijak, pintar dan mengamalkan sikap berhati-hati dalam membentuk akal fikiran sebelum melaksanakan apa-apa tindakan.

Selain itu, cerita *Kelawar Suka Keluar Waktu Malam* juga mempunyai unsur mitos lambang melalui haiwan dongeng. Menurut cerita naratif lisan ini, ia mengisahkan tentang kehidupan mamalia terkecil iaitu kelawar yang sering keluar pada waktu siang bagi mendapatkan bekalan makanan sepertimana yang dilakukan haiwan-haiwan lain. Kelawar juga mempunyai tabiat yang tidak baik sehingga menyebabkan dirinya tidak disenangi oleh haiwan-haiwan lain kerana dia makan makanan sesuka hati. Lebih-lebih lagi tabiatnya yang gelojoh dan rakus dalam mencari makanan sehingga dia tidak menghiraukan makanan tersebut sudah ranum ataupun tidak sepenuhnya. Kelawar juga mempunyai tabiat seperti menggigit buah yang tidak masak dan membuang sisa buah tersebut sesuka hati yang menyebabkan tercetusnya kemarahan oleh haiwan-haiwan sekitarnya. Pada suatu hari, semua haiwan telah berkumpul di suatu tempat bagi berbincang mengenai cara untuk

mencegah perbuatan kelawar yang tidak wajar dilakukan itu. Dalam sesi perbincangan itu, semua haiwan telah bersetuju untuk menentukan satu pilihan makanan mereka. Akan tetapi, kelawar telah tersilap memilih buah gurah yang begitu keras sehingga menyebabkan dirinya tidak boleh menggigit buah tersebut. Selepas kejadian itu, kelawar berasa malu dan gentar untuk memilih buah lain kerana buah tersebut sudah mempunyai tuannya. Rentetan daripada kisah itu, telah diklasifikasikan mengapa haiwan tersebut hanya keluar pada waktu malam dan kelawar tidak keluar pada waktu siang. Sebagai contoh:

Petikan 27

“...begitu juga kehidupan kelawar pada ketika itu. Kelawar juga bebas mencari makanannya...”

“...kelawar ini sangat gelojoh dalam mencari makanan. Habis semua makanan dimakannya biarpun belum ranum sepenuhnya. Kadangkala buah yang tidak ranum hanya digigit dan dibuang sesuka hati tidak digigit sepenuhnya. Hal ini mendatangkan marah haiwan lain...”

“...keesokan harinya kelawar memilih buah gurah yang paling ranum untuk dimakan. Namun malangnya buah gurah tersebut tidak dapat dimakan kerana terlalu keras. Ianya membuatkan kelawar menjadi malu dan takut untuk mengambil buah lain kerana buah lain telah ada pemiliknya. Oleh disebabkan rasa takut kelawar sembunyi dalam gua dan hanya keluar pada waktu malam untuk mencari makanan...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 89-90)

Menerusi kisah mitos dalam naratif lisan ini, ia memaparkan lambang kepada sikap segelintir masyarakat zaman dahulu. Lambang yang digunakan seperti haiwan-haiwan adalah sebagai gambaran simbolik untuk menegur sebahagian individu adalah untuk mengelak orang yang ditegur tersinggung. Kelawar dijadikan simbolik bagi memperlihatkan sikap tamak dan mementingkan diri oleh seseorang individu tanpa menghiraukan orang di sekitarnya. Selain itu, haiwan-haiwan lain adalah sebagai satu bentuk komuniti penduduk kampung yang mengamalkan sikap bersatu padu dan saling tolong menolong antara satu sama lain. Menerusi kisah mitos dalam cerita binatang ini, ia menyelitkan pengajaran dan nilai murni bagi mendidik masyarakat untuk tidak bersikap negatif seperti tamak kerana

perbuatan tersebut tidak wajar dilakukan dan menyebabkan orang tidak menyenangi tingkah laku tersebut. Dalam pada itu, kisah yang ditonjolkan mempunyai objektifnya dengan mengangkat nilai-nilai murni yang ditemui dalam kisah mitos ini sepertimana nilai kerjasama antara satu sama lain yang dilihat daripada aktiviti pengumpulan semua haiwan bagi membanteras kegiatan sang kelawar yang gelojoh. Secara keseluruhan, didapati bahawa penggunaan lambang dan simbolik haiwan ini adalah satu langkah untuk menyampaikan pesan dalam diri sesetengah masyarakat yang memiliki sikap negatif iaitu tamak kerana perbuatan tersebut adalah satu perkara yang sangat merugikan diri dan juga dibenci. Dengan ini, terbuktilah bahawa sikap tamak akan kepentingan diri tanpa batasan (*Kamus Dewan*, 2016) telah dijadikan pengajaran yang berguna dalam cerita rakyat ini.

Selain itu, pendekatan Firasat juga turut ditemui dalam unsur mitos menerusi penggunaan lambang. Hal ini disebabkan oleh, pendekatan Firasat berperanan sebagai teknik bagi memastikan penghasilan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu. Terdapat perkara yang dilihat dalam pendekatan Firasat ini antaranya penggunaan bahasa yang berperingkat, penerapan lambang, penamaan dan pemberian watak bagi menentukan aspek pengisahan atau penceritaan terhadap karya (Hashim Awang, 2002). Tamsilnya, penghasilan sesebuah kajian menerusi naratif-naratif lisan berdasarkan unsur mitos yang wujud dalam konteks lambang ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu terdahulu memiliki satu bentuk pengetahuan yang bersifat kritis bagi menghasilkan kritikan dan memberi nasihat kepada sesetengah golongan yang dikehendaki. Dengan demikian, pelaksanaan lambang yang diceritakan dalam cerita rakyat ini memberi makna secara langsung akan gambaran sikap sebahagian orang Melayu dan seterusnya memberikan makna kiasan yang dipaparkan dalam beberapa cerita lisan dengan wujudnya lambang haiwan-haiwan lagenda bagi tujuan penyampaian teguran. Maka, dapat disimpulkan bahawa masyarakat Melayu dahulu sangat kaya dengan budi bahasanya serta memiliki

sikap peribadi yang tinggi sepertimana dilihat dalam aspek pengucapan dan cara berkomunikasi dengan baik dengan individu lain.

Ismail Hamid (1987) telah mengutarakan pendapatnya iaitu unsur mitos ini sebagai satu corak mitologi dalam masyarakat Melayu. Dengan demikian, ia dilihat sebagai suatu penceritaan yang memberi penegasan terhadap fahaman orang Melayu yang diwujudkan sebelum kehadiran Islam dengan menjadikan lambang tersebut sebagai adat dan kebudayaan yang diperolehi daripada cerita lisan. Oleh hal yang demikian, Abdullah Hassan (1993) menekankan bahawa bahasa kiasan yang dapat membentuk lambang bagi tujuan perlambangan yang tidak boleh ditafsir menerusi pemilihan kata yang ditemui dalam perkataan mahupun penggunaan tatabahasa. Gorys Keraf (2000) menjelaskan bahawa bahasa kiasan yang digunakan adalah untuk melihat penggunaan lambang yang dijumpai dalam perbandingan dua perkara sama ada diperlukan untuk mencari persamaan dari segi ciri kedua-dua perkara tersebut. Sebagai kesimpulan, berdasarkan pendapat ahli-ahli tokoh yang dinyatakan dapat dirumuskan bahawa lambang digunakan sebagai medium untuk penggunaan bahasa kiasan yang terjadi oleh ungkapan berasaskan kepada mitologi masyarakat Melayu dengan tujuan mentafsirkan makna adat, kepercayaan dan kebudayaan.

4.4 Unsur Mitos Berdasarkan Kejadian Misteri

Unsur mitos berdasarkan kejadian misteri sering dikaitkan dengan kisah seram dan hantu yang wujud dalam cerita lisan masyarakat Melayu, Ryan Neil Joseph (1962). Hal ini kerana, sesuatu penceritaan mengenai kisah hantu sering ditayangkan di kaca televisyen banyak menonjolkan sisi negatif atau jahat yang digambarkan oleh watak hantu tersebut. Berdasarkan penelitian oleh Tylor Edward Burnett (1965) memperincikan mengenai misteri yang tidak asing dalam kelompok masyarakat Melayu kerana pemikiran yang wujud dalam

masyarakat Melayu terdahulu banyak menganggap segala bentuk, perkara, peristiwa yang berlaku di sekitar kehidupan mereka mempunyai semangat dan kekuatan ghaib sepertimana yang terdapat pada bulan, bintang dan matahari. Selain itu, setiap unsur misteri yang terjadi banyak memperlihatkan kepada aktiviti pemujaan, penyembahan dan penjelmaan makhluk sebagai bentuk penghormatan dan simbolik kepercayaan terhadap semangat yang ada pada perkara ghaib ini sering dikaitkan dengan kehidupan dan juga alam (Muhammad Haji Salleh, 1976). Seterusnya, *Kamus Dewan* (2016) menjelaskan tentang definisi misteri iaitu peristiwa, fenomena dan bentuk kejadian yang sukar digambarkan. Dengan unsur misteri juga mampu menimbulkan rasa ingin tahu kepada khalayak kerana sifatnya tersembunyi dan fakta-fakta yang diterapkan terselindung. Dengan demikian, setiap kejadian misteri dijelaskan sebagai kejadian yang banyak terjadi dalam masyarakat Melayu seterusnya menjadikan peristiwa tersebut sebagai bentuk cerita-cerita lisan kerana kebenarannya penceritaan itu di tahap sukar dirungkaikan.

4.4.1 Kejadian Misteri melalui Cerita Mistik

Tylor Edward Burnett (1965) menjelaskan mengenai cerita mistik yang sering dikaitkan dengan sesuatu kepercayaan yang bersifat primitif iaitu dengan memberi penekanan kepada kewujudan roh serta makhluk halus yang dijadikan sebagai pegangan terhadap kepercayaan manusia dalam mengamalkannya. Selain itu, *Kamus Dewan* (2016) memperincikan maksud mistik iaitu sesuatu kejadian ghaib yang menjadi sesuatu perkara sukar diterima bagi persepsi pemikiran manusia dan demikian telah menyebabkan sesuatu peristiwa ganjil diklasifikasikan sebagai satu kepelikan yang dihadapi oleh manusia. Berdasarkan sudut pemikiran Jurna Petri (2018) menekankan bahawa unsur mistik adalah perkara yang berkait rapat dengan elemen keagamaan disertai kepercayaan kerana kedua-dua elemen ini saling diperlukan kerana kepercayaan akan disusuli dengan keagamaan.

Hal ini kerana, agama sebagai tunjang kehidupan manusia. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa mistik merupakan satu peristiwa yang meliputi unsur aneh dan keluarbiasaan yang didapati dalam penulisan cerita-cerita rakyat kerana pengaruh agama serta kepercayaan sangat kuat sepertimana kejadian makhluk halus dan roh.

Kisah *Disorok Jin* merupakan suatu kisah yang menyatakan kejadian misteri melalui cerita mistik. Diceritakan kisah ini mengenai seorang budak nakal iaitu Ahmad. Ahmad sering mengenakan rakan-rakannya yang hendak mengaji al-Quran di malam hari. Sampai satu masa, Ahmad masih berkelakuan nakalnya dengan menyorok selipar rakannya dan telah tertidur di bawah pokok. Tidak lama kemudian, Ahmad telah didapati tidak pulang ke rumah walaupun rakan-rakannya yang lain sudah pulang. Selepas kejadian itu, orang kampung telah memulakan aktiviti pencarian Ahmad di seluruh kawasan kampung. Misi pencarian Ahmad diteruskan sehingga larut malam dan orang kampung telah menjumpainya di dalam sebatang buluh. Selepas kejadian itu, orang-orang tua berpendapat bahawa peristiwa kehilangan Ahmad adalah berpunca daripada perbuatan Jin yang menyoroknya. Oleh itu, kejadian misteri yang dihadapi oleh Ahmad adalah satu kejadian luar biasa. Contohnya:

Petikan 28

“...kejadian itu masih lagi menjadi misteri kepada penduduk kampung tersebut. Hal ini kerana ia adalah perkara pelik yang pernah berlaku di kampung itu. Namun, orang-orang tua terdahulu berpendapat bahawa Ahmad telah disorokkan oleh jin kerana sikapnya yang nakal itu...”

(Mohd Frdaus Che Yaacob, 2021: 43)

Cerita *Disorok Jin* adalah mengenai kejadian luar biasa yang terjadi kepada seorang budak lelaki iaitu Ahmad. Hal ini disebabkan oleh pemikiran yang wujud dalam masyarakat pada zaman dahulu yang terlalu taksub akan kepercayaan kejadian misteri dan mistik. Ini menjadikan masyarakat dahulu mempercayai kejadian itu sebagai suatu perkara yang benar kerana penguasaan terhadap ilmu agama kurang diterapkan dalam diri mereka.

Dalam pada itu, menurut perspektif Islam pula menjelaskan bahawa sesuatu kejadian misteri itu akan melibatkan perbuatan makhluk halus seperti jin yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar manusia. Setiap kejadian yang wujud bukanlah dilihat sebagai perkara mitos kerana makhluk halus juga merupakan makhluk ciptaan Allah SWT.

Seterusnya cerita *Jelmaan Mok Kurus* memaparkan kejadian misteri melalui cerita mistik. Kisah ini mengenai seorang perempuan tua yang tinggal di Kampung Telipot. Perempuan tua yang disebutkan adalah Cik Moh atau dikenali sebagai Mok Kurus. Pada suatu hari, Mok Kurus telah rebah akibat keletihan yang ditanggung ketika dia melakukan kerja-kerja hariannya. Lantaran itu, setelah panggilan Mak Esah tidak disahut oleh Mok Kurus menyebabkan Mak Esah khawatir akan keadaan Mok Kurus. Diperhatikan keadaan Mok Kurus ketika itu sedang rebah. Dengan tidak berfikir panjang, Mak Esah menjerit untuk meminta bantuan daripada penduduk sekelilingnya. Apabila Mok Kurus telah menyedarkan diri, Mak Esah telah menyediakan makanan kepadanya. Selepas beberapa hari kematian Mok Kurus, warga kampung selalu diganggu ketenteraman apabila melalui jalan rumah sewanya dengan jelmaan yang menyerupai wajah Mok Kurus. Perkara ini dapat diperhatikan menerusi petikan:

Petikan 29

“...setelah seminggu kematian Mok Kurus, ada penduduk kampung mengadu sering diganggu oleh seorang perempuan yang menyerupai Mok Kurus ketika melalui jalan rumah sewa Mok Kurus. Terdapat juga yang mengatakan diganggu ketika pergi ke sekolah pada pukul 6 pagi. Terdapat penduduk yang mendakwa terdapat hentakan setempat di bahagian bumbung rumah mereka dan suara yang menakutkan sering mengganggu mereka. Diceritakan oleh penduduk gangguan itu masih berlaku sehingga sekarang...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 52)

Kisah *Jelmaan Mok Kurus* merupakan satu kisah yang memiliki unsur luar biasa. Hal ini kerana, watak yang dibawa oleh Mok Kurus menunjukkan dirinya sebagai jelmaan seakan sama Mok Kurus. Jelmaan Mok Kurus menjadi perbualan orang ramai kerana

kejadian itu disaksikan oleh penduduk kampung yang menjadi misteri yang belum terungkai sehingga ke hari ini. Selain itu, orang kampung berpendapat bahawa jelmaan Mok Kurus itu berlaku akibat rohnya dalam keadaan tidak tenang disebabkan oleh beliau tidak berpeluang untuk melihat anak-anaknya pulang sewaktu beliau meninggal dunia. Rentetan daripada itu, terdapat sebab lain yang menjadikan jelmaan Mok Kurus tidak tenang kerana beliau mengamalkan ilmu ghaib yang menyebabkan anak-anaknya tidak ingin pulang ke kampung untuk melihat Mok Kurus ketika meninggal dunia. Hal ini kerana, anak-anak Mok Kurus berasa kecewa akan tindakan ibunya yang mengamalkan perbuatan mensyirikkan Allah SWT. Perkara ini membuktikan bahawa jelmaan adalah suatu makhluk yang menjelma mengikut kepercayaan sesuatu masyarakat dan diamalkan dalam kehidupan (Kamus Dewan, 2016).

Berikutnya, cerita *Jelmaan Saka Harimau* yang mempunyai kejadian misteri melalui cerita mistik. Cerita ini adalah berkisarkan mengenai sebuah keluarga yang menjalani kehidupan mereka dengan harmoni dan sejahtera iaitu Pok Din, Mok Joh dan Mastura. Seinggalah suatu ketika, apabila Mastura yang baru sahaja pulang dari kerja dan ibunya tiada di rumah. Kemudian, Mastura telah meninjau keseluruhan ruang kawasan rumahnya itu. Pada ketika itu, Mastura dan Hasnah mendengar suara Mok Joh memanggilnya tetapi menemui keberadaannya. Peristiwa yang terjadi menyebabkan Hasnah berfikiran pelik dan dia mengambil keputusan untuk memberitahu Tok Guru Che Mer Tajwid akan kejadian yang menimpa mereka berdua. Tok Guru Che Mer Tajwid telah menyediakan surah al-Quran bagi tujuan pencarian Mok Joh dan beliau mendapati bahawa Mok Joh bukanlah orang biasa tetapi merupakan pengamal ilmu ghaib kerana dirinya didampingi saka yang berupa harimau. Mastura telah memberitahu Hasnah perkara sebenar dan mereka merancang untuk menyelesaikan hal ini. Tidak lama selepas itu, Hasnah mengetahui bahawa Mastura

telah berangkat ke daerah lain selepas perancangan mereka diketahui oleh Mok Joh.

Sebagai contoh:

Petikan 30

“...tidak seberapa lama kemudian, Mastura mendengar seseorang memanggilnya “Mas, tidak mahu pulangkah. Hari sudah malam.” Suara itu menanyakannya. Setelah dia berpaling alangkah gembiranya melihat wajah ibunya. “Kemana ibu pergi?” Tanya Mastura kepada ibunya. “Ah! Kamu ini ada-ada sajalah. Bukankah ibu mencuci piring di dapur tadi.” Jawab Mok Joh...”

“...oleh itu, Hasnah menceritakan perkara sebenar yang berlaku kepada Mastura. Mastura merasa tidak percaya dengan apa yang didengarinya seketika tadi. Mastura takut untuk pulang ke rumah. Hasnah menyarankan Mastura membawa ibunya untuk dibuang saka itu agar hidup mereka sekeluarga lebih aman...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 53-54)

Cerita *Jelmaan Saka Harimau* adalah satu kisah mistik yang terjadi kepada Mastura apabila dia pulang dari kerja dan telah mendengar suara ibunya memanggil. Saka yang berupa jelmaan Mok Joh telah menonjolkan diri kepada Mastura walhal pada ketika Mok Joh sedang melakukan kerja mencuci piring. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Mok Joh merupakan seorang yang mengamalkan perbuatan syirik dan ditentang oleh agama Islam. Menerusi cerita ini, kita dapat mengetahui bahawa kisah ini disifatkan misteri. Dengan itu, Islam sebagai agama yang kurang didedahkan dalam masyarakat Melayu terdahulu yang menjadikan masyarakat itu terpesong jauh dari landasan agama yang selayaknya diikuti. Jadi pengaruh Islam perlu diperkuatkan dalam diri masyarakat untuk mengelakkan daripada perbuatan yang tidak bermoral sepertimana mempercayai dan menyanjungi makhluk halus berbanding kekuasaan Yang Maha Esa. Oleh yang demikian, kejadian yang diceritakan dalam kisah ini disifatkan sebagai peristiwa luar biasa tetapi apabila dilihat menurut pandangan Islam ia merupakan satu amalan yang perlu dijauhan dalam diri seseorang.

4.4.2 Kejadian Misteri melalui Kejadian Aneh

Berdasarkan *Kamus Dewan* (2016) aneh dimaksudkan sebagai satu keadaan yang jarang dilihat. Selain itu, aneh juga dilihat sebagai satu kejadian yang banyak memperlihatkan kepada kejadian pelik, ganjil dan seterusnya dapat membuatkan seseorang berasa hairan. Seterusnya, *Kamus Dewan* (2016) juga memperjelaskan lagi mengenai aneh iaitu satu peristiwa yang menggambarkan suasana kepelikan dan keluarbiasaan yang menjadikan orang ramai memperkatakan tentang peristiwa tersebut. Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa aneh merupakan satu keadaan yang dilihat banyak menimbulkan tanda tanya seseorang dan menjadi perbualan orang ramai.

Satu cerita yang memaparkan kejadian misteri melalui peristiwa aneh adalah cerita *Misteri Gajah Berkaki Enam*. Kisah ini adalah mengenai sebuah daerah yang terletak di negeri Kelantan yang mempunyai kejadian aneh yang terdapat di kampung itu. Kisah ini bermula apabila dua orang pemuda yang sedang mencari rotan di hutan dan telah mendengarkan satu bunyi hentakan kaki yang cukup kuat. Setelah mendengarkan hentakan kaki yang kuat itu telah membuatkan kedua-dua pemuda tersebut berasa terkejut apabila mereka mendapati bunyi hentakan tersebut adalah berpunca daripada gajah yang berkaki enam. Sesudah sahaja kedua-dua pemuda itu mencari rotan di hutan, mereka pun dengan segera memberitahu penduduk kampung akan kejadian yang berlaku sehinggakan penduduk kampung berasa takut dan risau. Apabila mendengarkan kisah mereka berdua itu, membuatkan ketua kampung mempersiapkan seluruh penduduknya untuk membawa peralatan senjata bagi membunuh gajah berkenaan dan gajah itu berjaya dibunuh. Selepas beberapa hari kematian gajah tersebut, terdapat kejadian pelik yang berlaku dalam kampung tersebut sehinggakan ada penduduk yang mati dalam keadaan pelik serta berlaku gangguan makhluk halus kepada masyarakat kampung.

Petikan 31

“...suatu hari, Deraman dan Jaapar telah ke hutan belantara mencari rotan untuk dijual di pekan Kota Bharu. Ketika mencari rotan, Deraman mendengar hentakan kaki yang kuat lalu mengajak Jaapar untuk bersembunyi di semak yang berhampiran. Hentakan kaki itu mengejutkan mereka apabila melihat seekor gajah berkaki enam melalui kawasan itu. Mereka berasa gerun dengan gajah itu lalu perlahan-lahan menyusup keluar daripada tempat persembunyian...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 49)

Menerusi kisah *Misteri Gajah Berkaki Enam* menerangkan bahawa kejadian aneh yang dialami oleh seorang penduduk kampung ketika dia sedang sibuk melakukan kerja hariannya dan mendapati kelibat gajah berkaki enam yang tidak pernah dijumpai menjadikan peristiwa itu dikategorikan aneh dan juga menjadi pertanyaan masyarakat terdahulu. Hal ini kerana, kejadian misteri merupakan satu bentuk kejadian mitos yang digambarkan. Walau bagaimanapun, apabila dilihat menerusi perspektif Islam, hutan merupakan satu tempat yang sering dihuni oleh makhluk halus yang sukar dilihat dalam pandangan mata kasar manusia. Hal ini dibuktikan daripada pandangan Islam itu sendiri bahawa setiap makhluk halus seperti jin dan syaitan mampu berubah diri mereka kepada bentuk yang mereka inginkan sama ada dalam jelmaan haiwan atau manusia. Perkara yang memperlihatkan unsur luar biasa berdasarkan penemuan gajah berkaki enam. Oleh itu, peristiwa dalam cerita ini diklasifikasikan sebagai mitos kerana wujudnya unsur luar biasa dan menjadi tanda tanya dalam kehidupan masyarakat suatu ketika dahulu.

Kisah seterusnya yang turut menonjolkan kejadian misteri melalui peristiwa aneh iaitu cerita *Keajaiban Kera Putih*. Kisah ini adalah mengenai seorang lelaki tua yang berwajah seakan golongan ulama. Lelaki tua yang dimaksudkan adalah Haji Long Abdul Rahman di mana keadaan beliau yang berpakaian lusuh dan telah menuju masuk ke dalam hutan. Pada ketika itu, beliau meneruskan perjalanan dengan mengharungi hutan-hutan tebal kerana zaman dahulu masih tiada kemudahan untuk merentasi satu tempat ke tempat lain. Haji Long Abdul Rahman telah pergi ke suatu hutan dan telah membersihkan kawasan

tersebut bagi tujuan menetap di situ. Pada keesokan hari, apabila Haji Long Abdul Rahman terjaga daripada tidurnya, beliau mendapati kawasan yang dibersihkannya semalam telah ditumbuhi rumput dengan serta merta yang menjadikannya hairan dan terkejut akan kejadian yang berlaku kepadanya. Dengan demikian, beliau membuat keputusan untuk mengetahui punca sebenar kawasan yang dibersihkannya kotor itu dengan berjaga sepanjang malam. Beliau mendapati terdapat seekor kera putih yang sedang melompat di kawasan yang dibersihkan beliau tempoh hari dan secara tiba-tiba berlaku kejadian aneh di mana rumput-rumput yang ditebas mulai tumbuh seperti sedia kala. Sebagai contoh, peristiwa ini digambarkan dalam petikan seperti:

Petikan 32

“...pada malam itu, beliau bertekad berjaga kerana mahu menyaksikan sendiri apakah sebenarnya yang berlaku. Ketika sedang menyalakan unggun api untuk mengelakkan daripada nyamuk dan gangguan binatang buas lalu kelihatan seekor kera putih melompat-lompat di atas pokok yang telah ditebaskan dan ditebangnya itu tadi. Beberapa minit kemudian pokok-pokok tersebut tumbuh seperti sedia kala. Beliau berasa hairan dari manakah datangnya kera putih itu kerana sepanjang beliau berada di dalam hutan tiada seekor pun binatang yang dilihatnya...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 84)

Cerita *Keajaiban Kera Putih* adalah satu cerita yang memperlihatkan kepada kejadian luar biasa yang dihadapi oleh Haji Long Abdul Rahman ketika beliau mengambil keputusan untuk bermalam di suatu hutan bagi meneruskan perjalanan beliau ke kampung yang ingin dilewatinya. Berdasarkan peristiwa aneh yang berlaku kepadanya, beliau telah didatangi jelmaan kera putih di tempat beliau berteduh di suatu hutan. Jelmaan kera putih itu mempunyai kuasa luar biasa kerana ia berkebolehan menumbuhkan semula semak-semak yang sudah ditebas. Berdasarkan kisah ini, kera putih yang diceritakan merupakan Jin yang mampu menjelmakan diri sebagai kera yang dilihat oleh Haji Long Abdul Rahman. Hal ini dikatakan demikian, peristiwa ini terjadi adalah untuk menguji kekuatan iman dan

ketinggian ilmu yang dimiliki oleh Haji Long Abdul Rahman sebagai cabarannya iaitu seorang ulama yang ulung.

Cerita seterusnya adalah *Misteri Batu Hampar* yang memperlihatkan kepada kejadian misteri melalui peristiwa aneh. Kisah ini adalah mengenai sebuah batu kecil di mana batu tersebut dikenali sebagai batu hampar iaitu simbol kemegahan masyarakat setempat. Suatu hari, ada seorang budak yang bernama Sepek telah melihat kelibat batu hampar ketika dia sedang bermandi-manda. Melihat kelibat batu hampar itu menjadikan Sepek telah bertindak sesuka hatinya dengan mengambil batu tersebut dan kemudian Sepek telah lemas. Sebagai contoh:

Petikan 33

“...melalui penceritaan orang terdahulu, diceritakan bahawa batu hampar sering bergerak dari simpangan sungai ke kuala sungai Pengkalan Datu...”

“...suatu hari Sepek telah melihat batu hampar yang sedang mudik ke kuala sungai. Sepek telah terjun melawan arus untuk mendapatkan batu tersebut. ...secara tiba-tiba kakinya terasa bagai direntap kuat oleh seseorang. Kesan daripada itu Sepek telah hilang keseimbangan dan telah membuatkan dirinya hilang di dalam sungai tersebut...”

“...mereka tidak menemukan mayat Sepek di dalam sungai itu. Menurut penceritaan, melalui peristiwa itu mayat Sepek tidak dijumpai oleh sesiapa. Ada yang menyatakan bahawa batu hampar juga telah hilang bersama-sama mayat Sepek...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 37-38)

Cerita *Misteri Batu Hampar* merupakan cerita yang memiliki kejadian aneh dan luar biasa. Kejadian tersebut diperhatikan apabila Sepek yang merupakan seorang kanak-kanak ditimpa dengan suatu kejadian aneh dan telah menjadi persoalan oleh masyarakat. Menerusi cerita ini, kejadian mitos diperhatikan apabila batu hampar tersebut mempunyai daya kuasa untuk bergerak ke simpang dan kuala sungai. Peristiwa batu hampar itu dapat dihubungkan dengan pergerakan arus sungai yang menjadikan batu tersebut bergerak ke kuala. Selain itu, kejadian misteri yang menyebabkan kehilangan mayat Sepek dapat

dikaitkan dengan berpunca daripada kepala air yang membolehkan mangsa berada di saluran air bawah tanah. Dengan itu, kehilangan yang dihadapi oleh Sepek difahamkan sebagai kejadian misteri oleh masyarakat dahulu. Seterusnya, kejadian batu hampar yang hilang pula disebabkan oleh pembawaan arus sungai sampai ke hilir sungai.

Kehebatan Bomoh Siam merupakan sebuah cerita yang banyak menceritakan kejadian misteri melalui peristiwa aneh. Kisah ini adalah mengenai seorang bomoh yang mempunyai kebolehan dalam merawat segala jenis penyakit. Bomoh digunakan sebagai pembantu dalam merawat penyakit seseorang. Pada zaman dahulu, terdapat seorang bomoh Siam yang cukup terkenal dengan kemahirannya dalam ilmu perubatan dan mampu mengubati penyakit pelik. Kehebatan yang ada pada diri bomoh Siam adalah apabila dapat mengesan penyakit yang dialami seseorang berpandukan gerakan nadi yang terdapat pada pesakit. Kebanyakan orang yang mendapatkan rawatan daripada bomoh Siam ini dikatakan sembuh seperti sedia kala selepas pulang dari rumahnya. Dalam pada itu, kisah mengenai sepasang suami isteri turut diselitkan dalam cerita ini. Mereka tinggal di hujung kampung dan hidup bahagia walaupun tidak dikurniakan zuriat. Dikatakan si isteri mengalami satu penyakit misteri kerana dia sering ketawa walaupun tidak diketahui puncanya berlaku. Pada suatu hari, si suami telah berjumpa dengan seseorang yang menyuruhnya untuk isterinya dibawa kepada Bomoh Siam. Selepas beberapa ketika, si isteri mulai menampakkan perubahan pada dirinya dan sembuh dari penyakitnya itu.

Petikan 34

“...sampai di rumah bomoh Siam, si suami telah dipersilakan duduk dahulu. Bomoh Siam sekadar melihat si isteri yang sedang mengilai. Lalu si isteri berkata “Kau nak buang aku yee. Buanglah” sambil ketawa berdekah... Sambil memegang tangan pesakit, bomoh Siam mulai berdoa kepada Allah SWT bagi meminta pertolongan untuk menyembuhkan penyakit misteri yang dialami oleh si isteri...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 41)

Kisah *Kehebatan Bomoh Siam* merupakan cerita yang banyak mempertontonkan kepada peristiwa luar biasa di mana kejadian yang ditimpa oleh si isteri. Si isteri telah mengalami satu penyakit misteri iaitu penyakit oleh gangguan makhluk halus. Hal ini bersangkutan paut dengan makhluk halus yang dipelihara oleh nenek moyangnya yang menyebabkan si isteri dirasuk. Dalam pada itu, gangguan makhluk halus ini juga boleh terjadi oleh beberapa sebab lain seperti sikap hasad dengki, tamak dan kepentingan diri bagi memperoleh kelebihan kepada individu tersebut. Sebagaimana gangguan makhluk halus ini boleh menyebabkan keruntuhan institusi kekeluargaan yang dihadapi oleh pasangan suami isteri ini. Sungguhpun penyakit yang ditimpa si isteri masih tiada jawapan lagi bagi mengetahui penyakit yang dihadapinya. Jika dilihat dari sudut pandangan Islam, seseorang yang mudah terkena dengan gangguan makhluk halus ini adalah disebabkan benteng kekuatan dirinya lemah dan mudah makhluk halus menguasai diri individu tersebut. Keteguhan iman merupakan satu benteng pertahanan yang perlu ada dalam diri seseorang Muslim bagi melawan segala penyakit yang disebabkan oleh gangguan makhluk halus ini. Bagi mengetahui keteguhan iman seseorang adalah berdasarkan kepada sifat keikhlasan yang terlahir dalam diri individu dengan mendalami ilmu agama dengan lebih mendalam serta mengikuti segala perintah Tuhan dan menolak segala perkara batil. Oleh demikian, dapat disimpulkan bahawa amalan khurafat dan syirik merupakan amalan yang sering dilakukan oleh masyarakat dahulu bagi memperoleh bantuan makhluk lain selain Allah SWT. Hal ini menunjukkan bahawa orang zaman dahulu banyak menggunakan bantuan makhluk halus dan ia sebagai kemudahan kepada diri mereka dan secara tidak langsung membuktikan perihal identiti yang dimiliki oleh orang Melayu.

4.4.3 Kejadian Misteri melalui Kejadian Supernatural

Supernatural merupakan satu tingkah laku yang memiliki kejadian luar biasa atau disifatkan dengan sesuatu yang mempunyai kuasa luar biasa, Maurice N. Richer (1987), Joseph Julian (1996). Hal ini kerana, ia dikenali sebagai suatu kuasa mahupun entiti di mana ia tidak mampu dilangkaui menerusi keupayaan yang ada pada manusia biasa. Sebagaimana dilihat dalam kehidupan masyarakat Melayu, mereka mempercayai terhadap kewujudan kuasa supernatural kerana ia bersangkutan paut dengan kepercayaan animisme yang telah menjadi pegangan kuat yang diterima masyarakat Melayu zaman dahulu, Mohd Koharuddin Mohd Balwi (2005). Selain itu, unsur supernatural ini sering dikaitkan dengan perkara yang berkaitan roh orang mati, pembentukan semangat yang diperolehi dari alam, makhluk yang mempunyai kuasa luar biasa dan kuasa ghaib yang membatasi keupayaan manusia. Seterusnya, pengaruh yang dibawa oleh Hindu-Buddha dalam masyarakat Melayu menerusi perkembangan budaya dapat mengaitkan unsur-unsur supernatural ini terjadi dalam kehidupan seharian. Dengan wujudnya pengaruh seperti ini, telah menjadikan institusi diraja dan golongan pembesar diangkat di kedudukan teratas dalam unsur-unsur supernatural. Berdasarkan konsep Devaraja ia menjelaskan mengenai pemerintah berperanan sebagai Tuhan di dunia yang menjadikan raja-raja pada ketika itu telah dianugerahkan di kedudukan paling tinggi yang dilihat menerusi stratifikasi masyarakat Melayu tradisional. Hal ini kerana, raja-raja dianggap pemerintah suci yang memiliki sifat-sifat suci diraja, Ishak Saat (2006) mereka disifatkan memiliki kuasa supernatural kerana merupakan jelmaan dewa kepada penduduk bumi.

Kisah yang mempunyai kejadian misteri melalui kejadian supernatural dapat diperhatikan dalam cerita *Disorok Jin*. Kisah ini adalah menceritakan mengenai budak nakal iaitu Ahmad. Ahmad merupakan seorang budak nakal kerana sikapnya itu suka mengusik rakan-rakannya ketika mereka ingin mengaji al-Quran pada malam hari. Sehingga suatu

ketika, ketika Ahmad sedang melakukan aktiviti nakalnya dengan menyorok selipar-selipar rakannya dan telah tertidur di bawah pokok. Selepas kejadian itu, diperhatikan bahawa Ahmad tidak pulang ke rumah. Peristiwa kehilangan Ahmad ini telah diketahui oleh penduduk kampung menjadikan suasana kampung riuh rendah dan bermulalah pencarian Ahmad. Orang ramai meneruskan pencarian Ahmad sehinggalam malam pun tiba. Mereka mendapati tubuh Ahmad berada di dalam sebatang pokok buluh yang berada di dalam hutan. Semenjak daripada peristiwa kehilangan Ahmad itu, orang-orang tua di kampungnya beranggapan bahawa kejadian itu adalah disebabkan oleh tindakan makhluk halus yang menyoroknya di sebatang pokok buluh. Peristiwa tersebut dapat dilihat menerusi petikan:

Petikan 35

“...pada malam itu, pencarian Ahmad masih diteruskan dengan paluan rebana dan nyalaan obor-obor telah dilakukan. Mereka melakukan pencarian dalam hutan belantara yang tebal. Setelah mereka tiba di serumpun buluh, tok imam telah meminta salah seorang penduduk kampung agar dibelah sebatang buluh yang agak jauh ke dalam berbanding buluh yang lain. Alangkah terkejutnya penduduk yang berada di situ apabila melihat Ahmad berada dalam buluh...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 43)

Menerusi cerita *Disorok Jin* mampu menghuraikan kejadian misteri melalui kejadian supernatural yang terdapat pada seorang budak lelaki yang bernama Ahmad. Hal ini kerana peristiwa kehilangan Ahmad merupakan satu kejadian yang dapat dikaitkan dengan kejadian supernatural di mana unsur luar biasa diperhatikan dan menjadikan pemikiran masyarakat dikawal oleh kepercayaan yang dilihat oleh mata mereka sendiri. Ia juga disebabkan oleh pendedahan agama kurang diterapkan dalam diri masyarakat sehingga mereka mempercayai perkara karut dan mistik ini. Pada pandangan perspektif Islam pula, menyebut bahawa setiap kejadian yang berkait dengan perkara mistik ini adalah berdasarkan perbuatan makhluk halus seperti jin dan perkara-perkara di luar batas manusia. Oleh itu, setiap kejadian yang membawa kepada kejadian mistik bukanlah mitos tetapi ia dikira sebagai ketentuan Allah SWT kerana jin juga makhluk Tuhan. Rentetan

daripada kejadian mistik melalui kejadian supernatural ini adalah sedikit sebanyak tujuannya iaitu sebagai medium pengajaran kepada umum supaya menjadikan cerita tersebut sebagai iktibar dalam kehidupan seseorang terutamanya kepada golongan muda masa kini.

Kisah seterusnya adalah *Kehebatan Bomoh Siam* yang memaparkan kejadian misteri melalui kejadian supernatural. Menurut pencerita, kisah ini adalah mengenai seorang bomoh yang berkebolehan merawat segala jenis penyakit yang dihadapi seseorang. Bomoh merupakan individu yang berperanan seakan-akan doktor yang bertujuan merawat pesakit. Bomoh Siam sangat terkenal pada ketika itu sehingga ia mampu merawat penyakit seseorang dengan menggunakan teknik nadi bagi mengesan penyakit dan membolehkan pesakitnya sembuh selepas pulang daripada berjumpanya. Dalam cerita ini, ia juga mengisahkan mengenai kehidupan suami isteri yang hidup bahagia walaupun tiada zuriat. Isterinya telah menghidap satu penyakit ganjil di mana ia sering ketawa yang tidak tahu punca asalnya. Tidak lama kemudian, si suami telah berjumpa dengan seorang penduduk kampung yang menyuruhnya agar membawa isterinya kepada bomoh Siam itu. Selepas si suami menghantar isterinya berubat dengan bomoh Siam itu, si isteri sudah pulih dari penyakitnya itu dengan izin Allah SWT.

Petikan 36

“...suatu masa dahulu terdapat seorang bomoh Siam yang sangat terkenal dalam ilmu perubatan dan merawat pesakit yang mengalami penyakit pelik. Kehebatannya dalam merawat pesakit melalui kaedah nadi iaitu mengetahui getaran penyakit yang dialami oleh pesakit. Melalui tekanan pada bahagian nadi, bomoh Siam ini dapat menyembuhkan penyakit dalam sekelip mata. Pesakit-pesakit yang pernah datang berubat dengan bomoh Siam ini akan sembuh selepas pulang dari rumahnya...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 40)

Berdasarkan kisah *Kehebatan Bomoh Siam* ia menjelaskan serba sedikit mengenai kejadian mistik melalui kejadian supernatural. Hal ini kerana, kejadian aneh yang terjadi kepada si isteri merupakan kejadian mistik dan dianggap mitos bagi sebahagian orang Melayu dahulu. Penyakit yang dialami oleh si isteri adalah suatu penyakit yang disebabkan oleh gangguan makhluk halus yang menjadikannya ketawa di luar tindakannya sendiri. Perkara ini dianggap supernatural kerana ia disifatkan dengan elemen luar biasa yang dihadapi oleh seseorang. Hal ini kerana, si isteri telah dirasuk dengan makhluk halus yang menyebabkan ketawanya sukar dikawal. Ada pula yang berpendapat bahawa, kejadian ini adalah berpunca daripada makhluk halus yang dipelihara serta diwarisi oleh keturunannya. Dalam kata lain, gangguan ini juga terjadi disebabkan oleh perbuatan manusia itu sendiri yang memiliki hasad dengki dalam dirinya akan kebahagiaan hidup seseorang. Pada perspektif Islam pula, kejadian dirasuk ini adalah kerana kurangnya kekuatan iman dalam diri seseorang. Oleh itu, orang yang tidak kuat imannya dengan makhluk halus akan mudah dikawal serta badannya mudah lemah.

Seterusnya, kisah cerita lisan yang berjudul *Kubang Dek* mempamerkan kejadian mistik melalui kejadian supernatural. Menurut pengkisahan cerita ini, Kubang Dek merupakan salah satu tempat yang sungguh terkenal kerana di situ terdapatnya tempat pembiakan ikan laga. Ramai penduduk melewati Kubang Dek untuk menangkap ikan-ikan laga bagi tujuan pertarungan. Dikatakan bahawa ikan-ikan yang berada di situ memiliki bisa yang mampu menumpaskan ikan laga pihak lawan. Secara tidak langsung, perkara ini membuktikan bahawa kekuatan yang diperoleh ikan laga di kampung Kubang Dek tidak dapat ditandingi oleh sesiapa yang ingin berlawan dengannya. Peristiwa ini dapat diperhatikan menerusi petikan berikut:

Petikan 37

“...setelah sekian lama, ramai orang datang untuk menangkap ikan-ikan laga yang terdapat di dalam Kubang Dek ini bagi tujuan pertarungan laga ikan. Dikatakan

bahawa ikan-ikan laga ini mempunyai bisa dan mampu mengalahkan ikan laga pihak lawan. Setiap pertarungan ikan laga yang ditangkap dari Kubang Dek pasti akan menang. Hal ini kerana gigitan ikan laga Kubang Dek menyebabkan ikan laga pihak lawan mati...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 39)

Berdasarkan kejadian dalam cerita *Kubang Dek* membuktikan bahawa kejadian tersebut adalah salah satu kejadian yang menjadi ingatan kepada masyarakat. Hal ini kerana kekuatan yang ada ikan laga di Kubang Dek dilihat sebagai kejadian supernatural kerana haiwan tersebut memiliki kuasa luar biasa yang tidak ada pada haiwan lain. Hal ini kerana, ikan-ikan laga yang berada di Kubang Dek mempunyai bisa dan dapat mengalahkan pihak lawannya dengan mudah. Ini menjadikan nama Kubang Dek terkenal pada masa itu. Ikan-ikan laga yang diceritakan dapat mewujudkan makna kepada simbol berani. Oleh itu, perkara ini dapat membuktikan bahawa ikan-ikan laga itu memiliki kuasa luar biasa dan seterusnya menghubungkan kaitkan dengan sikap sebahagian yang dapat dijadikan teladan. Berdasarkan pertarungan yang berlaku antara ikan laga ini, ia dilihat sebagai kejadian supernatural kerana kekuatan luar biasa yang ada pada ikan laga tersebut tidak didapati selain di negeri itu.

Seterusnya, kejadian misteri melalui kejadian supernatural adalah menerusi cerita *Misteri Batu Hampar*. Menurut pengkisahan cerita ini, ia menceritakan mengenai sebuah batu kecil. Batu itu diberi nama batu hampar sering dijadikan lambang kekuatan yang ada masyarakat ketika itu. Dalam pada itu, batu ini sering merintang dari simpangan sungai yang diteruskan ke kuala sungai Pengkalan Datu. Batu hampar ini juga dapat dilihat dengan jelas kerana warnanya putih. Hendak dijadikan cerita, seorang kanak-kanak sedang bermandi-manda dan telah terlihat kelibat batu hampar itu. Setelah dia memerhati batu hampar itu, budak tersebut telah bertindak untuk mengambil batu itu lalu menyebabkan dirinya lemas. Peristiwa ini dapat dilihat menerusi petikan berikut:

Petikan 38

“...batu itu dikatakan berada dalam sungai Pengkalan Datu pada ketika itu. Batu hampar ini dikatakan sebagai penjaga kepada kawasan Pengkalan Datu terutama di kawasan persisiran sungai tersebut. Batu ini diceritakan sebagai alat untuk menjaga keselamatan penduduk sekitar daripada serangan lanun...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 37)

Menerusi cerita *Misteri Batu Hampar* mampu menghuraikan kejadian misteri melalui kejadian supernatural yang terjadi pada seorang budak lelaki yang bernama Sepek. Kisah yang diceritakan ini memaparkan adegan luar biasa yang dihadapi oleh Sepek apabila dia mengambil batu hampar tersebut. Kejadian ini masih menjadi perbualan dan persoalan orang ramai akan makna sebenar yang berlaku pada budak kecil tersebut. Hal ini kerana, batu hampar dikatakan mampu untuk bergerak sentiasa ketika melalui jalan ke simpang dan kuala sungai. Berdasarkan kejadian yang ditimpa Sepek ia memberi gambaran bahawa kejadian itu berlaku disebabkan penjaga sungai pada batu tersebut adalah bagi menjaga keselamatan warga penduduk dari sebarang musibah ditimpa oleh penduduknya. Seterusnya, kejadian misteri yang dihadapi oleh Sepek apabila mayatnya hilang dibawa arus sungai yang sangat deras sehingga melenyapkan mangsa daripada terselamat. Dengan ini, dapat dibuktikan bahawa kejadian kehilangan Sepek merupakan satu kejadian misteri dan tidak dirungkai oleh sesiapa akan kebenarannya.

Selain itu, *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu* merupakan salah satu kisah yang menonjolkan kejadian misteri melalui kejadian supernatural. Cerita ini adalah berkisarkan mengenai hubungan persahabatan yang melibatkan lima orang sahabat iaitu Samad, Awang, Mail, Man dan Nasir. Kesemua daripada mereka menetap di Kampung Tanjung Besar iaitu sebuah kampung yang berhampiran dengan Kampung Gajah. Pada masa itu, persembahan tradisional dan persembahan alat muzik cukup terkenal ketika itu. Persembahan alat-alat muzik tersebut terdiri daripada wayang kulit, main puteri, mak yong dan sebagainya. Permulaan cerita ini berlaku apabila sekumpulan sahabat itu ingin

mewujudkan satu kumpulan dikir yang diketuai oleh Mail. Salah seorang daripada mereka mendapat idea untuk menggunakan kayu daripada pokok tanjung itu sebagai membentuk alat muzik bagi digunakan dalam persembahan mereka. Akan tetapi, apabila tibanya persembahan mereka, alat muzik kepunyaan Awang dan Samad dengan secara tidak langsung tidak mengeluarkan sebarang bunyi apa-apa. Perkara ini mengakibatkan Awang dan Samad telah bersepakat untuk membuat persembahan tanpa iringan alunan muzik yang didendangkan ketika itu. Sehingga persembahan mereka tidak mendapat sambutan serta hambar di hadapan penonton. Setelah selesai persembahan, mereka tidak memperoleh sebarang kedudukan kerana masalah yang dihadapi ketika membuat persembahan. Contoh:

Petikan 39

“...sebelum kamu dan kumpulan kamu nak ke tempat pertandingan dikir tu nanti, kamu mesti pergi kat pokok tanjung yang besar dan membuat persembahan di situ dulu. Jika kamu tak lakukan apa yang dipesankan ini nanti segala alat muzik yang kamu gunakan tak akan keluar bunyi...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 6)

Menerusi cerita *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu* mampu menghuraikan kejadian misteri melalui kejadian supernatural yang terjadi kepada sekumpulan sahabat dalam acara persembahan alat muzik. Kisah ini dilihat sebagai satu kejadian misteri apabila alat-alat muzik kepunyaan mereka dengan serta merta tidak mengeluarkan sebarang bunyi apabila persembahan telah bermula. Perkara ini telah menjadikan berbagai-bagai persoalan yang timbul dalam pemikiran masyarakat Melayu ketika itu. Hal ini kerana, ketua kampung telah menyampaikan pesanan kepada mereka untuk membuat persembahan di bawah pokok tanjung terlebih dahulu. Tetapi perkara ini diambil sambal lewa oleh mereka menyebabkan alat-alat muzik mereka tidak mengeluarkan bunyi. Sikap yang ditonjolkan oleh mereka seperti meninggi diri mengakibatkan musibah itu menimpa mereka. Kejadian

ini dilihat sebagai kejadian luar biasa kerana bagaimana mungkin dengan tidak melakukan persembahan di bawah pokok tanjung mampu menjadikan alat-alat muzik itu membisu tanpa sebarang bunyi dikeluarkan. Ada yang berpendapat kejadian itu berlaku disebabkan oleh kerosakan yang ada pada alat muzik itu ataupun ada kecacatan dalam menghasilkannya. Ada pula yang melontarkan pendapat bahawasanya alat muzik itu terkena sumpahan oleh pokok tanjung. Perkara ini menunjukkan bahawa tanggapan masyarakat Melayu akan alam ghaib ini sememangnya kuat sehingga mereka mempercayainya tanpa mengetahui kebenaran yang tidak terungkai.

Berikutnya, cerita *Kain Sutera Cina* memperlihatkan kepada kejadian misteri melalui kejadian supernatural. Menurut penceritaan yang terdapat dalam kisah ini, ia adalah mengenai kisah kehidupan yang dialami oleh masyarakat dahulu yang lebih kurang sekitar tahun 1940-an. Kisah yang ditonjolkan ini adalah kisah persahabatan antara dua orang lelaki yang dibentuk sejak kecil lagi di mana kedua-duanya menetap di kampung Pengkalan Datu. Mereka berdua adalah Hassan dan Hussin. Suatu hari, mereka didatangi musuh di kampung sehingga menyebabkan mereka mengalami cedera akibat serangan yang dilakukan oleh pihak musuh. Setelah peristiwa itu menimpa mereka, salah seorang ahli keluarga Hassan telah mengalami kecederaan daripada serangan itu. Mereka telah melewati hutan-hutan untuk mencari penawar untuk merawat ahli keluarga Hassan berkenaan. Sehingga suatu ketika mereka berasa sangat letih lalu tertidur. Di dalam mimpi mereka, mereka menemui cara untuk merawat kecederaan itu.

Petikan 40

“...Hassan segera mengeluarkan kain sutera dan membalut luka itu pada bahagian betis tersebut. Beberapa jam kemudian, anggota keluarga tercedera itu telah memaklumkan bahawa lukanya telah kering dan hilang serta merta. Keajaiban itu telah membuatkan semua orang terkejut dan menganggap ianya sesuatu yang pelik...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 11)

Menerusi cerita *Kain Sutera Cina* telah memaparkan satu bentuk penceritaan yang dikaitkan dengan kejadian misteri melalui kejadian supernatural yang terjadi kepada dua orang sahabat iaitu Hassan dan Hussin dalam mencari penawar bagi mengubati kecederaan yang ditimpa oleh ahli keluarga Hassan. Kisah ini dilihat sebagai satu kejadian misteri kerana penggunaan *Kain Sutera Cina* dijadikan sebagai satu penawar untuk mengubati luka seseorang. Menurut penceritaan, kain sutera tersebut merupakan milik kepunyaan seorang puteri cantik bagi menolong kedua-dua sahabat itu dalam menemukan penawar kepada ahli keluarganya. Perkara ini dilihat sebagai perkara diluar kebiasaan kerana dengan kain sutera sahaja mampu merawat penyakit dan menyelamatkan nyawa seseorang di dalam kesusahan. Jadi, dapat disimpulkan bahawa kisah ini memberi mesej yang berguna kepada masyarakat kerana ia memaparkan hubungan persahabatan yang sanggup menolong antara satu sama lain tanpa membiarkan sahabatnya menghadapi masalah seorang diri.

4.4.4 Kejadian misteri melalui kekuatan ghaib

Kepercayaan terhadap kekuatan ghaib adalah satu perkara yang diperlukan untuk memaparkan kekuatan bagi mewujudkan unsur nyata dalam memenuhi keperluan. Hal ini dilihat menerusi perkara ghaib yang ditimbulkan adalah daripada suatu hasil imaginasi sesebuah masyarakat yang terikat dengan kepercayaan animisme. Kewujudan hantu, jin, setan dan benda-benda yang memiliki unsur keramat menjadi kepercayaan masyarakat (Hooykaas, 1952). Sifat-sifat yang ada pada hantu, jin dan setan sering dianggap memiliki sifat jahat kerana selalu mengganggu ketenteraman manusia dan sebahagian yang lain pula masih mempunyai sifat yang baik. Sifat baik yang ada pada makhluk ghaib digambarkan menerusi kegiatan yang dapat membantu manusia dalam kerja-kerja harian seperti bertani,

menangkap ikan, berburu dan banyak lagi. Oleh itu, dalam menguasai ilmu alam ghaib memerlukan pengetahuan yang kuat serta berkebolehan tinggi.

Antara kisah yang mengandungi kejadian misteri melalui kekuatan ghaib dapat diperhatikan menerusi kisah *Tenggelmnya Masjid Pengkalan Datu*. Dalam cerita ini, ia menceritakan mengenai sikap segelintir masyarakat yang menunjukkan sisi negatif yang tidak patut dicontohi sepertimana perbuatan keji dan hasad dengki. Hal ini kerana, perbuatan keji tersebut telah dilakukan oleh seorang pemuda yang menyatakan hasratnya untuk menjatuhkan seorang imam masjid. Imam masjid merupakan orang yang menjaga kesejahteraan Masjid Pengkalan Datu agar sentiasa terjaga rapi. Sungguhpun demikian, imam memiliki sikap peribadi yang baik tetapi ada pula orang yang sanggup melemparkan tuduhan fitnah ke atasnya. Hal ini telah menjadikan berlaku kejadian alam yang sangat luar biasa sehingga kejadian itu dianggap satu perkara yang di luar pemikiran manusia. Perkara ini dibuktikan menerusi petikan berikut:

Petikan 41

“...selepas diusir, tiba-tiba gelombang ombak tidak tahu akan mana datangnya telah membinasakan bangunan Masjid Pengkalan Datu itu dengan menenggelamkannya. Penduduk yang melihat kejadian itu merasa terkejut dengan apa yang terjadi. Imam juga telah ghaib entah ke mana. Penduduk mulai merasa kejadian yang berlaku itu mempunyai kaitan dengan imam tersebut...”

“...akhirnya, masjid kampung itu telah hilang daripada pandangan mata penduduk buat selama-lamanya...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:17)

Menerusi cerita *Tenggelmnya Masjid Pengkalan Datu* telah memaparkan satu bentuk penceritaan yang dikaitkan dengan kejadian misteri melalui kekuatan ghaib yang terjadi apabila telah berlakunya gelombang ombak yang sangat kencang sehingga menghancurkan Masjid Pengkalan Datu. Hal ini berlaku disebabkan oleh kemurkaan Allah SWT dan dianggap sebagai balasan kepada mereka yang berlaku zalim terhadap perintah-Nya. Dengan demikian, dapat menjelaskan bahawa kehilangan imam Masjid Pengkalan

Datu adalah sebagai petunjuk yang dibawa oleh Allah SWT akan kebesaran-Nya terhadap setiap apa yang Dia kehendaki. Pada sebahagian maklumat lain menyatakan bahawa imam tersebut telah meninggal dunia kerana perbuatan penduduk kampung terhadapnya dan peristiwa ghaib yang terjadi pada imam adalah kerana dia telah melarikan diri dari Pengkalan Datu.

Seterusnya, kejadian misteri melalui kekuatan ghaib dapat diperhatikan dalam cerita *Disorok Jin*. Dalam kisah ini ia menceritakan mengenai seorang budak lelaki bernama Ahmad. Kisah ini memaparkan kelakuan seorang budak nakal yang sering mengusik kawan-kawannya yang pada itu ingin mengaji al-Quran. Sampailah suatu ketika, apabila Ahmad baru sahaja menyorokkan selipar milik rakannya dan dia pun telah tertidur di bawah sebatang pokok. Setelah rakan-rakannya yang lain sudah puang selepas mengaji, didapati Ahmad tidak pulang ke rumahnya. Perkara ini telah menjadi kebimbangan kepada penduduk kampung sehingga kehilangan Ahmad menjadikan suasana kampung kelam-kelibat. Maka, bermulalah pencarian Ahmad ke seluruh pelusuk kampung. Selepas sesi pencarian Ahmad yang dilakukan sehingga larut malam, didapati Ahmad dijumpai berada di dalam buluh. Rentetan daripada kejadian itu, telah dijadikan perbualan orang kampung ketika itu. Sehingga orang-orang tua berpendapat bahawa kehilangan Ahmad adalah kerana perbuatan Jin yang menyoroknya. Kejadian misteri itu digambarkan sebagai satu kekuatan ghaib. Contohnya:

Petikan 42

“...alangkah terkejutnya penduduk yang berada di situ apabila melihat Ahmad berada dalam buluh. Ahmad yang berada dalam keadaan tidak bermaya dan lesu itu segera dibawa pulang...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 43)

Menerusi cerita *Disorok Jin* telah memaparkan satu bentuk penceritaan yang dikaitkan dengan kejadian misteri melalui kekuatan ghaib yang terjadi kepada seorang budak lelaki yang bernama Ahmad. Hal ini kerana makhluk ghaib seperti Jin memiliki

kekuatan yang tidak boleh dilihat oleh pancaindera manusia. Sungguhpun demikian, kekuatan yang ada pada makhluk ghaib itu adalah salah satu kekuasaan yang dipinjam oleh Allah SWT atas makhluk yang dikehendakinya. Jadi, kejadian yang ditimpa oleh Ahmad adalah suatu perkara mistik dan dilihat sebagai luar batasan manusia akan kekuatan ghaib yang dimiliki oleh makhluk alam ghaib tersebut.

Selain itu, kejadian misteri melalui kekuatan ghaib dapat dilihat sebagaimana dalam cerita *Pemujaan Pantai*. Kisah ini adalah mengenai sekumpulan sahabat yang suka menjalankan aktiviti turun ke laut. Antara individu yang terlibat adalah Udin, Sofi, Daud dan Pak Man yang sering menjalankan aktiviti turun ke laut ini. Mereka melakukan aktiviti ini bagi memungut hasil lautan. Tetapi, sebelum mereka melakukan aktiviti tersebut, mereka diingatkan oleh Tok Kelahi akan pantang larang sebelum turun ke laut. Jika pantang larang ini tidak diikuti maka bala akan menimpa mereka. Sebagai contoh:

Petikan 43

“...menurut Tok Kelahi juga, mereka mestilah melakukan syarat yang ditetapkan itu selama tujuh hari berturut-turut dan dibuat sekali setahun. Jika tidak mengikut syarat yang ditetapkan dan turun ke laut begitu sahaja, akan mendapat bala seperti sampan atau kapal yang mereka naiki akan terbalik dan ikan yang mereka jala itu tidak akan mendapat hasilnya...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 44)

Kisah *Pemujaan Pantai* menunjukkan peristiwa luar biasa yang menjurus kepada kejadian misteri melalui kekuatan ghaib yang terjadi kepada empat orang pemuda yang ingin melakukan aktiviti turun ke laut. Tetapi, sebelum melakukan aktiviti tersebut mereka diingatkan akan pesaanan Tok Kelahi untuk membuat sedikit aktiviti pemujaan seperti menyembelih kerbau putih dan meletakkan daging tersebut di dalam sampan kemudian dihanyutkan ke laut sebagai santapan kepada penunggu laut. Mendengarkan pesanan itu membuatkan mereka menurut segala perintah Tok Kelahi. Selepas mereka menurut perintah Tok Kelahi, mereka memperoleh hasil laut yang banyak seterusnya dengan hasil

tersebut mereka menjualnya sebagai sumber rezeki. Melihatkan perkara terjadi, orang kampung mempercayai akan kata-kata Tok Kelahi akan pantang larang dibuatnya sebelum melakukan sebarang aktiviti turun ke laut. Jadi, kejadian yang berlaku merupakan perkara mistik dan dilihat sebagai luar batasan manusia akan kekuatan ghaib.

Lanjutan daripada itu, kejadian misteri melalui kekuatan ghaib ini dikenalpasti daripada kisah *Kehebatan Laksamana Laut*. Menurut penceritaan kisah ini, ia menceritakan mengenai seorang laksamana yang bernama Che Deraman. Beliau merupakan Laksamana Laut yang ditadbir oleh seorang pemerintah Raja Kelantan. Berdasarkan penceritaan yang dinyatakan dalam naratif lisan ini, laksamana Che Deraman sering menjalankan aktiviti pelayaran dimana tempat tersebut berada di Siam dengan menaiki kapal layar. Tujuan laksamana Che Deraman berlayar ke Siam tidak lain tidak bukan adalah untuk menjalinkan hubungan diplomatik bersama Siam iaitu dengan menghantar bunga emas. Hal ini kerana, hubungan Kelantan dan Siam begitu erat sehinggakan Kelantan pada ketika itu telah dilindungi sepenuhnya oleh kerajaan Siam. Pelantikan terhadap laksamana Che Deraman adalah disebabkan oleh beliau memiliki sikap berani dan juga memiliki tubuh badan yang gagah perkasa. Tugas yang digalas oleh laksamana Che Deraman adalah melindungi Raja Kelantan daripada sebarang risiko disamun oleh lanun ketika baginda keluar belayar. Berpandukan cerita ini, didapati keris kepunyaan Che Deraman sebenarnya menyimpan kuasa ghaib iaitu kehebatannya dapat membuatkan kapal yang dinaiki mereka tidak kelihatan daripada pandangan musuh terutamanya lanun. Hal ini dapat ditinjau melalui petikan:

Petikan 44

“...keris yang dibawa Laksamana Che Deraman sebenarnya mempunyai kuasa ghaib dan hilang daripada pandangan musuh terutamanya lanun. Apabila keris ini dibawa belayar lanun yang berada berhampiran dengan kapal tidak nampak dan tidak menyedari kehadiran mereka ke kawasan itu. Hal ini kerana kapal yang mereka naiki telah menjadi ghaib dan halimunan...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 62-63)

Berdasarkan cerita *Kehebatan Laksamana Laut*, cerita ini menonjolkan perkara yang berunsurkan kejadian misteri melalui kekuatan ghaib di mana kejadian kapal oleh pihak musuh tidak dapat melihat kapal yang dinaiki laksamana Che Deraman ketika mereka belayar. Kuasa yang ada pada keris tersebut sememangnya memiliki kehebatan yang tidak mampu dilakukan oleh orang biasa. Akan tetapi keris yang dibawa oleh laksamana Che Deraman ini telah menampilkan kuasa luar biasa di mana kekuatan ghaib tersebut terjadi apabila keris itu bersama dengan laksamana Che Deraman. Hal ini telah menjadikan pandangan pihak musuh telah dikaburi dan tidak boleh melakukan sebarang serangan terhadap kapal yang dinaiki oleh laksamana Che Deraman seterusnya telah menyelamatkan Raja Kelantan daripada dirompak oleh lanun-lanun yang berniat jahat ke atasnya. Berpandukan kepada pemerhatian dari sudut agama Islam, perkara yang terjadi kepada kapal layar yang dinaiki laksamana Che Deraman menjadi ghaib bukanlah suatu perkara yang luar biasa. Hal ini kerana, pegangan agama yang dimiliki oleh laksamana Che Deraman sangatlah tinggi ilmunya. Dengan menjadikan agama nombor satu dan mengamalkan beberapa ayat suci al-Quran mampu menyelamatkan sesiapa sahaja yang berada dalam kesusahan dan sekaligus menjadi pelindung daripada terkena perbuatan jahat oleh segelintir orang yang berniat jahat ke atas diri seseorang itu. Hal ini bersangkutan paut dengan ajaran agama Islam itu sendiri yang memperkenalkan beberapa ayat suci yang mampu menutup pandangan musuh daripada melakukan perbuatan jahat dan menyelamatkan seseorang daripada perbuatan manusia yang tidak bermoral.

Cerita *Bidan Tok Haji Esah* adalah sebuah cerita yang memiliki kejadian misteri melalui kekuatan ghaib. Menurut cerita yang telah diceritakan, Tok Haji Esah merupakan seorang bidan kampung yang berperanan di kampung Babong pada suatu ketika dahulu. Beliau adalah antara orang yang terkenal di kampung itu kerana kehebatannya yang tidak

dimiliki oleh sesiapa. Sikapnya yang mesra membuatkan dia disenangi serta dikagumi oleh penduduk kawasan itu. Berdasarkan cerita ini, ia telah memaparkan tentang kisah masyarakat dahulu iaitu sepasang suami isteri yang tinggal di kawasan kampung tersebut. Pasangan tersebut diberi nama Melati dan Labu. Menurut penceritaan, Melati telah merasa kesakitan untuk melahirkan anak tatkala ketika itu dia telah ditinggalkan oleh suaminya yang sedang bekerja sebagai nelayan di mana keberadaan suaminya di tengah lautan. Sungguhpun keadaan Melati ketika itu sangat mencemaskan kerana sudah tiba waktu melahirkan, dia tetap gagahkan dirinya untuk mendapatkan bantuan untuk bersalin. Tatkala Melati mendapatkan bantuan orang, Melati telah rebah kerana kesakitan yang dihadapinya tidak tertanggung. Tidak lama kemudian, Tok Haji Esah mendapati Melati yang sedang rebah ketika dia melalui kawasan itu. Melihat keadaan Melati yang sedang sarat itu menyebabkan Tok Haji Esah membantu Melati bagi melahirkan anak dengan serta merta. Setelah anak Melati telah selamat dilahirkan, Tok Haji Esah telah mengajar Melati beberapa jampi-jampi serapah bagi mengelak dirinya terkena sampuk oleh makhluk ghaib. Peristiwa ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

Petikan 45

“...orangnya telah tua, wajahnya juga telah dimamah usia. Namun begitu, beliau masih mampu untuk bergaul dengan masyarakat lainnya. Menurut cerita, Tok Haji Esah ini mempunyai “benda” sebagai pendampingnya. Oleh sebab itu, beliau masih lagi kuat dalam melakukan sesuatu perkara. Biarpun begitu, masih ramai yang meminta pertolongan daripadanya kerana kecekapannya...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 65)

Berpandukan cerita ini, terdapat kejadian misteri melalui kekuatan ghaib yang ditonjolkan oleh Tok Haji Esah yang mana kehebatan yang ada pada dirinya itu tidak memiliki sesiapa menyebabkan dirinya terkenal di kampung suatu ketika dahulu. Walaupun usianya sudah lanjut dimakan usia, tetapi kekuatannya mampu membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi sebahagian masyarakat ketika itu. Hendak dijadikan cerita, Melati

pada ketika itu sedang sarat untuk melahirkan anak meminta bantuan bidan Tok Haji Esah bagi proses melahirkan. Selepas selesai melahirkan anak, bidan Tok Haji Esah meminta Melati untuk melakukan sedikit pembacaan ayat-ayat jampi bagi melindungi dirinya daripada terkena gangguan makhluk ghaib. Menerusi peristiwa ini, telah memperlihatkan bahawa Tok Haji Esah merupakan seorang yang memiliki ilmu dalam hal-hal ghaib. Hal ini kerana, seseorang yang mahir dalam ilmu ghaib ini akan menggunakan ilmunya kepada orang lain untuk tujuan yang tertentu. Dengan membaca ayat-ayat jampi serapah dapat mengelak seseorang daripada terkena sampuk daripada makhluk halus.

Seterusnya, kejadian misteri melalui kekuatan ghaib dapat dilihat menerusi kisah *Kehebatan Pawang Ali*. Menurut kisah yang diceritakan, ia mengenai seorang lelaki yang sudah berusia dan lelaki tersebut digelar sebagai pawang paling hebat kerana ilmu dan kebijaksanaan yang dimilikinya itu tidak dapat ditandingi oleh sesiapa. Pawang tersebut telah menetap di sebuah tempat bernama Kampung Pupuk. Kehebatan yang ada pada diri pawang dari segi ilmu perubatan mampu menyembuhkan penyakit yang dialami sesiapa sahaja. Dengan berbekalkan ayat-ayat suci al-Quran berserta sedikit permainan teri, sesuatu penyakit itu dapat diatasi dan dipulihkan oleh pawang tersebut. Apabila seseorang individu mengalami sebarang penyakit ganjil dan sukar diubati, pawang akan menggunakan cara lain bagi mengubati penyakit tersebut dengan menggunakan sedikit permainan teri bagi mengubati penyakit ganjil. Dalam pada itu, berdasarkan peristiwa yang dikemukakan, telah menjadikan amalan tersebut sebagai suatu perkara yang menjadi kepercayaan sebahagian masyarakat dahulu dalam mencari penawar bagi mengubati seseorang yang terkena penyakit ganjil oleh makhluk ghaib. Dengan kehadiran Pawang Ali dalam Kampung Pupuk telah menjadikan kelangsungan hidup masyarakat ketika itu berada pada posisi yang sejahtera, aman dan telah meyakinkan kepercayaan penduduk kampung akan kehebatan

Pawang Ali bagi memulihkan segala penyakit yang dihadapi oleh masyarakat. Peristiwa ini dapat ditonjolkan daripada petikan di bawah:

Petikan 46

“...kehebatannya dalam ilmu perubatan tidak dapat disangkal oleh sesiapa. Beliau mengubati pesakit dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran dan kadangkala memasukkan sedikit permainan Teri untuk penyakit-penyakit misteri yang tidak dapat dirungkai oleh perubatan moden. Ianya menjadi kepercayaan kepada masyarakat setempat jika seseorang berkelakuan aneh dianggap tersampuk oleh makhluk ghaib...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 67)

Kehebatan Pawang Ali merupakan suatu cerita yang mengandungi kejadian misteri melalui kekuatan ghaib. Hal ini bersangkutan paut dengan kejadian yang berlaku ketika Pawang Ali dapat mengubati penyakit seseorang dengan menggunakan ayat-ayat suci al-Quran dan disusuli dengan permainan teri sebagai penyembuh kepada segala penyakit-penyakit yang dihadapi oleh sesiapa terkena penyakit ganjil. Jika kita perhatikan secara logik, bagaimana permainan teri dapat menyembuhkan penyakit ganjil yang dihadapi seseorang individu? Hal ini dibuktikan kerana, permainan teri itu sendiri merupakan salah satu budaya yang diperkenalkan dalam masyarakat Melayu Kelantan terdahulu. Permainan teri ini adalah bertujuan bagi perubatan. Akan tetapi ia juga telah diseleweng dan terpesong dari sudut akidah bagi orang yang beragama Islam. Hal ini kerana, permainan teri ini telah memasukkan beberapa aktiviti ajaran sesat yang boleh mengakibatkan keruntuhan iman bagi seseorang Muslim. Penggunaan ayat-ayat jampi serapah digunakan dalam permainan teri dengan memuja makhluk lain dan meminta bantuan selain Allah SWT menunjukkan permainan teri merupakan satu aktiviti yang boleh menyebabkan seseorang terpesong jauh dari ajaran Islam yang sebetulnya. Oleh hal demikian, perkara ini menjadi satu kepercayaan bagi sesetengah masyarakat zaman dahulu kerana mereka mempercayai bahawa permainan teri mampu mengubati penyakit aneh yang diperkenalkan dari zaman nenek moyang mereka lagi. Dengan demikian, dapat

dirumuskan bahawa kehebatan yang ada pada Pawang Ali merupakan satu kebolehan yang tidak semua orang memilikinya. Hal ini kerana, Pawang Ali merupakan seorang yang memiliki ilmu pengetahuan yang kuat dari sudut agama dan sering mengikut perintah Allah SWT. Oleh itu, dengan adanya kelebihan seperti itu, Pawang Ali menggunakan kelebihan itu sebaiknya bagi membantu masyarakat lain jika mereka ditimpa kesusahan seterusnya dapat membuka minda masyarakat ketika untuk mempercayai akan ajaran Islam merupakan satu ajaran yang benar.

Kisah *Raja Sakti Perintah Yang Berwibawa* merupakan sebuah cerita yang mengandungi kejadian misteri melalui kekuatan ghaib. Diceritakan dalam riwayat bahawa kisah ini menggambarkan kehidupan akan seorang raja yang dinamakan Raja Sakti. Mengikut riwayat ini juga diceritakan bahawa Raja Sakti telah ditabalkan sebagai pemegang raja pertama bagi sistem kuasa pemerintahan kerajaan Jembal, Kelantan. Tidak lama kemudian, semasa pemerintahannya baginda juga diberikan hak pemerintahan sebagai raja bagi kedua-dua negeri iaitu Kelantan dan Patani. Hakikat ini terjadi disebabkan oleh Raja Sakti telah mengalahkan Ratu Kuning dan kemudian telah bergerak untuk menyerang Patani. Apabila Raja Sakti telah berjaya mengalahkan kedua-dua kerajaan tersebut, baginda telah melebarkan kekuasaannya sehinggakan daerah-daerah seperti Singgora, Ligor dan Patthalung yang pernah ditakluki oleh Patani. Raja Sakti telah dianugerahi empat orang putera yang diperolehnya dari perkahwinan bersama Puteri Mani Kemeyan. Namun, suatu hari ketika Raja Sakti dan Putri Mani Kemeyan berangkat ke Sungai Babong, suatu kejadian aneh telah terjadi kepada Raja Sakti dan permaisuri atas kehilangan mereka berdua setelah malam bersiram dan mandi limau. Perkara ini diperhatikan menerusi teks:

Petikan 47

“...Raja Sakti dan permaisuri kemudiannya berangkat ke Sungai Babong selama tujuh hari tujuh malam untuk bersiram dan mandi limau setelah segala urusan penyerahan kuasa pemerintahan diberikan kepada putera-puteranya. Riwayat

mereka berdua dikatakan lenyap sehingga kini kerana Raja Sakti dan permaisurinya telah ghaib pada malam ketujuh upacara bersiram...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 77)

Kisah *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa* menceritakan tentang kejadian yang dialami oleh Raja Sakti dan permaisuri yang telah ghaib pada malam ketujuh sewaktu upacara bersiram sebagai satu bentuk kiasan yang digunakan untuk memperjelaskan lagi makna kesaktian atau keunggulan dan kebolehan seorang pemerintah yang memiliki sifat berwibawa. Hal ini dikatakan demikian, penggunaan istilah ghaib adalah satu bentuk penggunaan ayat bagi menjelaskan bahawa seseorang tokoh itu yang dikisahkan telah menghadap Ilahi atau meninggal atau merantau ke daerah lain tanpa ada yang mengetahuinya kerana disebabkan oleh suatu peristiwa yang terjadi kepada tokoh tersebut seperti terbunuh dalam pertempuran, terbunuh, pergantian gelar kehormatan dan lain-lain. Cerita ini menggunakan mitos untuk menumbuhkan konsep kedaulatan dan ketaatan kepada pemerintah pada masyarakat Melayu sekaligus sebagai media penyebaran ilmu pengetahuan dan seimbang dengan pengajaran bagi sejarah sesuatu bangsa.

Sebagai rangkuman, dapat dilihat bahawa unsur mitos melalui kejadian misteri adalah selari dengan penggunaan pendekatan firasat. Hal ini kerana, setiap kejadian misteri yang berlaku adalah bertitik tolakan dengan pendekatan firasat yang banyak ditimbulkan oleh corak penulisan. Ini juga mengakibatkan sesebuah penulisan ilmiah karya sastera dilihat sebagai sebuah rakaman mimpi yang mampu membentuk lapis-lapis iaitu secara tidak langsung menghubungkan kepada maksud yang disampaikan dan juga berpandukan kepada pentafsiran secara mendalam bagi memperoleh makna sebenar (Hashim Awang, 2002). Misalnya, dalam menghasilkan sebuah kajian yang bertemakan unsur mitos ini yang berfokuskan kepada kejadian misteri mampu mewujudkan rasa saspens yang ada pada masyarakat apabila mendengarkan cerita lisan yang diceritakan. Oleh itu, unsur misteri

diterapkan dalam kajian bagi menguji pandangan masyarakat akan mengetahui makna sebenar menerusi penceritaan lisan yang ingin disampaikan.

Berdasarkan penelitian Chong Ah Fok (2008) beliau telah memperjelaskan lagi mengenai kejadian misteri sebagai bentuk persoalan-persoalan yang memiliki makna tersurat serta tersirat kepada generasi baru. Dalam mengetahui akan makna tersirat, ia memerlukan kepada kaedah pentafsiran yang merujuk kepada pemahaman yang didapati berdasarkan teks-teks serta penulisan ayat yang memberi makna tersurat dan seterusnya proses berfikir yang memerlukan kepada akal dan ilmu pengetahuan seseorang. Dengan demikian, dapat diketahui bahawa setiap kejadian misteri yang berlaku adalah berhubungan dengan kejadian yang pernah dialami oleh masyarakat. Oleh itu, masyarakat disarankan untuk menggunakan idea dan pemikiran yang kritis bagi memperoleh makna sebenar dalam mengetahui pemikiran yang disampaikan oleh masyarakat dahulu kepada generasi kini.

4.5 Unsur Mitos yang Diilhamkan Menerusi Mimpi

Berdasarkan penelitian Sigmund Freud (2001) beliau menjelaskan bahawa mimpi merupakan satu bentuk pengalaman di luar kesedaran seseorang yang diperhatikan menerusi penglihatan, pendengaran, pemikiran, perasaan dan deria sebagainya sewaktu tidur. Dalam pada itu, kebiasaannya kejadian mimpi tidak digambarkan dalam dunia nyata. Akan tetapi, wujud juga mimpi yang dinyatakan oleh seseorang pemimpi dalam mimpinya yang jelas dirasakan dan beremosi ketika mereka bermimpi. Selanjutnya, penelitian oleh Tylor Edward Burnett (1965) menghuraikan berkenaan unsur mitos sememangnya wujud yang terjadi menerusi pengalaman manusia sebagaimana pengalaman yang tercetusnya dalam mimpi, dapatan idea menerusi khayalan dan kejadian yang menimbulkan persoalan dan juga berlaku kejadian aneh. Berdasarkan *Kamus Dewan* (2016), mimpi ditakrifkan

sebagai sesuatu yang muncul di dalam tidur. Sebagai tambahan, mimpi juga diklasifikasikan sebagai petunjuk yang didatangkan oleh Allah SWT kepada hambanya untuk menyampaikan mesej tertentu atau sekadar mainan tidur. Dengan demikian, jelaslah bahawa mimpi adalah satu bentuk peristiwa yang dialami oleh pemimpi ketika tidur yang boleh membawa kepada kesan emosi yang dicitrakan menerusi pengalaman manusia itu sendiri.

Unsur mitos yang dihubungkan oleh mimpi dapat diperhatikan menerusi penceritaan *Kain Sutera Cina*. Menerusi cerita *Kain Sutera Cina*, ia menceritakan mengenai dua orang sahabat yang diberi nama Hussin dan Hassan di mana kedua-duanya menetap di Pengkalan Datu. Pada suatu ketika mereka telah didatangi oleh pihak musuh sehingga menyebabkan mereka cedera parah akibat daripada serangan musuh. Akibat daripada peristiwa serangan itu telah mengakibatkan salah seorang daripada ahli keluarga Hassan cedera. Lantaran itu, kedua-dua orang sahabat itu telah bertekad untuk melewati hutan sebagai ikhtiar untuk mencari penawar. Hassan dan Hussin berasa letih sehingga menyebabkan mereka tertidur dan di dalam mimpi tersebut mereka menemui cara untuk mengubati kecederaan tersebut.

Petikan 48

“... renyai mula turun membasahi bumi. Setelah jauh perjalanan mereka meredah hutan, akhirnya hari semakin senja. Mereka pun bercadang untuk berehat di tepi sungai. Sehari berjalan meredah hutan, akibat kepenatan mereka akhirnya terlana bersandarkan sebatang pokok yang besar. Sedang lena dibuai mimpi Hassan telah didatangi oleh seorang puteri yang cantik memakai baju kebaya sutera berwarna ungu...”

“...di dalam mimpi itu, puteri yang jelita telah mengetahui niat hati mereka yang murni itu. Kata puteri itu, “Ambillah kain sutera ini kemudian balut di tempat luka yang dialami dan lihatlah lukanya akan sembuh dengan sendirinya tanpa merasa sakit.” Belum sempat Hassan ingin bertanya cara untuk menemukan kain tersebut, puteri itu telah berlalu. Ianya membuatkan Hassan terjaga dari mimpi dan mendapati bahawa kain tersebut berada di tangannya...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 11)

Kain Sutera Cina merupakan satu cerita mitos yang berhubung rapat dalam soal mimpi dimana watak Hassan telah menemui seorang puteri cantik di dalam mimpinya yang telah memberikannya selembar kain sutera bagi kegunaan untuk mengubati luka ahli keluarganya. Umumnya, alam mimpi dikatakan sebagai bentuk perantaraan yang melibatkan kehidupan manusia dan roh yang terdapat dalam tidur. Mimpi yang Hassan telah bermimpi di mana keadaan tersebut berlakunya peristiwa luar biasa dan kejadian mitos sebagai gambaran kesungguhan dan balasan atas niat baik seseorang. Dalam pada itu, segala kejadian yang menimpa diri Hassan merupakan petunjuk yang dikirimkan oleh Allah SWT kepada hamba-hamba yang dikehendaki-Nya. Oleh itu, pertolongan yang disampaikan oleh mimpi Hassan merupakan salah satu petunjuk Allah merahmati hamba-Nya.

Seterusnya, cerita *Mok Su Nab Tok Bomoh Ular* merupakan sebuah cerita yang mengandungi unsur mitos yang dikaitkan dengan mimpi. Diceritakan dalam riwayat bahawa kisah ini menggambarkan kehidupan akan seorang yang terkenal di dalam masyarakatnya iaitu Mok Su Nab. Selain itu, Mok Su Nab juga mempunyai gelarannya tersendiri iaitu tok bomoh ular oleh masyarakat. Segala kehebatan yang ada padanya adalah suatu warisan yang diturunkan oleh ayahnya menerusi mimpi. Suatu hari, Mok Su Nab didatangi oleh dua orang penduduk kampung di mana keadaan anaknya itu telah dipatuk ular semasa mereka keluar mencari rotan di hutan. Tanpa berfikir panjang, Mok Su Nab dengan segera mengambil batu geliga ular kemudian meletakkan batu itu di kaki yang dipatuk. Batu geliga itu mempunyai kebolehan iaitu dapat bergerak sendiri ketika ia diletakkan di kawasan yang terkena patukan ular itu dan tidak lama kemudian pemuda tersebut sembuh daripada lukanya.

Petikan 49

“...Mok Su Nab ini lebih dikenali sebagai tok bomoh ular oleh masyarakat setempat. Kebolehannya ini diwarisi oleh ayahnya yang dikatakan diperoleh melalui mimpi.

Dalam keluarganya hanya dia sahaja yang mampu untuk mewarisi kebolehan itu. Dikatakan oleh masyarakat setempat Mok Su Nab menggunakan batu geliga ular untuk merawat sesiapa yang dipatuk ular...”

“... Mok Su Nab memapah anak lelaki Senah itu ke dalam rumah untuk dirawat. Mok Su Nab telah mengambil batu geliga ular lalu diletakkan di kaki yang dipatuk itu. Batu geliga ular itu bergerak sendiri mengelilingi kawasan lebam dipatuk ular...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 71)

Cerita *Mok Su Nab Tok Bomoh Ular* merupakan satu cerita mitos yang berhubung rapat dalam soal mimpi dimana ia mengisahkan mengenai seorang tua yang bernama Mok Su Nab yang telah mewarisi kebolehan yang diperolehi oleh ayahnya di mana kebolehan tersebut terdapat menerusi mimpi. Hal ini menunjukkan bahawa kebolehan yang ada pada diri Mok Su Nab merupakan satu kebolehan yang diberikan oleh Allah SWT sebagai petunjuk dan juga digunakan sebagai ilmu kepada Mok Su Nab dan ayahnya bagi membantu penduduk kampung yang ditimpa kesusahan. Selain itu, kejadian yang ditonjolkan dalam cerita ini disifatkan sebagai mitos kerana terdapatnya kejadian luar biasa sepertimana peristiwa batu geliga ular yang mampu bergerak dengan sendirinya. Namun begitu, setiap mimpi yang didatangkan oleh seseorang merupakan ilham atau mainan tidur yang tidak jelas kesahihannya tetapi dengan mimpi juga memberikan satu petunjuk kepada seseorang akan petunjuk yang ingin disampaikan dalam dunia nyata.

Unsur mitos yang dihubungkan oleh mimpi dapat diperhatikan menerusi penceritaan *Jelmaan Saka Harimau*. Menerusi cerita *Jelmaan Saka Harimau*, ia menceritakan mengenai kehidupan sebuah keluarga iaitu Mok Joh dan Pok Din dan anaknya iaitu Mastura. Suatu hari ketika Mastura baru pulang dari kerja dan mendapatkan ibunya tetapi ibunya tidak berada di rumah. Semua kawasan rumah diperiksa oleh Mastura bagi mencari ibunya itu. Sampai satu ketika, semasa Mastura bersama Hasnah, mereka mendapati suara ibunya sedang memanggilnya tetapi kelibat ibunya tidak kelihatan. Perkara ini menjadikan tanda tanya dan melahirkan rasa kepelikan yang ada pada diri mereka ketika itu. Dengan

perasaan keliru akan peristiwa dialaminya menjadikan Mastura telah bertindak untuk bertemu dengan Tok Guru Che Mer Tajwid. Mastura memberitahu segala perkara yang terjadi kepadanya dan meminta bantuan daripada Tok Guru Che Mer Tajwid. Selepas mendengarkan peristiwa itu, Tok Guru Che Mer Tajwid telah membaca ayat-ayat al-Quran dan beliau mendapati bahawa Mok Joh sebenarnya seorang pengamal ilmu ghaib yang kuat dan sakanya adalah berwajah harimau. Peristiwa ini dilihat menerusi petikan berikut :-

Petikan 50

“...tidak seberapa lama kemudian, Mastura mendengar seseorang memanggilnya. “Mas, tidak mahu pulangkah. Hari sudah malam.” Suara itu menanyakannya. Setelah dia berpaling alangkah gembiranya melihat wajah ibunya.” “Ke mana ibu pergi?” Tanya Mastura kepada ibunya. “Ah! Kamu ini ada-ada sajalah. Bukankah ibu mencuci piring di dapur tadi.” Jawab Mok Joh. Hasnah dan Mastura berasa terkejut dengan jawapan Mok Joh itu namun didiamkan sahaja...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 53)

Cerita *Jelmaan Saka Harimau* merupakan satu cerita mitos yang berhubung rapat dalam soal mimpi dimana ia mengisahkan mengenai jelmaan yang berupa seorang perempuan telah muncul di hadapan Mastura dan Hasnah. Hal ini kerana, jelmaan yang berupa seorang perempuan itu mirip wajah ibu Mastura dan ia merupakan saka milik Mok Joh. Berdasarkan perspektif Islam, kejadian yang ditimpa oleh Mastura dan Hasnah adalah satu kejadian yang bersifat luar biasa kerana ia melibatkan makhluk ghaib saka yang menjalankan tugasnya dengan mengikut perintah tuannya. Bagi pewarisan saka ini dibentuk menerusi dua cara sama ada diterima secara rela atau saka itu sendiri memilih tuannya berdasarkan ilham daripada mimpi seseorang.

Sebagai rangkuman, penggunaan unsur mitos melalui mimpi juga dapat disesuaikan dengan pendekatan firasat. Hal ini kerana Pendekatan Firasat mempunyai fungsinya iaitu sebagai medium penceritaan sesebuah kejadian yang diselarikan dengan mimpi yang berperanan sebagai pengalaman hidup masyarakat Melayu yang memiliki makna kepada kehidupan bagi memperolehi pengertian sebenar atau tujuannya sebagai pencarian makna

mimpi (Hashim Awang, 2002). Seterusnya, dengan adanya kajian-kajian yang mengangkat cerita-cerita lisan yang banyak menyebut kepada unsur mitos daripada sudut mimpi mampu mewujudkan pelbagai tafsiran yang ditemui dalam kelompok masyarakat kini sama ada ia bersandarkan kepada kepercayaan mahupun diperhatikan menerusi perspektif Islam. Dengan demikian, masyarakat mampu memperoleh maklumat dan idea baru berdasarkan penulisan cerita-cerita lisan ini yang dapat membuka ruang fikiran mereka untuk mendalami makna mimpi yang dipamerkan dalam cerita rakyat Melayu.

4.6 Penutup

Kesimpulannya, didapati bahawa perbincangan berkaitan unsur mitos yang terdapat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini sememangnya memperlihatkan unsur mitos yang diamalkan oleh segelintir masyarakat disifatkan sebagai satu pembangunan keperibadian diri masyarakat dalam mendapati tentang asal usul permulaan bagi sesuatu bangsa. Selain itu, unsur mitos juga dilihat sebagai sandaran yang telah wujud dalam aktiviti masyarakat. Oleh hal yang demikian, unsur mitos ini turut disokong oleh ahli sarjana tidak kira di dalam mahupun luar negara kerana unsur mitos ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu ini sememangnya satu bangsa yang memiliki nilai kesopanan yang tinggi, tahap pemikiran dan juga pertuturan yang baik. Oleh itu, penggunaan unsur-unsur mitos yang terdapat dalam karya agung ini mampu dijadikan sebagai alat untuk mendidik masyarakat agar menjadi insan yang mementingkan kepada keperibadian tinggi, memberi pengajaran yang berguna dan dapat membentuk masyarakat bertamadun.

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Pada bahagian bab ini, pengkaji telah merumuskan keseluruhan analisis dan dapatan kajian yang diperolehi dalam bab empat. Kemudian, pengkaji akan menghuraikan beberapa implikasi atau kesan. Seterusnya, pengkaji akan menghuraikan cadangan yang dapat membantu pengkaji lain dalam menghasilkan kajian seperti ini. Setelah melaksanakan kajian secara terperinci mengenai unsur mitos dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*, pengkaji telah menjumpai beberapa unsur-unsur mitos yang telah diamalkan oleh masyarakat sejak dahulu. Hal ini kerana, masyarakat dahulu menjalankan kehidupan mereka dengan adanya kaitan dengan ajaran yang bertentangan dengan agama Islam seperti khurafat, mistik dan melibatkan kepercayaan yang wujud dalam diri seterusnya dikembangkan ke generasi ke generasi bagi meneruskan ketamadunan ini pada masa akan datang. Lantaran daripada itu, pengkaji telah memperincikan beberapa unsur mitos yang bertepatan dengan kajian iaitu menerusi unsur mitos yang dibentuk daripada fenomena alam, unsur mitos melalui lambang, unsur mitos berdasarkan kejadian misteri dan unsur mitos yang diilhamkan menerusi mimpi.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.2 Rumusan

Rumusan kajian menumpukan terhadap pengkajian unsur mitos yang terdapat dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Selain itu, kajian berdasarkan permasalahan yang terdapat dalam naratif lisan di Kelantan yang masih kurangnya perhatian oleh sebilangan para penyelidik. Dengan demikian, kajian terhadap teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* sangat sesuai dilaksanakan untuk menegaskan kepada masyarakat akan kepentingan pengumpulan dan pendokumentasian naratif lisan yang bersifat pendidikan ini. Selain itu, naratif lisan yang terdapat dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* sarat dengan nilai murni dan penemuan terhadap unsur mitos dapat mewujudkan sikap dan sahsiah diri yang baik dalam diri masyarakat. Dengan demikian, sesuatu naratif lisan dapat dikembangkan serta dapat dibuktikan dalam kajian seperti naratif lisan di negeri Kelantan. Oleh itu, pendidikan mengenai naratif lisan amatlah wajar diberikan perhatian yang berkembang dalam kalangan penyelidik di negara ini dengan tujuan bagi memastikan khazanah kesusasteraan rakyat Melayu dapat dipelihara pada masa kelak.

Di samping itu, kajian dilaksanakan bertepatan dengan pendekatan-pendekatan yang diaplikasikan pengkaji iaitu Teori Pengkaedahan Melayu (1989) oleh Hashim Awang. Hal ini kerana, pendekatan yang diterapkan dalam tugas ini adalah berdasarkan Pendekatan Firasat. Pendekatan yang dipilih dilihat bertepatan dengan unsur mitos. Teori Pengkaedahan Melayu ini diwujudkan berdasarkan idea yang jelas bagi menghuraikan kajian unsur mitos dalam penulisan karya naratif lisan Melayu. Hal ini menunjukkan pendekatan yang diciptakan oleh teori ini memberi keutamaan kepada unsur luar biasa sebagai tunjang utama dalam pemikiran masyarakat Melayu. Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu ini menjadi gagasan iaitu memberikan penekanan utama iaitu unsur

mitos, unsur nilai murni dan nilai pengajaran kepada masyarakat Melayu. Aspek ini juga menghubungkan antara kehidupan dan keagamaan yang selari dengan pegangan asas dalam masyarakat Melayu. Maka, jelaslah pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu sememangnya membantu pengkaji dalam meneguhkan dapatan kajian ini seterusnya membuka jalinan kepada unsur mitos yang telah lama wujud yang bertepatan dengan pemikiran masyarakat Melayu.

Oleh demikian, pengkaji telah menimbulkan persoalan di fikiran tentang secara mendalam akan naratif lisan yang memainkan peranan untuk menerangkan tentang kedua-dua jalinan sebagaimana landasan gagasan idea yang terdapat dalam pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. Sungguhpun demikian, kajian berkenaan naratif lisan dilaksanakan bagi memperoleh beberapa penemuan yang penting terhadap unsur mitos yang diterapkan. Sebagai contoh, unsur luar biasa yang diamati merangkumi unsur mitos seperti unsur alam, lambang, misteri dan mimpi. Maka, jelaslah bahawa unsur mitos yang dibincangkan adalah seiring dengan pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu.

Dalam pada itu, unsur mitos yang dijumpai dalam kajian adalah berlandaskan kisah yang dipaparkan dalam teks *Seuntaihan Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Terdapat beberapa aspek yang diambil menerusi unsur mitos ini sebagaimana yang diilhamkan oleh tukang cerita. Secara tidak langsung aspek tersurat dan tersirat yang padat dengan nilai-nilai murni serta pengajaran dapat ditonjolkan dalam kajian ini. Seterusnya, penghuraian terhadap sesuatu watak dan kisah yang ada naratif lisan dapat dijelaskan dengan sebaiknya untuk kegunaan penyampaian mesej yang berkesan kepada pembaca. Selain itu, unsur mitos dalam naratif lisan secara tidak langsung dapat memupuk kebudayaan masyarakat Melayu. Impak yang diperoleh daripada unsur mitos ini adalah mampu mewujudkan keperibadian yang baik seterusnya berkesan kepada masyarakat

Melayu sepertimana ia mampu membentuk keperibadian yang positif dalam kalangan masyarakat.

Seterusnya, kejayaan dalam menghasilkan kajian penyelidikan ini difikirkan sangat penting kepada masyarakat Melayu. Hal ini kerana, penerapan unsur mitos kepada masyarakat Melayu yang terdapat dalam naratif lisan membenarkan pembaca menilai akan keunggulan keperibadian bangsa Melayu terdahulu. Seterusnya dengan penerapan ini juga mampu membentuk perbandingan perubahan cara kehidupan oleh sesebuah masyarakat pada hari ini. Naratif lisan juga berupaya membawa pembaca untuk menyelami lebih mendalam akan kesusasteraan bangsa sepertimana pertubuhan falsafah, pembentukan pemikiran dan melambangkan jati diri masyarakat Melayu itu tersendiri. Dengan demikian, jelaslah kajian tentang naratif lisan mampu membawa masyarakat Melayu untuk lebih mengetahui akan kesusasteraan warisan negara kita.

Seterusnya, kajian naratif lisan juga penting dalam Kementerian. Hal ini demikian kerana, ia diperlukan bagi melengkapkan bentuk pendidikan dan pengajaran dalam semua peringkat. Pihak Kementerian perlu memberi penekanan terhadap aspek mitos bagi memanasikan pemikiran dan falsafah kesusasteraan yang berguna dalam diri masyarakat. Berdasarkan aspek-aspek yang dijelaskan, naratif lisan dapat juga dijadikan garis panduan bagi mendidik generasi zaman kini untuk melahirkan insan yang berfikiran kritis. Seterusnya dengan ada penggarapan unsur mitos, ia juga dapat membentuk satu pemikiran yang matang. Dalam pada itu konsep yang berdasarkan nilai-nilai murni dapat dijumpai dalam medium pendidikan dan pengajaran sebagai satu langkah bagi membentuk masyarakat yang berimaginasi tinggi dan berfikiran kreatif serta kritis.

Implikasi merupakan satu penelitian yang penting dalam bidang kesusasteraan rakyat. Selain itu, pengkajian seperti ini dapat mengangkat kedudukan karya kesusasteraan rakyat terutamanya dalam genre prosa tradisional iaitu naratif lisan. Penelitian ini juga

mampu menjadikan naratif lisan sebagai satu hasil kesusasteraan rakyat yang mengangkat ciri dan keistimewaan. Dengan demikian, segala keistimewaan yang tergambar daripada makna tersurat atau tersirat mampu membuka minda masyarakat dalam menilai naratif lisan itu sendiri. Oleh itu, setiap daripada kita perlulah membuat perubahan pada karya seperti ini bagi meneruskan warisannya. Naratif lisan ini akan diteruskan menjadi tradisi supaya dapat ditatap oleh generasi akan datang dan dapat digunakan sebagai bahan rujukan dan kajian oleh penyelidik.

Seterusnya, penyelidikan seperti ini dijadikan sebagai sumber sekunder kepada masyarakat Melayu kerana ketinggian ilmu yang wujud dalam ketamadunan Melayu. Dapat dilihat juga unsur mitos dalam naratif lisan kian dilupakan oleh sebahagian masyarakat hari ini. Menerusi penyelidikan ini, unsur mitos dan luar biasa dapat dirungkaikan dalam naratif lisan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu tradisional. Selain itu, naratif lisan ini mampu membentuk keperibadian masyarakat Melayu dan juga terjadinya kemunculan teladan dalam naratif lisan. Oleh itu, naratif lisan sangat wajar diberikan perhatian khususnya kepada golongan remaja kerana remaja hari ini masih baru dan dalam proses membentuk identiti dan jati diri. Dalam penyelidikan ini juga membuktikan naratif lisan sebagai satu genre kesusasteraan rakyat yang menggarap kehidupan orang Melayu yang memiliki perbezaan daripada karya-karya sastera yang lain.

Penelitian ini juga penting kepada pengkritik dan penganalisis bagi sesebuah karya kesusasteraan Melayu terutamanya dalam naratif lisan. Hal ini kerana, para penyelidik dan pengkritik sering menggunakan penelitian seperti ini sebagai bahan utama dan dijadikan sebagai satu langkah bagi penciptaan banyak tentang kritikan terhadap kesusasteraan rakyat yang wujud dalam naratif lisan. Dengan adanya kritikan oleh para sarjana dan penyelidik, menjadikan kajian yang dilaksanakan dapat memperoleh pembaharuan akan

hasil-hasil sastera rakyat terutamanya naratif lisan. Oleh itu, ilmu kesusasteraan Melayu akan dapat diperluaskan dengan lebih mendalam kepada masyarakat.

Sehubungan itu, kajian yang dilaksanakan ini penting kepada diri pengkaji sendiri. Hal ini kerana, setiap unsur mitos perlu dinilai dan diteliti oleh pengkaji sendiri berdasarkan naratif lisan. Oleh itu, pengkaji mampu menyelidik unsur mitos dan juga berkait dengan perkara luar biasa dengan lebih terperinci untuk dijadikan sebagai identiti masyarakat Melayu yang tulen. Dalam pada itu, konteks naratif lisan bertujuan sebagai medium untuk memperlihatkan kehebatan bangsa Melayu berdasarkan penceritaan unsur mitos. Maka, kajian ini secara jelas membantu masyarakat Melayu untuk mendalami tentang pemikiran masyarakat dan amalan mulia oleh masyarakat Melayu itu sendiri. Pengkajian ini juga mampu menambahkan pengetahuan pengkaji akan segala perkara yang berkait dengan unsur mitos. Bahkan, dengan membuat kajian mengenai unsur-unsur mitos ini dapat mengangkat kembali naratif lisan yang dahulu kurang diberikan penekanan. Dengan demikian, secara tidak langsung pemikiran pengkaji akan unsur-unsur mitos dapat diperluaskan dan dapat mencantikkan lagi hasil penulisan yang sarat dengan nilai pengajaran yang bersesuaian sebagai satu medium pendidikan menerusi teladan kepada khalayak.

Naratif lisan dapat dijadikan sebagai medium pengajaran dalam membentuk keperibadian mulia dalam diri generasi muda. Hal ini kerana, peranan ibu bapa serta masyarakat sekeliling adalah untuk memberi didikan yang baik dalam setiap pergaulan dan pertuturan generasi muda yang diperolehi daripada orang sekeliling. Contohnya, generasi muda dapat menggunakan tutur kata yang sopan serta beradab mulia oleh didikan yang diperolehi oleh ibu bapa menjadikan generasi muda dapat berkomunikasi dengan baik di khalayak ramai. Perkara ini secara tidak langsung, generasi muda mudah untuk menerima sebarang ilmu yang diperolehi dan membentuk keperibadian akhlak yang mulia berdasarkan

didikan dan bimbingan positif yang menyokong mereka untuk menjadi insan yang lebih baik dari sudut sahsiah diri dalam sesebuah kelompok masyarakat.

Berikutnya, naratif lisan juga dijadikan sebagai medium untuk berkomunikasi dengan lebih baik antara sesama manusia yang tidak membezakan oleh faktor usia. Hal ini kerana, kemahiran dan komunikasi yang wujud menerusi penceritaan oleh masyarakat kepada generasi muda akan cerita-cerita rakyat. Seterusnya, penerapan tutur kata yang baik akan mudah diterima dalam jiwa generasi muda sebagai satu bentuk pengajaran yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat. Oleh yang demikian, tingkah laku, pergaulan serta tutur kata yang baik akan terbiasa dilakukan oleh generasi muda kepada masyarakat sekelilingnya bagi mengelakkan perkara buruk yang berlaku dalam cerita-cerita rakyat sepertimana ia menjadi satu realiti dalam kehidupan sekarang.

Lanjutan daripada itu, naratif lisan dilihat fleksibel kerana mampu memenuhi keperluan mengikut perkembangan semasa. Hal ini kerana, naratif lisan memiliki versi yang pelbagai yang dibuat oleh pencerita berkenaan cerita-cerita rakyat. Berdasarkan kemajuan teknologi yang digunakan pada masa kini, ia sedikit sebanyak telah menghilangkan naratif lisan Melayu yang akan memberi kesan kepada generasi muda. Hal ini disebabkan oleh, ramai generasi muda masa kini sudah kurang minat mendengar tentang cerita-cerita rakyat yang telah berlaku suatu ketika dahulu. Impaknya, tukang cerita telah mencari idea bagi mempelbagaikan cara penyampaian cerita-cerita rakyat kepada generasi muda. Contohnya, dengan cara berintonasi dalam bentuk puisi tradisional dan syair bagi memperkukuhkan lagi cerita-cerita rakyat kepada generasi muda agar dapat dijadikan sebagai kisah tauladan yang harus dipelihara.

Akhir sekali, naratif lisan juga memiliki sejarah lampau yang berlaku terhadap masyarakat Melayu terdahulu dan tidak mampu diungkapkan kepada masyarakat pada hari ini. Terdapat tokoh-tokoh yang memiliki hubungan dengan penubuhan masyarakat Melayu yang diwujudkan oleh sejarah masyarakat pada ketika itu. Contohnya, kewujudan tokoh-tokoh yang terkemuka daripada penempatan masyarakat pada zaman dahulu seperti watak Raja Sakti, watak Puteri Saadong dan sebagainya. Dengan demikian, impak yang berlaku dalam naratif lisan ini adalah bertindak sebagai medium perantaraan masyarakat bagi memfokuskan kepada tokoh-tokoh terkemuka yang wujud pada masa lampau untuk diamati serta direnungkan kepada generasi pada masa kini.

5.3 Cadangan

Pengkaji telah mencadangkan beberapa perkara berdasarkan analisis dan dapatan kajian yang telah dicapai semasa melaksanakan kajian ini. Hal ini kerana, pengkaji berpendapat bahawa unsur-unsur mitos yang dikemukakan adalah bertujuan bagi melahirkan masyarakat yang berfikiran kritis dan kreatif seterusnya dapat membentuk keperibadian yang luhur dalam diri masyarakat Melayu. Oleh itu, pengkaji telah menemukan beberapa cadangan yang bersesuaian kepada generasi muda. Pengkaji telah mencadangkan beberapa perkara. Antara cadangan bagi memelihara mitos ini dengan cara menjadikan mitos sebagai medium pembentukan akhlak. Pembentukan sastera dalam naratif lisan bukan sahaja menjadi alat untuk penyampaian maklumat dan alat hiburan dalam kalangan masyarakat Melayu sama ada zaman dahulu dan kini. Bahkan naratif lisan juga boleh membentuk satu medium bagi menyampaikan kritikan dalam pembentukan akhlak dan pemikiran masyarakat. Hal ini disebabkan oleh, masyarakat Melayu zaman dahulu tidak memberi teguran secara terang terangan. Malah perkara ini bertambah serius apabila teguran yang disampaikan oleh masyarakat Melayu dalam bentuk sindiran tidak dirasakan dan tidak dihayati kepada individu yang ingin ditegur. Oleh hal yang demikian,

naratif lisan sepatutnya diterapkan serta dipraktikkan dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah lagi supaya pendidikan berkaitan naratif lisan ini dapat disematkan dalam diri masyarakat agar lebih mengenali dan mengetahui tentang kepentingan, keistimewaan dan ketinggian adab oleh orang-orang Melayu. Jadi, jelaslah bahawa genre sastera yang wujud dalam naratif lisan ini wajar disematkan dalam diri setiap masyarakat bagi membentuk satu jati diri yang baik di samping dapat membentuk identiti masyarakat bagi meluaskan lagi pengetahuan, beradab dan berakhlak terpuji dalam kalangan masyarakat. Dengan naratif lisan, ia juga dapat diterima oleh masyarakat kerana pemikiran yang ingin disampaikan adalah bersifat hiburan dan juga unsur-unsur pendidikan dan kritikan akan diselitkan sekali dalam diri masyarakat. Cadangan seterusnya adalah membukukan karya-karya naratif lisan di Malaysia untuk mengekalkan unsur mitos. Bagi menjamin pengekalannya naratif lisan ini bertahan lebih lama, karya kesusasteraan rakyat seharusnya dibukukan dengan memasukkan cerita-cerita rakyat yang mengandungi unsur mitos, alam ghaib mahupun kejadian aneh. Menerusi cadangan ini, para sarjana boleh melakukan kajian dan kritikan ke atas karya naratif lisan dengan mudah kerana karya-karya yang berkaitan unsur mitos diterbitkan oleh syarikat pembukuan. Selain itu, dengan cadangan ini juga memudahkan pengkaji dalam mengkaji lebih mendalam tentang maksud tersurat dan tersirat yang wujud dalam naratif lisan yang ingin disampaikan kepada khalayak. Dalam pada itu, seandainya pihak yang berwajib kurang memberi perhatian terhadap naratif lisan ini, ia sudah semestinya memberi masalah kepada pengkaji-pengkaji lain untuk mendapatkan sumber rujukan bagi kajian yang dilaksanakan mereka. Oleh itu, naratif lisan seperti ini perlu dibukukan di negara kita agar kajian dapat dilaksanakan oleh sarjana tempatan dan sarjana dari luar negara agar keunikan dan kehebatan naratif lisan masyarakat Melayu dapat diperluaskan lagi di serata dunia.

5.4 Penutup

Sebagai kesimpulan, hasil daripada kajian ini dilaksanakan adalah untuk menjawab dua objektif kajian yang diperolehi menerusi analisis dan perbincangan. Terdapat beberapa unsur mitos telah didapati dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Selain itu, kajian ini membuktikan bahawa naratif lisan adalah satu bentuk penceritaan yang banyak memberi manfaat kepada diri pengkaji. Hal ini kerana, di dalam naratif lisan tersebut sarat dengan pemikiran dan penyampaian berkaitan unsur mitos yang dijumpai secara tersurat seterusnya memiliki makna yang tersirat sepertimana yang telah diceritakan oleh tukang cerita. Dengan itu, kajian dapat dihasilkan dengan baik kerana analisis yang dilakukan berdasarkan objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Secara tidak langsung, dengan naratif lisan ini membuktikan bahawa teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini sememangnya sangat kaya dengan pemikiran yang wujud dalam kebudayaan masyarakat Melayu zaman dahulu yang banyak berkait rapat dengan unsur mitos.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan. (1974). *The Morphology of Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (1993). *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia* (Edisi Keempat). Pulau Pinang. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdullah Rahim & Nurul Safiah. (2020). Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language and Applied Linguistics (IJLEAL)*, (7), 47-63.
- Abdullah Siddik. (1975). *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ali Ahmad. (1987). *Karya-Karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aripin Said. (1996). *Prosa Warisan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmiaty Amat, Lokman Abdul Samad & Dayang Uziah Harapan. (2019). Pengaruh Budaya Dalam Antuka Masyarakat Iranun di Daerah Kota Belud. *Jurnal Komunikasi Borneo*, (7).
- Asniza Zakaria. (2019). Mahsuri Dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah Dan Motif Darah Putih. *Jurnal IPDA*, 26(1), 203-211.
- Bernard, B & Steiner G., A. (1964). *Human Behaviour. An Inventory of Scientific Findings*. New York: Harcourt, Brace & World.
- Carl Gustav Jung. (2003). *The Spirit in Man, Art and Literature*. London: Routledge.
- Charles H. Long. (1963). *Alpha: The Myth of Creation*. New York: George Braziller.
- Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 328-342.
- Cheng Jia Min & Low Kok On. (2019). Asal Usul, Pengolahan dan Simbol Ragam Gerak Sumanggak Etnik Tombonuo. *Journal of International Standard Serial Number*, (30), 47-78.
- Chong Ah Fok. (2018). Prinsip dan Konsep Teori Moral Alamiah Dalam Novel SA.B.A. *Journal of Malay Literature*, 31(2), 311-331.
- Clarice Gallus & Low Kok On. (2016). Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 6, 27-54.
- Danandjaja, James. (2007). *Folklor Indonesia. Ilmu Gosip, Dongeng, Dan Lain-Lain*. Jakarta: Grafiti Press.
- Danandjaja, James. (1986). *Folklor Indonesia, Ilmu Gosip, Dongeng Dan Lain-Lain*. Jakarta: Grafiti Press.

- Fadzil Yusoff. (2017). *Pemaknaan Kosmologi Biotik Dalam Kumpulan Puisi Salasilah Karya Zurinah Hassan Dari Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Faez Huzaini Ramleh & Humin Juslin. (2018). Unsur Spiritual Dalam Karya Catan Pelukis Sabah Sabrina Majuakim. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, (2), 256-273.
- Fifi Rinyuk. (2017). *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian*. Doctoral Dissertation, Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Florina Jumil & Norjietta Julita Taisin. (2017). Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun. *Journal of Malay Language, Education and Literature (PENDETA)*, (8), 36-46.
- Gorys Keraf. (2000). *Komposisi: Sebuah Penghantar Kemahiran Bahasa*. Ende Flores: Nusa Indah Ltd.
- Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd. (2020). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(4), 1-11.
- Haji Muhammad Saidin. (1995). *Budaya Melayu*. Pulau Pinang: Sinaran.
- Haji Muhammad Saidin. (1964). *Budaya Melayu*. Pulau Pinang: Sinaran.
- Harsojo. (1988). *Pengantar Antropologi*. Bandung: Bina Cipta Press.
- Harsojo. (1998). *Pengantar Antropologi: Bandung*. Bandung: Bina Cipta Press.
- Hashim Awang & Hashim Ismail. (2016). Minda Pengarang Melayu: Melestarikan Hubungan antara Budaya Melayu-Jawa dalam Sulalatus as-Salatin. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (MANU)*, 23 (1), 1-20.
- Hashim Awang. (1985). *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Hashim Awang. (1989). *Kajian Sastera: Suatu Pendekatan Melayu*. Dewan Sastera Disember: 60-63.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya*. Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu. Rivera Bay Resort, 20-23 Jun.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya*. Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jun: 28-29.
- Hashim Awang. (1985). *Glosari Mini Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Hashim Awang. (1994). *Metodologi Kesusasteraan Islam: Kaedah Penilaian*. Dewan Sastera, Februari, 10-15.
- Hashim Awang. (1999). *Teori Sastera Sendiri: Pengkaedahan Melayu*. Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Hashim Awang. (1999). *Teori Sastera Sendiri: Pengkaedahan Melayu*. Kertas Kerja Dibentangkan Pada Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri, Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, di Hotel the Summit USJ 1, 6-8 Disember.
- Hashim Awang. (1999). *Teori Sastera Sendiri. Pengkaedahan Melayu*. Kertas kerja dalam Kolokium Membina Sastera Sendiri Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 6-8 Disember 1999.
- Hashim Awang. (1993). *Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air*. Dewan Sastera. Februari: 52-57.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya*. Kertas Kerja Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, Riviera Bay Resort, Melaka.
- Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali @ Zalay. (2020). Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Si Luncai Dalam Karya Seni Cetakan. *Ideology Journal*, 5(1), 17-29.
- Hooykaas, C. (1952). *Penjedar Sastra. Terj. Ramoel Amar gelar Datuk Besar*. Jakarta: J.B Wolters.
- Hooykaas. (1965). *Penyedar Sastera*. London: London Oxford University Press.
- Hovland, C., Janis, I. & Kelly, H. (1953). *Communication and Persuasion: Phychological Studies of Opinion Change*. Connecticut: Greenword Press
- Hutomo, Suripan Sadi. (1991). *Mutiara Yang Terlupakan: Pengantar Studi Sastra Lisan*. Surabaya: HISKI Jawa Timur.
- Ishak Saat. (2006). *Sejarah Sosiobudaya Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia.
- I Woyan Koyan. (2014). Metodologi Penelitian Kualitatif. *UNDIKSHA Singaraja*.
- Jacquelina Karimon & Shaiful Bahri Mohd Radzi. (2021). Mitos Asal Usul Kosmologi Murut Paluan Dan Kadazandusun: Satu Perbandingan. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 7 (1).
- Jacquelina Karimon & Shaiful Bahri Mohd Radzi. (2021). Merungkai Rahsia Mistik Kehidupan Etnik Murut Paluan dalam Mitos Tumbuhan. *International Journal of The Malay World and Civilisation*. 14 (2).
- Jamal Rizal Razali, Jamilah Bebe Mohamad, Anis Nabilla Ahmad, Hasmadi Hassan & Imaduddin Abidin. (2021). Langit, Gunung dan Cinta Pun Bersemi Di Kaki Benom. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*. 10 (3), 1-17.
- Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid. (2021). Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah: Heroism Values in Selected Tangon of Kimaragang Community in Sabah. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (MANU)*, 32 (1), 175-201.
- James Danandjaja. (2007). *Folklor Indonesia, Ilmu Gosip, Dongeng Dan Lain-Lain*. Jakarta Pustaka Utama Grafiti.

- James Patrick Chaplin. (1975). *A Dictionary of Psychology*. New York: A Laurel Edition.
- Johari Yahaya. (2015). *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sastera, Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Joseph Julian. (1996). *Sociology: Understanding Social Behaviour*. Mc Graw Hill: London.
- Jurna Petri. (2018). Akulturasi Nilai-Nilai Budaya Lokal Dan Keagamaan Dan Pengaruhnya Terhadap Perilaku-Perilaku Sosial. *Jurnal Kajian Keislaman dan Kemasyarakatan*. 3 (2), 87-92.
- Kamus Dewan* Edisi Keempat. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan* Edisi Keempat. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahyuddin K. M. Nasution. (2017). *Merancang Pernyataan Masalah*. Universitas Sumatera Utara: Fakultas Ilmu Komputer Dan Teknologi Informasi (Fasilkom-TI).
- M.B Hooker & Harun Daud. (1992). *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara (Terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M.B Hooker & Harun Daud. (1989). *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara (Terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maizura Osman & Nor Hasimah Jalaluddin. (2020). Pengesahan Mitos Kegagahan Badang Melalui Metafora: Analisis Teori Relevans, *Jurnal Bahasa*. (20)1.
- Mansur Tanra, Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad. (2019). Pemmali Dalam Masyarakat Bugis Di Pantai Timur Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo*. 7 (1).
- Maurice N. Richer. (1987). *Exploring Sociology*. Peacock Publishers: New York
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohammad Sharifuddin Yusop. (2015). Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal of Language, Education and Applied Linguistic (PENDETA)*. 3 (2), 91-100.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2016). Unsur Amanat dan Impak Lirik Dikir Barat Halim Yazid. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 4 67-80.
- Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Di Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*. 4 (2), 45-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2015). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni. *Journal of Business and Social Development*. 2 (2), 74-85.

- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*. 4 (2), 45-47.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (Teniat)*. 5 (2), 94-107.
- Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara Oleh Aripin Said & Othman Puteh. *Journal of Business and Social Development*. 5 (2), 67-74.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Apani. (2017). Cerminan Moral Positif Dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (PENDETA)*. 35-44.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan (UMK).
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2018). Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu. *Interantional Journal of Creative Future and Heritage (Teniat)*. 6 (1) 117-134.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Universiti Malaysia Kelantan: UMK Press.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*. 16 (2), 1-12.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang. *Jurnal Pertanian MAHAWANGSA*. 8 (1).
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriatini Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari & Nasirin Abdillah. (2022). Kajian Mengenai Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu di Kelantan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 10 (1).
- Mohammad Fazeli Jaafar. (2016). Gaya Ujaran Dalam Teks Kesusasteraan Melayu. *Jurnal Komunikasi*. 32 (2), 341-36.
- Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid & Samsilah Roslan. (2015). Penghayatan Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini. *Jurnal Pembangunan Sosial*. 18, 1-20.
- Mohamad Luthfil Abdul Rahman. (2015). Awang Batil dan Pura Taman iaitu Suatu Perbandingan Tradisi Penglipur Lara Melayu dan Orang Asli. *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*. 5 (1), 49-64.
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi. (2005). *Peradaban Melayu*. Penerbit UTM Skudai: Johor

- Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor. (2021). Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak. *Jurnal Sains Insani*. 1 (1), 91-98.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintang & Nor Asiah Muhamad. (2017). Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 5 (4), 26-30.
- Moorman. (1993). Faktor Yang Mempengaruhi Kepercayaan Dalam Hubungan Penyelidikan. *Journal Marketing*. 57 (1), 81-10.
- Mohd Saberi Muda. (2017). Puisi Ke Teater: Transformasi Karya Marzuki Ali. *Jurnal Melayu*. 16 (1).
- Mohd Taib Osman. (1976). *Pendokumentasian Sastera Rakyat Dan Sastera Daerah Malaysia*. Dewan Sastera. 7: 39-41.
- Mohd Taib Osman. (1991). *Pengkajian Sastera Lisan Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun & Mohamad Rodzi Abd Razak. (2021). Masyarakat Orang Asli Jakun Di Rompin, Pahang: Kajian Terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan. *Malaysian Journal of Society and Space*. 17 (2), 355-365.
- Muhammad Azrul Deraman. (2015). *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Rakyat Hasil Koleksi Zakaria Hitam*. UMKIR.
- Muhammad Haji Salleh. (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (1976). *Kelangsungan Kebudayaan Dan Arah Perkembangan*. Dewan Bahasa, 20 (9), 90-102.
- Muhammad Izzat Farhan Mohamad. (2021). Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan (Doctoral Dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*. 8 (2).
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-Nilai Islam Dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*. 12 (1), 11-25.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu Iaitu Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak. *Jurnal Melayu*. 20 (1), 79-92.

- Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Faktor dan Kesan Muntab Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah. *Jurnal Melayu*. 19 (2), 189-204.
- Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin. (2021). Dokumentasi Tradisi Lisan Dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu di Sarawak Untuk Persembahan Teater. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*. 2 (2), 34-41.
- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet. (2021). Naratif Puteri Santubong Dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik. *Journal of Issues in Language Studies*. 10 (1), 1.
- Muhammad Zuber Bin Ismail & Mohamad Mokhtar Bin Abu Hassan. (2017). Prinsip Perancangan Dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda. *Journal of Business and Social Development*. 5 (1), 123-139.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin. (2019). Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda: Child Education Through Surah Luqman in Ayananda Novel: *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (Ppib)*, 103-129.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin. (2019). Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu. *Malay Literature*, 32(1), 116-144.
- Nazri Atoh, Saipolbarin Ramli, Zamri Ariffin & Zubir Idris. (2020). Konsep Puisi Tradisional Antara Kesusasteraan Arab Dengan Kesusasteraan Melayu. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*. 1 (1), 1-15.
- Nik Noorafifah Binti Roziman & Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2020). Struktur Dramatik Tangan-Tangan Yang Tinggal Oleh Siti Jasmina Ibrahim. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(1), 1-16.
- Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah. (2021). Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. (9), 1.
- Noraini Abd. Shukor. (2016). Padi Dan Air Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat. Tesis Sarjana Muda Pengajian, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noraini Abd. Shukor. (2016). Padi Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu. *Jurnal Melayu*. 15 (1).
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun & Farra Humaira Mohd. (2019). Unsur Mitos Berdasarkan Teks Melayu Tradisional. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(6), 78-87.
- Noriah Taslim. (1986). *Asas-Asas Pembinaan Epik: Satu Pendekatan Berdasarkan Hikayat Hang Tuah dan Hikayat Amir Hamzah (Siri Edisi Awal)*. Universiti Sains Malaysia: Pusat Pengajian Ilmu dan Kemanusiaan.
- Noriah Taslim. (1993). *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Norlizawati Md. Nor, Jelani Harun & Mohamad Luthfi Abdul Rahman. (2017). Shamsu'l Bharain Sebagai Wira Lagenda di Beruas, Perak. *International Journal of the Malay Letter*, (5), 193-212.
- Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah. (2019). Pemikiran Islam dalam Konteks Sosioekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani. *Jurnal Pengajian Melayu*, 31(1).
- Normadiah Nassir, Low Kok On, Ismail Ibrahim & Supyan Hussin. (2017). Unsur Kepercayaan dan Kearifan Tempatan Dalam Memorat Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol di Sabah. *Jurnal Kemanusiaan*, 24(2), 59-88.
- Norzatul Iqma & Mohd Nor. (2020). Nilai Kemelayuan Dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*.
- Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet. (2020). Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal (Apj)*, 3(2), 147-160.
- Nur Shahirah Othman. (2020). Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*.
- Nur Suhada Binti Md Arifin & Kamariah Binti Kamarudin. (2017). Personaliti Islam Menurut Perspektif Al-Ghazali dalam Novel Tuhan Lebih Sainifik karya Farhan Hadi. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (MANU)*, 25(1), 1-21.
- Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris. (2018). Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks Dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(2), 1-15.
- Nurul Safiah Ab. Rahim. (2020). *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).
- Nur Safiah Mohmad Zakir. (2020). *Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih Dalam Seuntai Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan UMK).
- Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2021). Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*.
- Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris. (2020). Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Melayu*, 19(2) 287-305.
- Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2020). Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 49-59.
- Othman Puteh & Aripin Said. (2013). *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributions Sdn. Bhd.

- Pg Haji Yakub Pg Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2018). Sajak-Sajak Badaruddin H.O Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 29(1), 156-180.
- Qurratul 'Ain Abdul Rahim & Mawar Safei. (2018). Introspeksi Puisi 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(4), 1-15.
- Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar. (2020). Perspektif "Melayu Malas Dan Melayu Bodoh" Oleh Barat Serta Kebenarannya Berdasarkan Cerita Jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(3), 71-82.
- Reusch, W. H. (1957). *Conformational Effects in Some 1-keto-hydrophenanthrenes* (Doctoral Dissertation, Columbia University).
- Rosfaliza Abdul Rahman & Abdul Razif Zaini. (2016). Pembangunan Dan Cabaran Diaspora Citra Bangsa (Local Genius): Kajian Etnomologi Lagenda Mahsuri, Langkawi. *Journal of Malay Language, Education and Literature (PENDETA)*.
- Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven. (2016). Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. *Jurnal Kesidang*, 1(1), 20-49.
- Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa. (2019). Daripada Cetak Kepada Digital: Rekontruksi Cerita Rakyat di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 291-319.
- Rusniyati Mahiyaddin, Norazimah Zakaria & Siti Nor Amira Baharuddin. (2016). Cerita Mitos Dalam Dua Dunia. *Jurnal Peradaban Melayu*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Fakulti Bahasa dan Komunikasi.
- Ryan Neil Joseph. (1962). *The Cultural Background of the People of Malaya*. Kuala Lumpur: Longman of Malaya.
- Samsudin A. Rahim. (2001). Media Dan Identiti Budaya: Membangunkan Industri Kandungan Tempatan Yang Berdaya Tahan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* (17), 67-80.
- Sigmund Freud. (1989). *Pembelajaran dan Pengenalan Kepada Psycho-Analysis*: New York: Liveright Publishing Corporation.
- Sigmund Freud. (2001). *Dream Psychology, Psychoanalysis for Beginners*. New York: The James A. McCann Company.
- Sigmund Freud. (2015). *Yang Tidak Sedarkan Diri*. London: Penguin Books Ltd.
- Sisyono, Eko Widodo. (2008). *Foklor Jawa di Daerah Aliran Sungai Bengawan Solo dan Sumbangannya Terhadap Pelestarian Lingkungan*. Jakarta: Perpustakaan Nasional RI.
- Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2021). Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu. *Pendeta Journal of Malays Language, Education and Literature*, 12(2), 67-79.
- Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud. (2019). Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-kanak. *Jurnal Fakulti Bahasa dan Pendidikan KUIM*, 4(1), 77-89.

- Siti Hawa Salleh. (1986). *Implementing A New Curriculum for Primary Schools: A case study for Malaysia*. Unpublished Thesis, University of London.
- Siti Hawa Salleh. (1994). *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas: Sejarah Pengkajian Dan Sifatnya*.
- Siti Hawa Salleh. (1994). *Unsur-Unsur Kepercayaan Manusia Melayu dalam Karya-Karya Historiografi Tradisional Melayu. Dalam Kesusasteraan Klasik: Manusia dan Kepercayaan. Diselenggarakan oleh Harun Daud*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Siti Hawa Salleh. (1994). Hikayat Merong Mahawangsa: Antara Mitos dan Realiti” dlm. Mohd Mandi Hassan (*Peny*) *Kesusasteraan Melayu Mitos dan Realiti: Esei/Kritikan Hadiah Sastera Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Salleh. (1997). *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Norashikin Azmi, Hanita Hassan, Wan Farah Wani Wan Fakhrudin & Zaliza Mohamad Nasir. (2019). Pemaknaan Naratif Lisan Pengalaman Dalam Cerpen Melayu. *LSP International Journal*, 6(2), 61-77.
- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2015). Konflik Dalam Cerita Rakyat Dan Kesannya Kepada Kanak-Kanak. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 5, 185-206.
- Siti Zuhaidah Zakeria. (2015). *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih Dalam Majalah Dewan Pelajar*. UPM, 1-18.
- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2016). Kesenambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak. *Journal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 4(1), 93-103.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud. (2017). Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 7(1), 47-63.
- Syaimak Ismail & Muhammad Saiful Islam. (2020). Unsur-Unsur Mistik dan Pemujaan Dalam Kalangan Masyarakat Melayu di Pulau Besar Negeri Melaka. *Jurnal Melayu*, 19(2).
- Taum, Yoseph Yapi. (2011). *Studi Sastra Lisan: Sejarah, Teori, Metode dan Pendekatan Disertai Contoh Penerapannya*. Yogyakarta: Lamalera.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *Pendeta: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 126-140.
- Tylor Edward Burnett. (1867). *Fenomena Perkembangan Tamadun: Menjejaki Asal Usul Sesebuah Bangsa*. London: London Oxford University Press.
- Wan Khairul Faiz Wan Kamarul Ariffin. (2019). *Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih Di Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).

- Wan Muhammad Aiman Wan Aziz. (2018). *Cerminan Pemikiran Masyarakat Melayu Yang Terpilih Dalam Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Wan Nurzafirah Wan Zin. (2019). *Analisis Cerpen Terpilih A. Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).
- Yusmilayati Yunos, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Muhd Norsizan Jamian, Zubir Idris. (2017). Komunikasi Bukan Lisan: Alamat Kedutan (Denyutan) Berdasarkan Mujarroat. *Jurnal Melayu Isu Khas 2017*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusoff Iskandar. (1986). Mitos dan Lagenda Sebagai Unsur Penulisan Sejarah Melayu. Ins. Zahrah Ibrahim (ed.) *Sastera Sejarah; Interpretasi dan Penilaian*: 140-164. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusoff Iskandar. (1986). *Diantara Fakta dan Mitos: Tradisi Persejaraan Didalam "Hikayat Siak"*. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Yusoff Iskandar, Kay Kim Khoo. (1988). *Pensejaraan Melayu Nusantara: Kajian Mengenai Sumber Penghayatan, Masalah dan Tafsiran Naskah-Naskah Terpilih Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitun Hassan. (2015). *Manifestasi Citra Alam Dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu Penelitian Firasat Melayu*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Pengajian Bahasa Melayu Kontemporari, Universiti Utara Malaysia. Kedah.
- Zul Pahmi Sahidin & Norazimah Zakaria. (2020). Kajian Ikon, Indeks dan Simbol Dalam Cerita Lagenda Lombok Berdasarkan Teori Semiotik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 187-194.

BIODATA PENKKAJI



Nama diberi Nurul Afiqah binti Zulkefli atau lebih dikenali dengan panggilan Nurul di kalangan rakan-rakan. Nurul dilahirkan pada tanggal 27 April 2000 di Selangor Darul Ehsan bertempat di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang dan kini berusia 23 tahun. Nurul berasal dari Temerloh, Pahang. Nurul mendapat pendidikan awalnya bermula di Sekolah Kebangsaan Paya Pulai dari tahun 2007 hingga tahun 2012 dan meneruskan pendidikannya di Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah dari tahun 2013 sehingga 2017. Pada tahun 2018, Nurul meneruskan pendidikannya dengan mengambil aliran agama iaitu Diploma Stam (Sijil Tinggi Agama Malaysia) selama setahun dan telah melanjutkan pelajarannya di Universiti Malaysia Kelantan pada tahun 2019. Hobi Nurul adalah membaca novel seram, menonton drama dan melukis. Cita-cita Nurul ingin menjadi seorang guru. Harapan Nurul untuk tahun ini dan masa akan datang agar menjadi insan yang berguna dan dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN